KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

BERITA JMM
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

JILID 49 | BIL 2/2026
MEI - OGOS 2026

SETULUS BAKTI, SEINDAH LEGASI



"Ke laut biru menebar jala,
Hasil diangkat di waktu senja,
Setulus bakti sepanjang masa,
Legasi indah kekal dikenang jua

Pohon rendang di tepi laman,
Akarnya kuat menjulang tinggi,
Jasamu tetap dalam ingatan,
Warisanmu kekal abadi."

Terima kasih atas khidmat bakti dan dedikasi yang tidak ternilai sepanjang perkhidmatan.

Selamat Bersara

Lidah Pengarang



Mohamad Shawali bin Haji Badi
Timbalan Ketua
Pengarah Dasar
Jabatan Muzium Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia MADANI.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, *Berita JMM Bil. 2/2026* dapat diterbitkan sebagai wadah untuk merakam dan mendokumentasikan pelbagai program serta pencapaian Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sepanjang Mei hingga Ogos 2026.

Peranan muzium sebagai institusi pemeliharaan warisan, pusat pendidikan dan penyebaran ilmu serta ruang yang mendekatkan masyarakat dengan sejarah dan budaya negara dapat dilihat melalui program-program yang dianjurkan. Penganjuran Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2026, Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah, program berkaitan warisan Orang Asli, pameran, bicara muzium, aktiviti STEM serta program jangkauan komuniti mencerminkan pendekatan JMM yang semakin terbuka, interaktif dan inklusif.

Pada masa yang sama, usaha penyelidikan, pendokumentasian dan perkongsian ilmu terus diperkukuh melalui kerjasama dengan institusi pengajian tinggi serta pelbagai pihak berkepentingan. Inisiatif seperti penyelidikan Kapal Karam *Nassau VOC 1606*, Bicara Muzium, Bicara Kurator dan pameran bertemakan warisan membuktikan bahawa khazanah muzium bukan sekadar untuk dipelihara, tetapi perlu dikaji, ditafsir dan dikongsikan agar terus relevan kepada masyarakat dan generasi akan datang.

Pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti tersebut turut mengambil kira pendekatan ***Outcome-Based Programme*** **(OBP)** yang memberi penekanan kepada hasil dan manfaat yang ingin dicapai melalui setiap inisiatif yang dilaksanakan. Pendekatan ini memastikan pelaksanaan program JMM tidak hanya berfokus kepada penyempurnaan aktiviti, tetapi turut mengambil kira keberkesanan dan impaknya terhadap kumpulan sasaran, khususnya dalam meningkatkan pengetahuan, kefahaman, kesedaran serta apresiasi masyarakat terhadap sejarah, budaya dan warisan negara.

Edisi pada kali ini juga merakamkan detik persaraan YBhg. Datuk Kamarul Baharin Bin A.Kasim sebagai Ketua Pengarah JMM. Kami semua merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga atas sumbangan dan jasa YBhg. Datuk semasa menerajui JMM sejak 2015. Selamat Bersara diucapkan kepada YBhg. Datuk daripada warga JMM.

Sekian, terima kasih.

Mohamad Shawali bin Haji Badi
Timbalan Ketua Pengarah Dasar
Jabatan Muzium Malaysia

Editorial

PENASIHAT
Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim

KETUA EDITOR
Mohd Razaimi bin Hamat

EDITOR
Mohd Khairill bin Jemangin

PENYELARAS
Manirah Binti Mansor
Azila binti Rohani@Rosani
Roseanida binti Abdul Kadir

FOTOGRAFI
Unit Sumber Media

EDARAN
Unit Dokumentasi

DITERBITKAN OLEH
Jabatan Muzium Malaysia
Jalan Damansara
50566 Kuala Lumpur
Tel : (+603) 2267 1000,
(+603) 2282 6255
Faks : (+603) 2282 6434
https://www.jmm.gov.my

DICETAK OLEH
Sepantas Kurnia (M) Sdn Bhd
No.50 &52A, Jalan Seri Aman,
Taman Seri Aman,
43200 Cheras Selangor.

Berita JMM diterbitkan 4 bulan sekali.
Berita ini boleh dimuat turun daripada laman web JMM.



RASIONAL GAMBAR MUKA DEPAN
DATUK KETUA PENGARAH BERSARA

ISI KANDUNGAN

04 SETULUS BAKTI, SEINDAH LEGASI: MENYINGKAP PERJALANAN DATUK KETUA PENGARAH DI JABATAN MUZIUM MALAYSIA

08 FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2026 JOHOR BAHRU MUZIUM MENYATUKAN DUNIA YANG TERPISAH

10 SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN ZON TENGAH

12 PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM BERSAMA BELIA SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN (SMP) ZON TENGAH DI MUZIUM NEGARA

18 BICARA MUZIUM LABUAN : MEMPERINGATI PERISTIWA OBOE SIX 1945

22 WORLD OCEAN DAY *"REIMAGINE: BEYOND THE WORLD WE KNOW, A NEW RELATIONSHIP WITH OUR OCEAN"*

24 MUZIUM PRIHATIN MEMPERKASA GALERI KOMUNITI

28 PROGRAM KOLABORASI STRATEGIK JMM BERSAMA THONG EMPIRE

34 BICARA@MUZIUM PERAK : MENGUPAS ISU PERANG PERAK 1875-1876 DARI PERSPEKTIF SEJARAH DAN DOKUMEN

49 MENELUSURI KEHIDUPAN DAN WARISAN MASYARAKAT ORANG ASLI DI PAHANG

54 NYIGAR BIDAYUH, SATU WARISAN BANGSA

56 DARI ARKIB KE MUZIUM: MENELUSURI SEMULA PERJANJIAN LABUAN 16 APRIL 1984

59 MENYINGKAP SEJARAH RUMAH PANJANG MATOP DI BETONG





BICARA TOKOH: MENJEJAK LEGASI, MEMELIHARA KHAZANAH NEGARA

Sesi Wawancara Eksklusif Bersama Mantan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia (JMM)

Oleh: Manirah binti Mansor, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi



Di sebalik kehebatan lipatan sejarah negara yang tersimpan kemas di muzium, terdapat tokoh penting yang telah menabur bakti bagi memastikan warisan negara terus dipelihara dan dihargai sepanjang zaman. Sidang redaksi Berita JMM berbesar hati kerana berpeluang meluangkan masa bersama mantan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia (JMM), YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim.
Ikuti perkongsian eksklusif beliau tentang cabaran pemeliharaan warisan serta falsafah kepimpinan dan pembangunan modal insan sebagai sumber inspirasi dan dokumentasi yang bernilai kepada seluruh warga jabatan.

PROFIL RINGKAS

NAMA PENUH

Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim

TEMPOH PERKHIDMATAN

1991 - 2026

TEMPOH MENERAJUI JMM

Sept. 2015 - Ogos 2026

PENDIDIKAN

- 1986 - 1989: Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial, Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- 2012 - 2014: Sarjana Persuratan, Institut Alam Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

PENGLIBATAN

- Yang DiPertua Persatuan Muzium Malaysia (PMM)
- Presiden International Council of Museums, Malaysia National Comittee of ICOM (ICOMMAL)
- Governing Board Member Seameo Regional Center for Archeology and Fine Arts (SEAMEO SPAFA)
- Ahli Lembaga Pengarah Muzium-Muzium Negeri (kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah)
- Ahli Lembaga Badan Warisan Kebangsaan

ANUGERAH

- 2007: Pingat Ahli Negeri Sembilan (ANS)
- 2016: Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M)
- 2016: Anugerah Tokoh Warisan Melaka

Setulus Bakti

SEINDAH LEGASI MENYINGKAP PERJALANAN **DATUK KETUA PENGARAH** DI JABATAN MUZIUM MALAYSIA

SESI WAWANCARA

PEWAWANCARA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera, Datuk. Terlebih dahulu, kami daripada sidang redaksi Berita Jabatan Muzium Malaysia (JMM) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesudian Datuk meluangkan masa bersama kami pada hari ini. Sesi wawancara istimewa ini bertujuan untuk mendokumentasikan perjalanan perkhidmatan, cabaran serta falsafah kepimpinan Datuk sepanjang menerajui JMM sebagai sumber inspirasi kepada seluruh warga jabatan. Sebagai pembuka bicara, boleh Datuk kongsikan serba sedikit tentang latar belakang awal kehidupan Datuk? Adakah penglibatan dalam dunia permuziuman merupakan cita-cita Datuk sejak kecil?

YBHG. DATUK: Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

Sebenarnya, kerjaya dalam bidang permuziuman bukanlah cita-cita asal saya sejak kecil, melainkan satu ketentuan rezeki yang telah disusun indah oleh Allah SWT. Saya dilahirkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, namun dibesarkan di Port Dickson berikutan tugas bapa saya sebagai seorang pendidik. Walaupun menetap di Port Dickson sehingga tamat Tingkatan Enam, saya tetap pulang ke kampung halaman di Kuala Pilah setiap kali cuti sekolah dan menjelang sambutan perayaan.

Dari sudut akademik, keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) saya dalam aliran Sains kurang memuaskan, namun saya memperoleh keputusan cemerlang (Gred 1) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik dan Pendidikan Islam. Pencapaian ini membolehkan saya meneruskan pengajian ke Tingkatan Enam dalam bidang aliran sastera. Berdasarkan keputusan cemerlang Gred 1 dalam subjek Sejarah, saya ditawarkan pengajian bidang undang-undang di Universiti Malaya (UM). Walau bagaimanapun, saya memilih untuk mengambil bidang ekonomi, sejarah dan antropolgi, dengan pengkhususan major dalam bidang antropologi.

PEWAWANCARA: Apakah faktor utama yang mendorong kecenderungan dan minat Datuk untuk memilih pengajian dalam bidang antropologi tersebut?

YBHG. DATUK: Dorongan awal minat saya bermula daripada persekitaran keluarga. Bapa saya ialah seorang guru pakar Bahasa Melayu dan kediaman kami dilengkapi perpustakaan mini yang menghimpunkan pelbagai karya sastera serta naskhah sejarah Melayu klasik. Seawal sebelum darjah enam lagi, saya sudah membaca pelbagai kitab dan buku hikayat lama, termasuk *Hikayat Anggun Cik Tunggal, Sejarah Melayu, Hikayat Merong Mahawangsa* dan *Hikayat Seribu Satu Malam.* Kecenderungan dalam penulisan sastera ini turut membolehkan saya merangkul anugerah penulisan cerpen peringkat kebangsaan semasa di tingkatan tiga.

Selain itu, keputusan memilih bidang antropologi turut dipengaruhi oleh pemerhatian saya terhadap pegawai Residen British terdahulu seperti Frank Swettenham dan J.W.W. Birch, yang memanfaatkan kefahaman sejarah serta antropologi untuk memahami struktur masyarakat tempatan. Pengajian antropologi di UM ketika itu turut membuka peluang kepada pelajar aliran sains kerana melibatkan analisis statistik, kualitatif dan kuantitatif. Minat saya semakin kukuh apabila menjalankan kajian lapangan dan tinggal bersama-sama masyarakat Orang Asli. Sebaik sahaja tamat pengajian, saya memohon beberapa jawatan dan akhirnya memulakan kerjaya di muzium.

PEWAWANCARA: Boleh Datuk kongsikan sejarah perjalanan kerjaya Datuk dari awal sehingga dilantik memikul amanah sebagai Ketua Pengarah JMM?

YBHG. DATUK: Perkhidmatan saya bermula di Muzium Negara dengan dengan memegang tanggungjawab menguruskan koleksi di bawah Unit Antropolgi selama sepuluh tahun. Pada tahun 1995, Jabatan Muzium Negara dijenamakan semula sebagai Jabatan Muzium dan Antikuiti (JMA) seiring dengan penubuhan cawangan di peringkat negeri. Menerusi penyusunan semula organisasi pada tahun 2000, Unit Antropologi dinaik taraf menjadi Bahagian Pengurusan Koleksi. Di bahagian inilah saya mengasaskan konsep Muziologi Dunia Melayu, yang memerlukan saya menjalankan penyelidikan mengenai diaspora Melayu di Kemboja, Indonesi, Vietnam, hingga ke Afrika Selatan.

Pada tahun 2005, saya dipinjamkan ke Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa) sebagai Setiausaha Bahagian (SUB) bagi membantu penubuhan Jabatan Warisan Negara (JWN), disamping menganggotai jawatankuasa penggubal Akta Warisan Kebangsaan 2006. Saya kembali semula ke JMM pada tahun 2009 untuk memegang jawatan sebagai Pengarah Muzium Negara dan seterusnya Timbalan Ketua Pengarah, sebelum diberi kepercayaan menerajui JMM sebagai Ketua Pengarah pada tahun 2015.

PEWAWANCARA: Sepanjang tempoh Datuk menerajui jabatan, apakah cabaran terbesar yang dihadapi oleh institusi permuziuman negara?

YBHG. DATUK: Cabaran paling ketara meliputi aspek penyelenggaraan prasarana bangunan dan pengurusan aset jabatan. Kebanyakan muzium berhadapan dengan masalah teknikal seperti kebocoran sistem perpaipan dan kerosakan infrastruktur fizikal yang memerlukan penyelenggaraan berkala.

Dari aspek persekitaran luaran pula, institusi muzium berhadapan dengan persaingan sengit daripada tarikan moden seperti taman tema, pusat beli-belah dan pelbagai pusat hiburan. Corak kunjungan masyarakat telah berubah kita tidak boleh lagi bersikap pasif dengan hanya mempamerkan bahan pameran secara statik. Sebaliknya, muzium wajib bertransformasi mengikut arus perkembangan teknologi dan kehendak generasi masa kini.

PEWAWANCARA: Apakah langkah strategik dan inisiatif utama yang telah dilaksanakan untuk mendepani cabaran persaingan tersebut?

YBHG. DATUK: Langkah pertama yang telah di laksanakan ialah memperkenalkan projek pendigitalan muzium. Saya telah membentangkan permohonan di Parlimen bagi memperoleh peruntukan sebanyak RM5 juta untuk menyediakan kemudahan capaian Wi-Fi secara berperingkat di seluruh muzium naungan JMM. Kemudahan ini membolehkan pengunjung berinteraksi secara digital dengan bahan pameran menerusi peranti pintar. Kedua, pengisian program dirangka semula agar lebih interaktif dan berteraskan aktiviti kekeluargaan, termasuk penganjuran aktiviti harian serta program ikonik "Bermalam di Muzium Perdana" menerusi kerjasama strategik dengan muzium-muzium negeri. Ketiga, program **Pakar Bidang Khusus** (*Subject Matter Expert - SME*) untuk meningkatkan kompetensi pegawai dengan menghantar mereka menjalani latihan kepakaran di luar negara seperti di United Kingdom, Jepun, Filipina dan India.

PEWAWANCARA: Datuk sering menekankan aspek pengurusan modal insan. Apakah prinsip kepimpinan yang menjadi pegangan Datuk sepanjang mengetuai organisasi yang besar ini?

YBHG. DATUK: Falsafah kepimpinan saya terasnya mudah: **"Jangan bertindak sebagai ketua yang hanya memberi arahan, sebaliknya bertindaklah sebagai pemimpin."** Seorang ketua hanya menuntut penghormatan dan memberikan arahan, manakala seorang pemimpin bertindak sebagai pembimbing yang bekerja bersama-sama pasukannya. Peranan utama pemimpin adalah untuk melatih dan melahirkan pegawai yang lebih berkeupayaan dan berpengetahuan daripada dirinya sendiri.

Oleh itu, saya amat menyokong peningkatan taraf akademik warga kerja. Sepanjang perkhidmatan, saya mendorong ramai pegawai dan kumpulan pelaksana untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dan Doktor Falasafah (PhD). Hasilnya, hampir 60 peratus pembantu muzium berjaya memperoleh kelayakan Diploma dan sebahagian daripada mereka kini berkhidmat sebagai pensyarah di universiti awam.

PEWAWANCARA: Bagaimanakah Datuk menterjemahkan aspek integriti dalam amalan pengurusan harian?

YBHG. DATUK: Integriti dizahirkan menerusi **Kepimpinan Melalui Teladan**. Saya mengamalkan disiplin hadir awal ke pejabat sebelum waktu bekerja dan menyelesaikan tugasan sehingga lewat malam. Pentadbiran saya menetapkan sasaran tegas agar tiada sebarang dokumen, fail, tuntutan, atau surat rasmi tertunggak melebihi tempoh satu minggu di atas meja kerja.

Selain itu, saya mengelakkan penampilan peribadi yang berlebihan di media sosial mahupun media massa. Penekanan utama harus diberikan kepada penjenamaan dan reputasi Jabatan Muzium Malaysia, bukannya popularity individu.

PEWAWANCARA: Menyentuh mengenai penganjuran "Pameran Hantu" yang mencatatkan rekod kehadiran pengunjung yang amat luar biasa, apakah matlamat sebenar penganjuran pameran tersebut?

YBHG. DATUK: Pameran tersebut dianjurkan sepenuhnya berteraskan kerangka kajian antropologi dan akademik, bukannya untuk mempromosikan kepercayaan khurafat. Matlamat penyelidikan kami adalah untuk mengkaji bagaimana sistem kepercayaan animisme berevolusi menjadi fenomena budaya, dengan merujuk naskhah ilmiah seperti *Malay Magic* karya Walter William Skeat. Kami mempamerkan pelbagai manifestasi budaya seperti penggunaan tangkal dan daun mengkuang bagi bayi dalam masyarakat Melayu, amalan pembersihan kubur (Qingming) dalam masyarakat Cina, serta pesta moyang masyarakat Orang Asli.

PEWAWANCARA: Adakah wujud cabaran atau peristiwa di luar kebiasaan sepanjang penganjuran pameran tersebut?

YBHG. DATUK: Memang tidak dinafikan berlaku beberapa kejadian di luar kebiasaan semasa proses pemindahan artifak sensitif seperti jenglot dan janin tradisional dari Pattani, dimana kenderaan pengangkut dirasai amat berat dan bergegar secara misteri. Walau bagaimanapun, saya sentiasa mengingatkan warga kerja agar tidak taksub. Kita wajib meyakini kewujudan perkara ghaib mengikut tuntutan syarak, namun tidak sekali-kali terjerumus ke lembah syirik. Pegangan iman yang kukuh dan fikiran yang rasional adalah benteng utama daripada gangguan sedemikian.

PEWAWANCARA: Datuk telah mengusahakan draf Akta Muzium sebelum bersara. Mengapakah penggubalan akta ini dianggap sebagai satu keperluan yang sangat kritikal bagi masa depan permuziuman negara?

YBHG. DATUK: Penggubalan Akta Muzium amat penting bagi mewujudkan piawaian profesionalisme yang tegas. Sebelum ini, wujud kecenderungan premis komersial sewenang-wenangnya menggunakan sebutan "muzium" bagi tujuan perniagaan. Menerusi akta ini, pengikirafan sebagai muzium hanya diberikan kepada institusi yang memenuhi lima fungsi teras:

1. Menjalankan aktiviti penyelidikan secara tersusun.
2. Mempunyai repositori simpanan koleksi yang selamat dan sempurna.
3. Memiliki sistem pendokumentasian bahan warisan yang teratur.
4. Mematuhi standard pemeliharaan dan pemuliharaan (konservasi) bahan yang diiktiraf.
5. Menyediakan ruang pameran mengikut aras pandangan mata (*eye level*) yang betul.

Di samping itu, akta ini berfungsi sebagai instrumen kawalan sementara negara bagi mengekang penubuhan muzium bercorak ideologi sensitif atau ajaran sesat yang menggugat keharmonian awam.

PEWAWANCARA: Sebagai penutup, apakah pesanan Datuk kepada generasi muda dan warga permuziuman?

YBHG. DATUK: Pesanan utama saya adalah agar generasi muda membudayakan amalan membaca naskhah fizikal dan tidak bergantung secara sewenang-wenangnya kepada maklumat segera di internet atau kecerdasan buatan (AI). AI merupakan alat bantuan, namun keupayaan berfikir secara kritis dan kreatif tetap bersumberkan pembacaan dan penyelidikan yang mendalam.

Selain itu, pegawai muzium hendaklah rajin turun ke lapangan untuk memahami falsafah di sebalik warisan negara. Sebagai contoh, setiap lekuk dan jenis keris serta adab pemakaian busana Melayu mengandungi Falsafah Melayu yang tersirat. Warisan ini merupakan benteng kedaulatan bangsa dan negara yang wajib dipertahankan.

PEWAWANCARA: Terima kasih banyak Datuk atas kesudian meluangkan masa dan berkongsi pandangan serta pengalaman yang amat berharga ini.

YBHG. DATUK: Sama-sama. Semoga usaha kita dalam mendokumentasikan khazanah warisan negara ini mendapat keberkatan.




MAJLIS AMANAT
KETUA PENGARAH
JABATAN MUZIUM MALAYSIA
&
MAJ SANJUNGAN BUDI
BAIAN SIH




MAJLIS AMANAT
KETUA PENGARAH
JABATAN MUZIUM MALAYSIA
&
MAJ S SANJUNGAN BUDI
MBAIA KASIH
PE ERAH TUGA













FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2026 JOHOR BAHRU

MUZIUM MENYATUKAN DUNIA YANG TERPISAH

Oleh : Raja Suriati Binti Raja Ahmed, Urusetia Induk FHMAPK 2026

JOHOR BAHRU – Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2026 (FHMAPK 2026) yang berlangsung dari 23 hingga 30 Jun 2026 di Johor berjaya mencatatkan kehadiran seramai 157,237 pengunjung, sekali gus melepasi sasaran awal penganjuran.

Bertemakan "Muzium Menyatukan Dunia yang Terpisah" atau *Museums Uniting a Divided World*, festival ini mengangkat peranan muzium bukan sahaja sebagai institusi yang memelihara koleksi dan khazanah negara, tetapi juga sebagai ruang awam yang menghubungkan masyarakat merentasi perbezaan budaya, generasi dan latar belakang.

Padang Akasia, Angsana Johor Bahru Mall menjadi lokasi utama pameran dan aktiviti festival. Program turut diperluas ke beberapa lokasi lain, termasuk Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar, Kompleks Sukan EduCity di Iskandar Puteri, sekitar bandar raya Johor Bahru dan Pontian.

Pengisian program festival ini bermula dengan Majlis Makan Malam Kesejahteraan FHMAPK 2026 pada 23 Jun 2026 di Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar. Majlis Perasmian FHMAPK 2026 pula telah berlangsung pada 24 Jun 2026 di Padang Akasia, Angsana Johor Bahru Mall dan disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara serentak dengan pembukaan pameran, Jerayawara Warisan, Makar Fest JB x FHMAPK 2026 serta pelbagai aktiviti pendidikan dan kebudayaan.

Sebanyak 35 pameran utama dan reruai disertai oleh muzium persekutuan, muzium negeri, institusi, agensi serta peserta antarabangsa. Pelbagai koleksi, artifak, bahan sejarah, hasil seni, warisan budaya dan aktiviti interaktif dipersembahkan bagi memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih dekat dan menarik kepada pengunjung.

Komponen pendidikan turut diperkasakan melalui bicara warisan, perkongsian ilmiah, kuiz, demonstrasi dan bengkel. Antaranya ialah Bengkel Pembuatan Wau Merak Johor, Bengkel Pembuatan Kuih Tradisional Johor, Bengkel *Handloom* Motif Kain Benang Johor, Bengkel Seramik Johor serta Bengkel Muzik Gambus dan Zapin.

Sebanyak 5,000 set aktiviti STEM dan DIY, 20 demonstrasi dan perkongsian ilmiah serta 300 aktiviti dan kuiz pameran disediakan setiap hari sepanjang festival berlangsung. Aktiviti seperti seni cetak, batik, tembikar, anyaman, kraftangan dan simulasi ekskavasi menjadikan pembelajaran sejarah serta warisan lebih santai, kreatif dan mesra keluarga.

Suasana festival turut dimeriahkan dengan Jerayawara Warisan yang membawa tema berbeza setiap hari, antaranya "Seni Klasik, Jiwa Komuniti", "Warna-Warni Budaya Kita", "Fusion Budaya: Dulu dan Kini", "Harmony in Diversity" dan "Citra Budaya". Persembahan ghazal, dikir barat, angklung, gendang Cina, sape, zapin, silat, tarian serta persembahan komuniti menyerlahkan kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia.

Makar Fest JB x FHMAPK 2026 pula menggabungkan elemen kopi, seni kreatif, muzik, jualan kraf dan makanan menerusi pengisian seperti 3C Lab atau *Coffee, Chat and Creation Culture*, persembahan *busking*, mural, *podcast*, konsert kebudayaan dan aktiviti kreatif bersama komuniti.

FHMAPK 2026 turut membawa pengisian permuziuman keluar daripada ruang pameran melalui pertandingan sukan antara kontinjen, sukan tradisional dan Teluk Belanga Fun Walk.

Program Meh La Pontian: Kelana Keringat dan Budaya Sarapan Pagi pada 28 Jun mengetengahkan kehidupan komuniti serta budaya makanan setempat di Galeri Warisan Kampung Permatang Duku dan Taman Rekreasi Tampok Laut. Pada 29 Jun, peserta menyertai Meh La JB @ Warisan, iaitu jelajah warisan di sekitar bandar raya Johor Bahru sebelum menghadiri Majlis Makan Malam Penutup FHMAPK 2026 di Berjaya Waterfront Hotel.

Secara keseluruhan, FHMAPK 2026 membuktikan bahawa pendekatan berbentuk festival berupaya mendekatkan institusi muzium kepada masyarakat dalam suasana yang lebih terbuka, interaktif dan inklusif. Selain itu, penganjuran ini turut memperkukuh jaringan kerjasama antara institusi permuziuman, agensi kerajaan, pihak swasta, institusi pendidikan, rakan antarabangsa dan komuniti. Pada masa yang sama, festival menyokong promosi Johor sebagai destinasi pelancongan warisan dan budaya serta membuka peluang ekonomi kepada usahawan, peniaga dan penyedia perkhidmatan tempatan.





MAGIS BELANTARA 2026 SEMARAKKAN WARISAN DAN KEBUDAYAAN ORANG ASLI

Oleh : Norhayati binti Ismail, Muzium Seni Kraf Orang Asli



KUALA LUMPUR - Program Citra Nusa: Magis Belantara 2026 anjuran Jabatan Muzium Malaysia menerusi Muzium Seni Kraf Orang Asli (MSKOA) telah berlangsung selama dua hari, pada 8 hingga 9 Ogos 2026, dengan mengangkat keunikan budaya, seni, warisan dan sejarah masyarakat Orang Asli sebagai teras utama program. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Magis Belantara merupakan program berkonsepkan "budaya yang dipentaskan" (stage culture) yang menghimpunkan kepelbagaian budaya daripada 18 masyarakat Orang Asli di Malaysia. Konsep ini memberikan ruang kepada khazanah budaya Orang Asli untuk diketengahkan dalam bentuk yang lebih dekat, menarik dan mudah dihayati oleh masyarakat umum. Melalui pendekatan ini, pengunjung berpeluang menyaksikan persembahan kebudayaan serta melihat dan mencuba sendiri pelbagai bentuk seni, warisan, kemahiran tradisional dan aktiviti berkaitan masyarakat Orang Asli.

Sepanjang program berlangsung, pengunjung disajikan dengan pelbagai pengisian yang menggabungkan elemen persembahan, pendidikan, demonstrasi dan aktiviti interaktif. Antara pengisian utama program iaitu persembahan kebudayaan Orang Asli serta pameran mini bertajuk "Seni Alat Perburuan Orang Asli" yang mengetengahkan pelbagai peralatan perburuan tradisional, sekali gus memperlihatkan kreativiti, kemahiran dan hubungan erat masyarakat Orang Asli dengan alam sekitar dan amalan tradisi yang diwarisi secara turun-temurun.

Turut diadakan demonstrasi anyaman, ukiran kayu dan topeng, permainan gasing dan kerchang serta aktiviti menyumpit. Aktiviti lukisan pensel dan mewarna turut disediakan khusus untuk kanak-kanak bagi menggalakkan kreativiti sambil mengenali budaya dan kehidupan masyarakat Orang Asli.

Aspek makanan warisan diketengahkan menerusi Pertandingan Memasak Masakan Warisan Orang Asli yang disertai 34 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk wakil Kawasan Rukun Tetangga (KRT), pelajar universiti dan orang perseorangan. Penyertaan tersebut membuktikan bahawa makanan tradisional mampu menjadi medium yang menghubungkan masyarakat serta memperkenalkan warisan kulinari Orang Asli kepada khalayak yang lebih luas. Pengunjung turut berpeluang menguji pengetahuan melalui aktiviti kuiz Kahoot! yang disediakan sepanjang program.

Turut memeriahkan program ialah jualan produk dan reruai yang disertai pelbagai komuniti Orang Asli. Penyertaan ini memberikan peluang kepada pengunjung mengenali hasil dan produk komuniti serta potensi ekonomi mereka, di samping menyokong usaha memperkasakan komuniti melalui promosi produk dan hasil tempatan.

Program ini turut mendapat sokongan dan penglibatan pelbagai pihak, antaranya Radio Asyik, studio bergerak Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), *KL Hop-On Hop-Off* dan *Petting Zoo.*

Gabungan pelbagai pengisian, termasuk persembahan kebudayaan Orang Asli menjadikan Citra Nusa: Magis Belantara 2026 sebuah platform yang mengetengahkan aspek hiburan, pendidikan, interaksi, keusahawanan komuniti dan apresiasi budaya.





Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah 2026 Perkukuh Semangat Kebersamaan Rakyat Malaysia

Oleh: Mohd Jamil bin Haron, Muzium Negara

KUALA LUMPUR - Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah 2026 yang berlangsung di Muzium Negara pada 15 hingga 17 Mei 2026 telah berjaya menghimpunkan masyarakat daripada pelbagai kaum, agama dan latar belakang dalam suasana yang harmoni dan meriah. Program anjuran Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia ini merupakan manifestasi komitmen kerajaan dalam memperkukuh agenda perpaduan nasional melalui pendekatan yang inklusif yang berteraskan penglibatan komuniti. Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah 2026 serta Majlis Penutupan Program Bermalam di Muzium Bersama Belia telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara pada 16 Mei 2026, yang turut dihadiri oleh tetamu jemputan daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Sambutan Minggu Perpaduan untuk dilaksanakan pada minggu terakhir bulan Mei setiap tahun. Inisiatif ini memberi fokus kepada tiga prinsip utama hubungan antara etnik iaitu faham, hormat dan terima yang menjadi asas kepada pembinaan masyarakat Malaysia yang aman dan sejahtera.

Pemilihan Muzium Negara sebagai lokasi penganjuran memberikan nilai simbolik yang amat signifikan. Sebagai institusi yang menyimpan khazanah sejarah dan warisan negara, Muzium Negara memainkan peranan penting dalam menyampaikan naratif pembentukan negara bangsa kepada masyarakat. Pengunjung bukan sahaja berpeluang menyertai pelbagai aktiviti malah dapat mendalami sejarah negara serta memahami bagaimana perpaduan menjadi tunjang kepada pembangunan Malaysia sejak dahulu hingga kini. Bertemakan “Bersama Membina Negara Bangsa”, sambutan kali ini menampilkan pelbagai pengisian menarik. Pendekatan ini membolehkan program yang dilaksanakan merangkumi aspek pendidikan sivik, penghayatan budaya, kesejahteraan komuniti serta pengukuhan jaringan sosial masyarakat.

Antara aktiviti yang paling mendapat perhatian ialah Pesta Cita Rasa Sambal Perpaduan yang dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Seni Warisan Artistik Digital Malaysia. Program ini mengetengahkan sambal sebagai simbol penyatuan masyarakat Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian budaya. Melalui Pameran Miniatur Sambal Perpaduan, pengunjung dapat mengenali pelbagai variasi sambal yang menjadi sebahagian daripada identiti kulinari masyarakat di negara ini. Segmen *Food Unites* pula menghimpunkan pengusaha









makanan daripada pelbagai kaum yang menawarkan juadah berasaskan sambal. Program ini membuktikan bahawa makanan mampu menjadi medium penyatuan masyarakat serta menjadi bahasa universal yang merentasi sempadan budaya dan etnik. Demonstrasi menggiling cili secara tradisional turut menarik perhatian pengunjung yang berpeluang menyaksikan sendiri kaedah penyediaan sambal warisan turun-temurun.

Turut menjadi tumpuan iaitu Pameran Kami Anak Malaysia yang dianjurkan melalui kerjasama strategik bersama Yenji Clay Craft. Pameran ini mempamerkan koleksi patung miniatur yang menggambarkan kepelbagaian budaya, adat resam dan warisan masyarakat Malaysia. Setiap miniatur yang dipamerkan menonjolkan elemen unik yang mencerminkan identiti pelbagai etnik di negara ini. Program "Bermalam di Muzium Bersama Belia" pula merupakan antara pengisian baharu yang diperkenalkan sempena sambutan kali ini. Program julung kali ini melibatkan penyertaan mahasiswa institusi pengajian tinggi dan kolej daripada pelbagai latar belakang. Peserta diberikan peluang merasai pengalaman unik bermalam di Muzium Negara sambil mengikuti pelbagai aktiviti berunsurkan sejarah, pendidikan dan pembangunan sahsiah. Program ini bertujuan mendekatkan golongan muda dengan institusi muzium sebagai pusat ilmu dan sejarah negara, selain membina hubungan sosial yang lebih erat dalam kalangan peserta. Selain itu, penyertaan tujuh orang finalis Unduk Ngadau Lembah Klang 2026 bersama beberapa bekas peserta pertandingan tersebut turut menambah kemeriahan program. Kehadiran mereka memberi peluang kepada peserta dan pengunjung untuk mengenali budaya masyarakat Sabah dengan lebih dekat serta menghargai kepelbagaian budaya di Malaysia.

Turut diadakan ialah *Unity Brisk Walk* Busana Etnik yang menghimpunkan kira-kira 1,000 orang peserta daripada pelbagai kaum. Program ini menjadi simbol perpaduan apabila peserta hadir mengenakan pakaian tradisional pelbagai etnik seperti Baju Melayu, Cheongsam, Sari, Ngepan Iban dan pakaian tradisional masyarakat Sabah yang berwarna-warni.

Selain itu, perkhidmatan lawatan berpandu percuma pada waktu malam yang dikendalikan oleh Sukarelawan Muzium, Jabatan Muzium Malaysia turut mendapat sambutan menggalakkan. Pengunjung berpeluang meneroka galeri muzium dalam suasana berbeza sambil mendapatkan penerangan dalam pelbagai bahasa antarabangsa termasuk Bahasa Inggeris, Mandarin, Perancis, Korea dan Jepun.

Dalam usaha menyokong kebajikan golongan muda, Jabatan Muzium Malaysia turut menyediakan perkhidmatan tukar minyak hitam percuma kepada siswa institusi pengajian tinggi dan kolej yang menggunakan motosikal sebagai kenderaan utama. Inisiatif ini mencerminkan keprihatinan pihak penganjur terhadap cabaran kos sara hidup yang dihadapi oleh pelajar pada masa kini.

Dengan sasaran kehadiran seramai 25,000 pengunjung, Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah 2026 bukan sekadar sebuah program tahunan, tetapi menjadi wadah penting dalam memperkukuh semangat perpaduan dan integrasi nasional. Program ini membuktikan bahawa perpaduan dapat dipupuk melalui pendekatan yang kreatif, inklusif dan melibatkan penyertaan aktif masyarakat. Sesungguhnya, kejayaan penganjuran ini membuktikan bahawa semangat perpaduan terus subur dalam jiwa rakyat Malaysia.

Program Bermalam
Di Muzium Bersama Belia SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN (SMP) ZON TENGAH DI MUZIUM NEGARA

Oleh : Shenna Anak Skem, Muzium Negara







KUALA LUMPUR - Penganjuran Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) Zon Tengah yang berlangsung pada 15 hingga 17 Mei 2026 di Muzium Negara, Kuala Lumpur telah menyaksikan keberkesanan inisiatif strategik kerajaan dalam mengukuhkan integrasi nasional. Salah satu pengisian utama yang signifikan iaitu Program Bermalam di Muzium Bersama Belia.

Inti pati utama program ini memfokuskan kepada pendedahan empirikal terhadap fungsi operasional di sebalik tabir institusi permuziuman. Para peserta tidak sekadar berperanan sebagai pemerhati pasif di galeri pameran, malah diberi pendedahan praktikal mengenai kerja-kerja kuratorial melalui modul "Siapa Kurator" dan aktiviti Restorasi Seramik. Penglibatan seramai 100 orang mahasiswa Universiti Kuala Lumpur British Malaysian Institute (UniKL) secara tidak langsung membawa nafas baharu kepada dunia muzium permuziuman. Komitmen yang ditunjukkan oleh golongan muda ini jelas membuktikan bahawa penggunaan teknologi moden bukan penghalang, sebaliknya boleh berjalan seiring dengan usaha memelihara warisan tradisi demi tatapan generasi akan datang.

Sesi taklimat khas berkaitan fungsi kurator telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah, Muzium Negara, Puan Nor Hanisah binti Ahmad. Dalam sesi tersebut, beliau memberikan pencerahan mengenai peranan kurator sebagai penjaga amanah warisan yang bertanggungjawab dalam penyelidikan, perolehan artifak serta pendokumentasian sejarah bagi memastikan ketulenan setiap maklumat yang dipamerkan.

Seterusnya, pemahaman teoretikal tersebut diterjemahkan melalui aktiviti restorasi seramik. Melalui aktiviti ini, peserta didedahkan dengan teknik rekonstruksi artifak yang memerlukan ketelitian tinggi dalam mencantum serpihan seramik. Proses ini bukan sahaja menguji kemahiran motor halus dan kesabaran peserta, tetapi juga memberikan kesedaran tentang betapa rumitnya memelihara bukti fizikal peradaban bangsa. Pengalaman "hands-on" ini membolehkan mahasiswa menghargai setiap artifak bukan sekadar objek mati, tetapi sebagai naratif sejarah yang perlu dipulihara dengan penuh cermat demi kelangsungan generasi akan datang.

Melalui aktiviti Eksplorasi Bersama Unduk Ngadau, peserta dibawa mendalami naratif budaya melalui aktiviti ekspolorasi galeri tetap. Kehadiran ikon budaya ini berfungsi sebagai simbolik kepada perpaduan utuh antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Hal ini selaras dengan objektif Minggu Perpaduan yang mementingkan pengiktirafan terhadap kepelbagaian budaya sebagai aset kekuatan negara. Selain itu, modul Gerak Kreatif Inklusif yang menggabungkan elemen tarian dan kreativiti berkumpulan berjaya menyatukan para peserta daripada pelbagai latar belakang. Melalui aktiviti santai ini, mereka bukan sahaja dapat mengikis rasa kekok dan prasangka, malah berjaya memupuk semangat perpaduan dan persefahaman yang lebih erat antara kaum.

Kemuncak kepada program ini sudah pastinya pengalaman bermalam di dalam ruang galeri muzium itu sendiri. Pengalaman sebegini memberikan satu perasaan serta sudut pandang yang berbeza, sekali gus mendidik para peserta untuk lebih menghargai koleksi atau artifak pameran dalam suasana yang lebih dekat dan eksklusif. Melalui interaksi ruang dan sejarah ini, para peserta didorong untuk memikul tanggungjawab sebagai "Duta Warisan". Peranan ini menuntut mereka untuk menyebarluaskan nilai-nilai murni serta kepentingan pemeliharaan sejarah kepada rakan sebaya dan masyarakat umum secara lebih proaktif. Dengan kefahaman yang diperoleh secara langsung, belia UniKL ini diharapkan dapat memanfaatkan platform digital dan sosial mereka untuk memartabatkan khazanah negara, sekali gus memastikan kepentingan sejarah tetap relevan dalam mendepani arus modenisasi.

Secara keseluruhannya, Program Bermalam di Muzium sempena Minggu Perpaduan Zon Tengah 2026 telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Kejayaan ini membuktikan bahawa melalui pengisian yang bersifat interaktif dan substantif seperti bengkel restorasi dan eksplorasi budaya, muzium berupaya menjadi platform perpaduan yang paling dinamik dan efektif.

Program Nostalgia RAYA LABUAN 2026 SEMAI PENGHAYATAN WARISAN AIDILFITRI

Oleh : Zainon Binti Halon, Muzium Labuan

LABUAN – Program Nostalgia Raya Labuan 2026 telah berlangsung dari 16 Mac hingga 9 Mei 2026. Program anjuran bersama Muzium Labuan dan Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP), Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan ini bertujuan memberi peluang kepada masyarakat, khususnya para pelajar dan warga pendidik untuk menghargai keunikan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada zaman dahulu melalui elemen nostalgia, kreativiti dan teknologi digital.

Sepanjang tempoh penganjuran, pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan termasuklah Mini Pameran Nostalgia Raya Masyarakat Labuan yang menampilkan koleksi dan paparan suasana sambutan Aidilfitri masa lampau. Bagi menggalakkan penyertaan aktif dalam kalangan pelajar, beberapa pertandingan turut dianjurkan seperti Pertandingan Kad Raya, Nyanyian Raya, Pantun Raya dan Video Kisah Raya bagi kategori sekolah rendah dan menengah. Inisiatif ini menjadi platform terbaik untuk menyerlahkan bakat serta membolehkan peserta menghayati makna sambutan Hari Raya melalui pendekatan yang lebih interaktif dan inovatif.

Majlis Penutup Program Nostalgia Raya Labuan 2026 telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Encik Yahya Bin Ahmad Puteh, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Yang Berusaha Puan Murniza Binti Mohammad, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Maklumat, Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan serta Yang Berusaha Encik Muhammad Azam Bin Adnan, Pengarah Muzium Labuan.



Pameran Raja Kita Sempena Sambutan Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVII Peringkat Sarawak 2026

Oleh : Rohana binti Husin, Muzium Diraja



BETONG - Bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan rasmi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVII pada 1 Jun yang lalu, Bahagian Betong telah dipilih sebagai tuan rumah bagi acara sambutan di peringkat negeri Sarawak. Sambutan ini diadakan setiap tahun oleh pihak Jabatan Premier Sarawak sebagai tanda penghormatan dan kesetiaan rakyat kepada Yang di-Pertuan Agong. Pelbagai pengisian program telah diadakan, antaranya Pameran Raja Kita, khutbah khas di masjid-masjid seluruh Sarawak, Majlis Kesyukuran Agama-Agama Lain dan Majlis Jamuan Teh.

Majlis pra-peluncuran Pameran Raja Kita telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak, YB Datuk Gerald Rentap Rabu, pada 11 Jun 2026. Pameran ini diadakan bertujuan untuk menyebarluaskan maklumat berkaitan sejarah Institusi Yang di-Pertuan Agong serta membolehkan masyarakat khususnya di Borneo, dapat mengenali lebih dekat sisi peribadi Yang di-Pertuan Agong XVII, Sultan Ibrahim dan Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofea. Pameran telah berlangsung selama empat hari bermula 11 hingga 14 Jun 2026 dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang di perkarangan Dewan Sukan Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan. Sebanyak sembilan koleksi tengkolok Raja-Raja Negeri Melayu dipamerkan, di samping pelbagai aktiviti sampingan iaitu kuiz serta demonstrasi lipatan kain samping dan tengkolok. Jumlah pelawat yang hadir ke pameran ini mencecah 7,500 orang yang terdiri daripada pemimpin tempatan, warga sekolah rendah dan menengah, pelajar kolej dan agensi kerajaan dan swasta serta masyarakat setempat di Bahagian Betong.

Kemuncak sambutan berlangsung pada 14 Jun 2026 menerusi Majlis Jamuan Teh yang diserikan dengan kehadiran Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar bersama isteri, Toh Puan Datuk Patinggi Fauziah Mohd. Sanusi.

PAMERAN
KAMI ANAK MALAYSIA:

Muzium Sebagai Tapak Integrasi Memupuk Jati Diri Bangsa Melalui Seni Kreatif

Oleh: Nor Hanisah binti Ahmad, Muzium Negara



KUALA LUMPUR - Muzium bukan sekadar institusi yang memelihara dan mempamerkan khazanah sejarah dan budaya, malah berperanan sebagai ruang pembelajaran, dialog dan penyatuan masyarakat. Berlandaskan aspirasi tersebut, Muzium Negara dengan kerjasama Yenji Artist Lab telah menganjurkan **Pameran "Kami Anak Malaysia"** bermula **15 Mei hingga 31 Ogos 2026**. Pameran ini mempamerkan sebanyak 295 figurin manifestasi penghargaan terhadap kepelbagaian sejarah, seni dan budaya Malaysia.

Majlis peluncuran pameran telah disempurnakan oleh YB Dato' Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara yang menegaskan bahawa muzium perlu terus berfungsi sebagai tapak integrasi dan menjadi medan yang dinamik dalam memperkukuh perpaduan rakyat. Dalam ucapannya, beliau berkata bahawa Pameran "Kami Anak Malaysia" bukan sekadar menghimpunkan koleksi atau karya seni, sebaliknya mengangkat naratif kebersamaan sebuah bangsa yang rencam.

"Sudah menjadi hasrat kementerian untuk melihat setiap ruang di Muzium Negara ini bertukar menjadi tapak integrasi yang dinamik. Melalui Pameran 'Kami Anak Malaysia', kita bukan sekadar mempamerkan artifak atau gambar, tetapi kita sedang menceritakan naratif kebersamaan sebuah bangsa yang rencam."

Beliau turut mengajak seluruh rakyat Malaysia mengunjungi pameran tersebut bagi menghayati nilai perpaduan dan identiti nasional. Pameran ini memberi peluang kepada generasi muda mengekspresikan kreativiti melalui seni, di samping mendalami keunikan warisan negara. Setiap figurin yang dihasilkan bukan sekadar karya seni, tetapi membawa naratif tersendiri yang menggambarkan kepelbagaian budaya, adat resam, pakaian tradisional, makanan, permainan dan amalan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

YB Menteri Perpaduan Negara menjelaskan bahawa pemilihan tajuk **"Kami Anak Malaysia"** membawa makna yang amat mendalam kerana mencerminkan rasa kebersamaan, tanggungjawab dan kesetiaan kepada tanah air.

"Menjadi 'Anak Malaysia' bermakna kita berkongsi bumbung yang sama, menghirup udara yang sama, dan setia kepada tanah air yang sama. Pameran ini digarap khas untuk menyorot kembali sejarah, budaya, adat resam serta detik-detik penting yang membentuk identiti nasional kita di bawah payung Malaysia MADANI."

Keistimewaan pameran ini terletak pada penglibatan aktif murid dalam keseluruhan proses penghasilan figurin. Sebelum menghasilkan karya, setiap peserta perlu menjalankan penyelidikan terperinci terhadap budaya yang dipilih, termasuk pakaian tradisional, aksesori, makanan dan pelbagai elemen budaya sebelum diterjemahkan dalam bentuk figurin. Pendekatan ini membolehkan murid memahami kepelbagaian budaya melalui pengalaman dan pemerhatian secara langsung, sekali gus menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna. Melalui kaedah pembelajaran berasaskan projek, murid bukan sahaja mengembangkan kreativiti, malah meningkatkan kemahiran pemikiran yang kreatif dan kritis. Setiap hasil karya yang dipamerkan membuktikan bahawa seni mampu menjadi medium pendidikan yang berkesan dalam membentuk generasi muda yang lebih menghargai warisan sejarah dan budaya negara.

Pameran ini turut mengetengahkan kepelbagaian masyarakat Malaysia yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India, Orang Asli serta pelbagai etnik di Sabah dan Sarawak seperti Iban, Kadazan-Dusun dan Bidayuh. Selain itu, komuniti seperti Chettiar, Siam, Serani, Sikh dan Peranakan turut diketengahkan sebagai sebahagian daripada identiti negara. Kepelbagaian tersebut dipersembahkan secara kreatif melalui figurin yang menggambarkan pelbagai aspek kehidupan masyarakat, sekali gus memperlihatkan bagaimana perbezaan budaya merupakan asas kepada keharmonian negara.





Penulis sedang memberi penerangan kepada YB Dato' Aaron Ago Dagang mengenai koleksi figurin dalam Pameran Kami Anak Malaysia. Turut serta adalah YBrs. Encik Mohd Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Perancangan Strategik) dan Encik Zamrul Amri bin Zakaria, Pengarah Muzium Negara.





Lawatan oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Malaysia pada 15 Mei 2026

YB Menteri Perpaduan Negara turut menyeru agar masyarakat, khususnya golongan muda, memanfaatkan pameran ini sebagai platform pembelajaran yang mampu memperkukuh jati diri dan semangat perpaduan.

"Saya menyeru kepada ibu bapa, para pendidik dan khususnya golongan belia agar mengambil peluang menghayati setiap sudut Pameran 'Kami Anak Malaysia'. Gunakan platform pendidikan interaktif ini untuk memperluas kefahaman terhadap kepelbagaian adat, budaya dan tradisi masyarakat Malaysia."

Beliau turut menegaskan bahawa usaha memupuk perpaduan perlu dilaksanakan secara berterusan melalui pendekatan yang dekat dengan masyarakat, termasuk menerusi institusi permuziuman yang menjadi medan pembelajaran sepanjang hayat. Sesungguhnya, Pameran "Kami Anak Malaysia" membuktikan bahawa seni mempunyai keupayaan untuk menyatukan masyarakat, merapatkan jurang perbezaan dan menyemai rasa bangga sebagai rakyat Malaysia.

PROGRAM BICARA@ MUZIUM ADAT

"KUDA KEPANG: ANTARA SENI DAN TAHYUL"

Oleh: Hayati binti Mohamad Zawawi, Muzium Adat



JELEBU – Siri Bicara@Muzium Adat yang pertama bagi tahun 2026 telah berjaya dilaksanakan pada 18 Jun 2026 di ruang seminar Muzium Adat. Program kali ini mengupas tajuk ***"Kuda Kepang: Antara Seni dan Tahyul"*** dengan menampilkan dua orang ahli panel. Panel pertama, Encik Johar bin Paimin iaitu Pengasas Persatuan Jawa Parit Bugis Muar Johor, membentangkan kertas kerja bertajuk "Kuda kepang: Antara Tahyul dan Kepercayaan". Panel kedua, YBhg. Profesor Dr. Mohd. Kipli bin Abdul Rahman, Pengarah Institut Seni Kreatif Nusantara (INSAN), Universiti Teknologi MARA telah mengetengahkan tajuk "Kuda Kepang Mabuk: Perspektif Seni, Budaya dan Adat".

Program yang dijalankan secara hibrid ini melibatkan penyertaan fizikal seramai 32 orang peserta yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah Institut Pendidikan Guru Raja Melewar, Seremban, serta wakil agensi kerajaan sekitar daerah Jelebu. Siaran langsung menerusi platform *FB Live Muzium Adat* pula berjaya menarik tontonan seramai 1,890 orang.

Berdasarkan perbincangan, kedua-dua panel bersetuju bahawa kesenian kuda kepang boleh mengalami transformasi mengikut konteks sosial semasa memandangkan adat dan budaya itu bersifat dinamik, asalkan tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Mereka turut berpandangan bahawa keaslian kesenian ini masih lagi kekal terpelihara meskipun amalan ritual seperti adat buka dan tutup gelanggang tidak lagi diamalkan oleh pengamal seni budaya ini.

Selain berpeluang melihat peralatan kuda kepang dan alat muzik tradisional secara dekat, para peserta turut dihiburkan dengan persembahan tarian kuda kepang oleh Persatuan Jawa Parit Bugis Muar Johor sebagai tirai penutup program. Menerusi wacana ini, para peserta dapat meningkatkan kefahaman ilmiah terhadap isu-isu sensitif dalam kesenian tersebut.



LAWATAN KERJA

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA KE MUZIUM-MUZIUM WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Oleh : Zainon binti Halon, Muzium Labuan



LABUAN - YBhg. Dato' Hasliana binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Perpaduan Negara (KPN), telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke muzium-muzium di Wilayah Persekutuan Labuan dari 6 hingga 8 Jun 2026. Lawatan ini bertujuan memantau perlaksanaan Projek Pemulihan, Pemuliharaan, Ubah Suai dan Naik Taraf (PPUN) KPN, di samping meninjau pengoperasian, kemudahan serta usaha pemuliharaan di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia.

Pada 6 Jun 2026, YBhg. Dato' KSU bersama delegasi KPN memulakan lawatan di Muzium Chimney dan disambut oleh Pengarah Muzium Labuan serta kakitangan muzium. Dalam sesi tersebut, beliau telah diberikan taklimat mengenai sejarah penubuhan muzium, galeri pameran serta perancangan projek PPUN KPN yang bertujuan untuk mempertingkatkan kemudahan dan pengalaman pelawat. Lawatan diteruskan pada 7 Jun 2026 ke Muzium Labuan. YBhg. Dato' KSU berpeluang meninjau galeri pameran yang mengetengahkan sejarah, budaya dan kepelbagaian etnik di Wilayah Persekutuan Labuan. Sesi ini turut memberi ruang kepada pihak muzium untuk membentangkan perkembangan terkini projek PPUN KPN, cabaran pengoperasian serta perancangan pembangunan strategik.

Selain lawatan ke muzium, YBhg. Dato' KSU dan delegasi KPN turut meluangkan masa menghadiri Program Ziarah Perpaduan di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) serta mengadakan lawatan ke Projek PPUN PRT KPN di Perumahan MPL. Delegasi turut mengunjungi RT Progresif Sungai Miri bagi melihat pelaksanaan program dan inisiatif perpaduan di peringkat komuniti. Seterusnya, lawatan ke Pulau Rusukan turut diadakan bagi meninjau keunikan pulau tersebut sebagai salah satu taman laut dan tapak Geopark Kebangsaan Labuan.

Lawatan kerja rasmi ini mencerminkan komitmen berterusan KPN dalam memastikan institusi permuziuman negara terus kekal relevan, dinamik dan berdaya saing.





PROGRAM PAMERAN BERGERAK DAN AKTIVITI INTERAKTIF MUZIUM MATANG DI SEKOLAH KEBANGSAAN TOH JOHAN, TRONG PERAK

Oleh: Barhaman Zaktom bin Ahmad, Muzium Matang

MATANG - Pada 15 Julai 2026, Muzium Matang telah melaksanakan Program Pameran Bergerak dan Aktiviti Interaktif di Sekolah Kebangsaan Toh Johan, Trong, Perak. Program ini merangkumi dua pengisian utama, iaitu Pameran Kenali Muzium Matang dan aktiviti interaktif Kit Stem DIY.

Program ini bertujuan memupuk minat generasi muda, khususnya murid sekolah, terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) melalui aktiviti DIY yang menerapkan unsur inovasi, kreativiti dan kemahiran menyelesaikan masalah. Pendekatan pembelajaran secara praktikal ini memberikan peluang kepada murid untuk meneroka dan memahami konsep asas sains dan teknologi dalam suasana yang menyeronokkan.

Antara aktiviti kit stem diy yang dilaksanakan ialah ***Solar-Powered Wind Car*** untuk murid tahun enam, *Solar-Powered Helicopter* untuk murid tahun lima dan *Periscope* untuk murid tahun empat. Melalui aktiviti tersebut, murid didedahkan kepada prinsip asas tenaga solar, pergerakan, mekanisme dan pantulan cahaya, di samping berpeluang menghasilkan model masing-masing secara kreatif.

Menerusi Pameran Kenali Muzium Matang, pelajar diperkenalkan kepada sejarah Kota Ngah Ibrahim, tokoh-tokoh yang berkaitan dengan perkembangan daerah Larut serta perubahan fungsi bangunan tersebut dari dahulu hingga kini. Bangunan bersejarah ini pernah berfungsi sebagai kediaman, pusat pentadbiran, gudang bijih timah, markas pertahanan tentera Jepun, mahkamah, penjara dan pusat pendidikan sebelum dipelihara serta dijadikan Muzium Matang.

Pelaksanaan pameran dan aktiviti interaktif ini diharapkan dapat menambah pengetahuan murid, meningkatkan minat mereka terhadap bidang STEM serta memupuk rasa cinta dan penghargaan terhadap sejarah, warisan dan khazanah negara.

PROGRAM JANGKAUAN DALAM MUZIUM MUZIK SEMPENA SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA (HMA)

Oleh : Kalsom binti Abdul Manaf, Muzium Muzik

KUALA LUMPUR - Pada 18 Mei 2026, Muzium Muzik, Jabatan Muzium Malaysia telah menganjurkan Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2026 bertempat di Galeri Muzik, Kuala Lumpur, Sambutan pada tahun ini bertemakan “Muzium Menyatukan Dunia yang Terpisah” (Museums Uniting a Divided World) yang menekankan peranan institusi muzium dalam memupuk kefahaman, mengukuhkan perpaduan serta merapatkan jurang budaya dan sosial dalam masyarakat global yang semakin mencabar.



Objektif utamanya ialah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan muzium sebagai institusi pemeliharaan warisan dan pendidikan, khususnya penglibatan golongan muda dalam program berunsurkan warisan dan seni. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan, antaranya aktiviti STEM Yayasan MR. DIY yang merangkumi DIY *Pneumatic Bull*, DIY *Mechanical Tyrannosaurus Rex* dan DIY *Triceratops Mechanical Model*, aktiviti mewarna alat muzik tradisional Malaysia dan aktiviti cari kata alat muzik tradisiona Malaysia. Penyertaan seramai 65 orang pengunjung dalam aktiviti tersebut membuktikan bahawa program berbentuk pendidikan dan interaktif seperti ini mampu menarik minat golongan muda untuk memilih muzium sebagai destinasi lawatan.

PENYELIDIKAN *KAPAL KARAM NASSAU VOC 1606* DI MUZIUM LUKUT

Oleh: Siti Norhayati binti Tapsir, Muzium Lukut





LUKUT, PORT DICKSON - Muzium Lukut telah menerima kunjungan penyelidik dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Terengganu dan Flinders University, Australia bagi melaksanakan penyelidikan *Kapal Karam Nassau VOC 1606* yang berlangsung dari 6 hingga 12 Mei 2026.

Kerjasama strategik antara institusi pengajian tinggi dengan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bertujuan memperkukuh aspek pendokumentasian, pemuliharaan serta kajian saintifik terhadap koleksi artifak bersejarah negara. Sepanjang tempoh tersebut, kerja-kerja yang dilaksanakan termasuklah pendokumentasian dan pengkatalogan koleksi, rakaman visual, analisis saintifik serta persampelan artifak berkaitan *Kapal Karam Nassau VOC 1606*.

Bahagian Pengurusan Koleksi (BPKol) bertindak sebagai penyelaras dan pemudah cara bagi memastikan proses penyelidikan berjalan dengan teratur, selamat serta mematuhi prosedur pengurusan koleksi yang ditetapkan oleh Jabatan Muzium Malaysia.

Inisiatif ini bukan sahaja memberi nilai tambah kepada usaha pemeliharaan warisan negara, malah membuka ruang kerjasama akademik dan perkongsian kepakaran antara institusi tempatan dan antarabangsa. Muzium Lukut berharap agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan, demi memperkasakan bidang penyelidikan warisan serta meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap khazanah sejarah negara, khususnya koleksi *Kapal Karam Nassau VOC 1606* yang tersimpan di Muzium Lukut.

EXPLORACE 'TREASURES OF TRADITION' PERKENAL PERMAINAN TRADISIONAL KEPADA GENERASI MUDA

Oleh:Siti Malihah Mohd Zawawi, Muzium Negara

KUALA LUMPUR – Muzium Negara dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM) telah menjayakan aktiviti *Explorace* Permainan Tradisional sempena Festival Kesenian Islam dan Budaya Malaysia 4.0 yang berlangsung di APIUM, Universiti Malaya. Program yang melibatkan kira-kira 200 orang peserta ini bertujuan memperkenal dan mempromosikan permainan tradisional sebagai medium pembelajaran, riadah dan pemerkasaan warisan budaya dalam kalangan generasi muda. Para peserta berpeluang menyertai pelbagai permainan tradisional seperti kaki hantu, congkak, batu seremban, kelereng, baling selipar dan capteh. Sepanjang program berlangsung, para peserta menunjukkan tahap keterujaan yang tinggi khususnya mereka yang pertama kali mencuba permainan tradisional seperti kaki hantu dan kelereng. Bagi kebanyakan peserta, pengalaman tersebut memberikan pendedahan baharu terhadap permainan yang pernah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat terdahulu, namun semakin kurang dikenali oleh generasi masa kini.

Suasana program turut dimeriahkan dengan gelak tawa dan semangat kesukanan yang ditunjukkan oleh para peserta. Aktiviti *explorace* yang disusun secara interaktif berjaya menarik minat peserta untuk melibatkan diri secara aktif di setiap stesen permainan, sekali gus menjadikan program ini sebagai platform yang menyeronokkan untuk mempelajari warisan budaya negara.

Pengarah Persatuan Mahasiswa Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (PMAPIUM) Encik Faiz Zayani, dalam ucapannya menyatakan harapan agar aktiviti *explorace* berasaskan permainan tradisional seperti ini terus dimartabatkan dan diperluaskan kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat umur.

"Permainan tradisional bukan sahaja menyeronokkan dan mampu menguji ketahanan fizikal serta kerjasama peserta, malah merupakan warisan budaya yang perlu terus dipelihara dan diwariskan kepada generasi akan datang. Saya berharap program seperti ini dapat diteruskan dan diperbanyakkan pada masa hadapan agar nilai-nilai budaya yang terkandung di dalamnya tidak luput ditelan zaman," katanya.





Maklum balas yang diterima daripada peserta juga amat positif. Rata-rata peserta berharap agar aktiviti seumpama ini dapat diteruskan dan diperluaskan pada masa akan datang kerana ia bukan sahaja menghiburkan, malah membantu meningkatkan pengetahuan serta kesedaran mengenai kepentingan memelihara permainan tradisional sebagai sebahagian daripada identiti dan warisan budaya Malaysia.

BICARA MUZIUM LABUAN :

MEMPERINGATI PERISTIWA OBOE SIX 1945

Oleh : Zainon binti Halon, Muzium Labuan



LABUAN - 25 Jun 2026, Program Bicara @ Muzium Labuan bertajuk "Memperingati Peristiwa Oboe Six 1945" memperkukuh peranan muzium sebagai institusi pendidikan alternatif yang membawa sejarah lebih dekat kepada kesedaran tentang nilai keamanan dan kemakmuran yang dikecapi oleh negara kini. Program berkenaan telah menampilkan dua orang panel jemputan iaitu Profesor Madya Dr Md Saffie bin Abdul Rahim, Pensyarah Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusian, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan tokoh penggiat sejarah Labuan, Encik Willie Teo. Sesi bual bicara telah dikendalikan oleh Yang Berusaha Encik Muhammad Azam bin Adnan , Pengarah Muzium Labuan selaku moderator.

Operasi Oboe Six merupakan operasi ketenteraan utama Perang Dunia Kedua yang dilancarkan oleh tentera Bersekutu pada 10 Jun 1945. Operasi ini bertujuan menawan semula Pulau Labuan dan kawasan Teluk Brunei daripada penguasaan tentera Jepun. Serangan tersebut diketuai oleh Tentera Australia menerusi Divisyen Ke-9 (9th Australian Division) sebagai sebahagian daripada siri Operasi Oboe, iaitu kempen ketenteraan Bersekutu bagi membebaskan Borneo daripada pendudukan Jepun. Kedudukan strategik Labuan yang memiliki lapangan terbang serta pelabuhan laut dalam menjadikan pulau ini sasaran penting bagi menyokong operasi ketenteraan Bersekutu dan mempercepatkan pembebasan Borneo serta kejatuhan Jepun di Asia Tenggara. Kejayaan operasi ini bukan sahaja mengukuhkan kedudukan tentera Bersekutu di rantau tersebut, malah membuka laluan kepada pemulihan pentadbiran dan pembangunan pasca perang. Di sebalik kejayaannya, Operasi Oboe Six turut menyaksikan pengorbanan besar anggota tentera Bersekutu dan Jepun serta penderitaan yang dialami oleh penduduk tempatan akibat peperangan. Peristiwa ini meninggalkan kesan yang signifikan terhadap landskap sejarah, sosial dan pembangunan Labuan, sekaligus menjadikannya antara episod penting dalam sejarah Perang Dunia Kedua di Malaysia yang wajar dipelihara dan dihayati oleh generasi masa kini.

Menerusi pembentangan bertajuk *Japanese Invation And Operation Oboe Six In Labuan* oleh Encik Willie Teo telah mengupas secara komprehensif latarbelakang pendudukan Jepun di Labuan, pelaksanaan Operasi Oboe Six 1945 serta kepentingannya dalam konteks Perang Dunia Kedua di Labuan. Perkongsian beliau turut mengetengahkan aspek ketenteraan, kepentingan strategik Labuan serta kesan operasi tersebut terhadap perkembangan sejarah tempatan. Sementara itu, Profesor Madya Dr. Md Saffie bin Abdul Rahim menerusi pembentangan bertajuk "Transformasi Geopolitik Sabah Pasca Perang Dunia Kedua" mengupas perubahan landskap geopolitik Sabah dan Borneo selepas tamatnya perang. Beliau turut menjelaskan kepentingan strategik Labuan dan Sabah dalam operasi ketenteraan Bersekutu serta implikasi Operasi Oboe Six terhadap perkembangan sejarah, keselamatan dan geopolitik di rantau ini.

Penganjuran Program Bicara @ Muzium Labuan telah menjadi acara pengisian utama sempena Pesta Buku Borneo (Labuan) 2026 anjuran Penerbit UMS Press dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Labuan, Perbadanan Labuan dan Financial Park (Labuan) Sdn.Bhd. Bertempat di Anggerik Square, Ujana Kewangan Labuan, sesi bual bicara telah dijalankan secara hibrid dan berjaya menarik penyertaan seramai 818 orang peserta melibatkan 113 orang yang hadir secara fizikal, 100 orang melalui platform *Zoom* serta 605 peserta yang menyertai program menerusi siaran *Facebook Live* Muzium Labuan.

Penganjuran Program Bicara @ Muzium Labuan "Memperingati Peristiwa Oboe Six 1945, sesungguhnya mencerminkan komitmen berterusan Jabatan Muzium Malaysia dalam memperkasakan fungsi muzium sebagai pusat penyelidikan, pendidikan dan penyebaran ilmu. Melalui perkongsian ilmiah seumpama ini, masyarakat bukan sahaja dapat memperkukuh pemahaman terhadap peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah negara, malah dapat menghayati nilai keamanan, patriotisme dan semangat menghargai warisan sejarah sebagai asas pembinaan jati diri serta perpaduan negara.

PAMERAN MAGIS DAN LOGAM: **SEMANGAT, KUASA DAN SENI**

Oleh: Selvaraju a/l M.Pichaimuthu, Muzium Perak



TAIPING - Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menerusi Muzium Perak telah menganjurkan **Pameran Magis dan Logam: Semangat, Kuasa dan Seni**, yang mengetengahkan keunikan khazanah warisan berasaskan logam dari perspektif sejarah, budaya, kepercayaan dan kesenian masyarakat, khususnya di Alam Melayu. Pameran yang berlangsung dari 1 Jun hingga 31 Disember 2026 di Galeri Pameran Sementara, Muzium Perak menampilkan sebanyak 140 koleksi berasaskan pelbagai jenis logam dipamerkan, setiap koleksi mempunyai nilai sejarah, budaya, warisan dan estetika yang tersendiri.

Majlis perasmian pameran telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia, pada 12 Julai 2026 (Ahad). Turut hadir ialah Tuan Wan Imran Rashomon bin Wan Mohd Isa, mewakili Y.A. Bhg. Orang Kaya Menteri Paduka Tuan, Dato' Haji Wan Mohd Isa, Orang Besar Jajahan Larut Matang dan Selama; Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), JMM dan Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman).

Pameran ini merupakan hasil kerjasama strategik antara Jabatan Muzium Malaysia, Yayasan Al-Amin, Dr. Noor Azahar bin Ibrahim serta pengarca kontemporari Malaysia, Raja Shahriman bin Raja Aziddin. Berteraskan tiga elemen utama, iaitu semangat, kuasa dan seni. Pameran ini mengajak pengunjung menelusuri peranan dan fungsi logam sebagai medium yang mempunyai nilai mistik, simbolik, budaya dan estetika.

Dalam tradisi masyarakat Melayu dan Nusantara, logam bukan sekadar bahan untuk menghasilkan senjata, peralatan atau objek kegunaan harian, tetapi turut menjadi medium yang dikaitkan dengan status, kekuasaan, perlindungan, kepercayaan serta lambang identiti masyarakat. Keistimewaan pameran ini iaitu sebahagian daripada koleksi terawal Muzium Perak yang mempunyai nilai penting sejarah negara dengan beberapa koleksi dipamerkan kepada umum buat pertama kalinya. Contohnya seperti koleksi Gendang Gangsa Dong Son yang dijumpai di Klang pada tahun 1905 semasa pembinaan jalan kereta api dan Baju Besi Pahlawan Bugis abad ke-18.

Pameran ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan dan penghargaan terhadap warisan, di samping memperkukuh peranan institusi muzium dalam memastikan warisan terus bersifat 'hidup', relevan dan berkembang melalui proses penyelidikan, interpretasi serta perkongsian ilmu.

AKTIVITI STEM TARIK MINAT PELAJAR DI MUZIUM KOTA KUALA KEDAH

Oleh: Zaidi bin Harun, Muzium Kota Kuala Kedah

KEDAH – Muzium Kota Kuala Kedah (MKKK) telah menjayakan pelbagai aktiviti STEM sempena Program *Sea To Sky Historical Journey* yang berlangsung pada 27 hingga 28 Jun 2026 di Muzium Kota Kuala Kedah anjuran bersama MKKK dan Ottomon Academy serta Pusat Khidmat Wakil Rakyat DUN Kubang Rotan. Walaupun program ini merangkumi pelbagai pengisian, Muzium Kota Kuala Kedah memberi tumpuan kepada penganjuran aktiviti STEM bagi menarik minat pelajar terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Aktiviti STEM yang disediakan memberi peluang kepada peserta mempelajari konsep sains dan teknologi melalui pendekatan interaktif, kreatif serta berasaskan penyelesaian masalah. Sepanjang dua hari program berlangsung, seramai 600 orang pelajar dan 50 orang guru telah menyertai aktiviti yang dikendalikan. Sambutan yang menggalakkan ini membuktikan bahawa pembelajaran secara praktikal mampu meningkatkan minat generasi muda terhadap bidang STEM.

Penganjuran Program ini telah berjaya menarik kehadiran pelajar, guru dan masyarakat setempat. Melalui penganjuran aktiviti ini, para peserta bukan sahaja didedahkan kepada pembelajaran berasaskan sains dan teknologi, malah berpeluang mengenali muzium sebagai institusi pendidikan yang menggabungkan elemen warisan, inovasi dan teknologi.



PROGRAM BICARA KURATOR SIRI 2

"TRANSFORMASI NARATIF MUZIUM MELALUI KOMUNIKASI VISUAL DAN MEDIA BAHARU"

Oleh: Juliyana binti Othman, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi



KUALA LUMPUR - Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melalui Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi telah menganjurkan Program Bicara Kurator Siri 2 bagi tahun ini pada 14 Mei 2026. Program yang diadakan secara dalam talian ini disiarkan secara langsung menerusi laman *Facebook* rasmi jabatan serta platform *Zoom*, dengan tema "Transformasi Naratif Muzium Melalui Komunikasi Visual dan Media Baharu". Sesi kali ini dikendalikan oleh Encik Mohd Jamil bin Haron, Kurator Muzium Negara sebagai moderator dengan menampilkan dua pembentang yang mengupas peranan komunikasi visual dan media baharu .

Pembentang pertama, Cik Edzreen Syahira binti Jamil dari Politeknik Ibrahim Sultan, Johor, menyampaikan perkongsian bertajuk *"Museums That Shine: Transforming Heritage Into Inconic Brands Through New Media Architectural Projection Mapping"*. Beliau menerangkan potensi teknologi media baharu dalam memperkukuh penjenamaan muzium dan meningkatkan pengalaman pelawat menerusi paparan visual yang interaktif serta berimpak tinggi. Teknologi ini bukan sahaja mampu menghidupkan semula warisan budaya dan menyampaikan naratif sejarah secara kreatif, malah menjadikan muzium lebih menarik kepada masyarakat. Tambah beliau, walaupun berdepan cabaran kos dan keperluan teknikal yang tinggi, teknologi ini mempunyai potensi besar untuk mengangkat institusi warisan sebagai jenama ikonik seta destinasi budaya yang lebih dinamik dan relevan.

Pembentangan kedua pula disampaikan oleh Encik Mokhtar bin Tamby Ahmad, Pengarah Muzium Seni Bina Malaysia, JMM bertajuk "Implikasi Semiotik dalam Merevolusikan Reka Bentuk Paparan Grafik di Muzium". Pembentangan ini memfokuskan cara tanda, simbol dan imej digunakan untuk memantapkan komunikasi visual serta meningkatkan pengalaman pelawat. Konsep semiotik dalam muzium membantu menyampaikan mesej, nilai dan naratif sesuatu koleksi kepada pelawat dengan lebih berkesan kerana paparan grafik bukan sekadar hiasan estetika, sebaliknya berfungsi sebagai medium komunikasi utama. Penggunaan simbol dan imej yang bersesuaian dalam reka bentuk paparan mampu menarik perhatian pelawat, memudahkan penyampai maklumat serta meningkatkan penghayatan terhadap artifak dan pameran.

Secara keseluruhannya, program bicara ini merumuskan bahawa transformasi naratif muzium tidak lagi boleh bergantung kepada kaedah pameran konvensional semata-mata. Sebaliknya perlu juga integrasi teknologi inovatif dan strategik komunikasi visual yang mantap bagi meningkatkan interaksi serta penglibatan pelawat. Melalui aplikasi seperti *Architectural Projection Mapping* dan pendekatan semiotik yang berkesan, penyampaian maklumat dapat diterjemahkan dengan lebih jelas, menarik dan bermakna. Seiring dengan era digital, muzium perlu terus proaktif meneroka pendekatan baharu agar warisan negara kekal relevan dan mudah diakses oleh generasi masa kini dan akan datang.

PROGRAM *OUTREACH* MUZIUM DIRAJA DEKATKAN SEKOLAH DAN MURID DENGAN INSTITUSI DIRAJA

Oleh: Abdur Rahim bin Marzuki, Muzium Diraja

KUALA LUMPUR - 16 Jun 2026, Muzium Diraja telah mengadakan Program *Outreach* di Sekolah Kebangsaan Jalan Sungai Besi 1 sebagai usaha memperkukuh pendidikan warisan dan sejarah dalam kalangan generasi muda. Program ini bertujuan memberi pendedahan awal dan memupuk kefahaman murid mengenai warisan sejarah negara khususnya berkaitan Institusi Yang di-Pertuan Agong dan peranan Muzium Diraja.

Program yang melibatkan seramai 250 orang murid dan 20 orang guru ini dimulakan dengan majlis menandatangani sijil jalinan kerjasama antara pihak Sekolah Kebangsaan Jalan Sungai Besi 1 dengan Muzium Diraja Kuala Lumpur. Jalinan kerjasama ini adalah untuk memperkasakan aktiviti pendidikan luar bilik darjah serta memperluas akses kepada pembelajaran berasaskan warisan dan sejarah negara.

Seterusnyaa sesi pengenalan mengenai institusi Yang di-Pertuan Agong serta sejarah Muzium Diraja telah disampaikan oleh Pengarah Muzium Diraja, Cik Rohana binti Husin. Taklimat tersebut memberi peluang kepada para pelajar untuk mengenali dengan lebih dekat mengenai peranan Institusi Yang di-Pertuan Agong dalam sistem pemerintahan negara, disamping mengenali fungsi dan sejarah Muzium Diraja sebagai institusi yang memelihara warisan negara.

Pelbagai aktiviti menarik telah disusun bagi menghidupkan suasana pembelajaran sepanjang program ini berlangsung. Antaranya ialah Pameran Institusi Yang di-Pertuan Agong dan Regalia, Pameran Destar yang memaparkan keunikan destar yang dipakai oleh setiap Raja dan Sultan di Malaysia serta tayangan video mengenai Muzium Diraja. Turut diadakan aktiviti STEM tajaan oleh Yayasan Mr DIY yang berasaskan kit pembelajaran sains dan teknologi secara 'hands-on' yang memberi pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan disamping memupuk pemikiran kritis, kreatif dan kemahiran menyelesaikan masalah menerusi pendekatan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.

Selain itu, demonstrasi seni lipatan tengkolok dan ikatan samping yang merupakan aktiviti utama Muzium Diraja turut manambahkan lagi pengalaman baru kepada murid dalam mengenali seni busana tradisional Melayu. Aktiviti kuiz bagi pengukuhan minda menjadi acara penutup untuk menguji kefahaman murid. Diharap pgrogram ini, sedikit sebanyak dapat mendidik anak-anak pewaris bangsa ini menghargai sejarah dan identiti negara.





PAMERAN KENALI MUZIUM MATANG DI SEKOLAH KEBANGSAAN LAKSAMANA

Oleh: Nur Nasihah binti Mohamed Ariffin, Muzium Matang

MATANG, 13 Mei 2026 - Muzium Matang telah mengadakan Pameran Kenali Muzium Matang: Menggenggam Warisan Kegemilangan Larut di Sekolah Kebangsaan Laksamana, Kuala Sepetang, Perak. Program ini telah disertai oleh 43 orang murid Tahun 4,5 dan 6 serta 10 orang guru.

Program ini bertujuan memupuk semangat cintakan tanah air dalam kalangan pelajar serta meningkatkan pemahaman mereka terhadap sejarah negeri Perak melalui pengenalan kepada dua tokoh penting, iaitu Che Long Jaafar dan Tengku Menteri Ngah Ibrahim. Kedua-dua tokoh ini memainkan peranan besar dalam perkembangan industri perlombongan bijih timah, pembangunan daerah Larut serta usaha pemodenannya. Pameran ini turut menampilkan sejarah dan evolusi fungsi Kota Ngah Ibrahim, daripada kediaman Tengku Menteri Ngah Ibrahim kepada sebuah muzium selain memaparkan peranannya sebagai pusat pentadbiran British, markas pertahanan tentera Jepun, mahkamah, penjara dan pusat pendidikan.

Selain pameran, pelajar turut menyertai aktiviti STEM (Science, Technology, Engineering and Mathematics) melalui pembinaan *Hydraulic Excavator* dan *Colourful Fiber Optic Light.*

Pameran ini bukan sekadar memperingati tokoh-tokoh sejarah, malah berperanan sebagai medium pendidikan dalam menyemai semangat patriotisme dan jati diri. Melalui pendekatan yang interaktif dan



berinformasi, para pelajar bukan sahaja memperoleh pengetahuan baharu, bahkan menghayati sumbangan serta semangat perjuangan tokoh terdahulu. Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan serta kerjasama yang sangat baik daripada pihak sekolah. Para pelajar turut menunjukkan keterujaan dalam menyertai aktiviti yang disediakan oleh pihak muzium. Pihak sekolah juga berharap agar program dan aktiviti seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

LAWATAN RASMI DELEGASI *ROYAL THAI AIR FORCE* DAN TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA KE MUZIUM NEGARA: MEMPERKUKUH DIPLOMASI MELALUI WARISAN BERSAMA

Oleh: Siti Sarah binti Samian, Muzium Negara

KUALA LUMPUR - Muzium Negara telah menerima kunjungan hormat dan lawatan delegasi daripada *Royal Thai Air Force* (RTAF) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pada 21 Julai 2026. Lawatan ini dianjurkan bersempena *Junior Officer Exchange Programme* (JOEP), sebuah inisiatif kerjasama strategik yang memfokuskan kepada pengukuhan hubungan pertahanan dua hala serta pemerkasaan diplomasi ketenteraan antara Malaysia dan Thailand di peringkat serantau.

Inisiatif lawatan ini telah diselaraskan oleh Kapten Nading ak Ungom, Pegawai Staf 3 Sekretariat B (Luar Negara), Markas Tentera Udara, Kementerian Pertahanan Malaysia. Delegasi yang hadir melibatkan seramai 23 orang pegawai, terdiri daripada 15 pegawai RTAF dan lapan pegawai TUDM.

Gp Capt Palang Withayaporn, selaku Ketua Delegasi RTAF, telah menyempurnakan acara menandatangani Buku Pelawat Kehormat sebagai simbolik kunjungan rasmi ke Muzium Negara. Delegasi kemudiannya dibawa mengikuti sesi lawatan berpandu oleh pegawai Muzium Negara bagi menelusuri sejarah negara, menghayati keunikan koleksi artifak serta mengenai kepelbagaian warisan budaya Malaysia. Lawatan ini bertujuan memberikan pendedahan yang lebih menyeluruh mengenai khazanah warisan negara.



Muzium Negara menyambut baik inisiatif lawatan seumpama ini, yang bukan sahaja berfungsi sebagai medium pertukaran maklumat, malah turut mempromosikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan nilai sejarah di persada antarabangsa. Muzium Negara turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) atas komitmen serta kerjasama erat yang diberikan dalam menjayakan program ini

WORLD OCEANS DAY 2026

UNWORLDOCEANSDAY.ORG

REIMAGINE

Beyond The World We Know,
A New Relationship With Our Ocean.

Oleh: Mohamad Rafizal bin Rashiidi, Muzium Marin Labuan













LABUAN - Muzium Marin Labuan dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan dan Universiti Malaysia Sabah Kolej Antarabangsa Labuan telah menjayakan kempen Sambutan Hari Laut Sedunia pada 20 Jun 2026, bermula jam 7.00 pagi hingga 1.00 petang di Muzium Marin Labuan dan Pantai Tanjung Purun, Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan.

Tema rasmi *World Oceans Day 2026* ialah *"Reimagine: Beyond the World We Know, A New Relationship with our Ocean"* atau **"**Memikirkan Semula: Melangkaui Dunia yang Kita Kenali, Satu Hubungan Baharu dengan Lautan Kita". Program ini merupakan usaha Muzium Marin Labuan menyokong kempen kesedaran *"Lindungi Lautan, Pelihara Planet Biru Kita"* yang menekankan kepentingan perubahan dan pemuliharaan lautan.

Ketua Muzium Marin Labuan, Puan Noritah binti Jamlin memaklumkan bahawa program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan ekosistem laut. Laut bukan sahaja menjadi sumber makanan dan ekonomi, malah berperanan sebagai pengawal iklim dunia serta meyokong kehidupan manuasia dan hidupan marin.

Antara aktiviti utama ialah *Beach Clean-up* di pesisir Pantai Tanjung Purun yang dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan. Peserta diberikan peralatan serta penerangan mengenai kaedah mengasingkan sisa pepejal kepada kategori kertas, kaca, plastik dan logam bagi memudahkan proses kitar semula. Sisa makanan dan bahan basuh pula perlu dibuang sebagai sisa baki.

Aktiviti yang melibatkan pegawai dan kakitangan Muzium Marin Labuan, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan serta pelajar Fakulti Komputeran dan Informatik Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan berjaya mengumpulkan sebanyak 390 kg bahan kitar semula.

Majlis Penutup Program *World Oceans Day 2026* disempurnakan oleh Encik Muhammad Azam bin Adnan, Pengarah Muzium Labuan. Dalam ucapan beliau, Jabatan Muzium Malaysia melalui Muzium Marin Labuan menyokong usaha pemuliharaan ekosistem marin termasuk pemulihan, menangani pencemaran plastik serta manggalakkan amalan perikanan mampan.

Turut hadir adalah Puan Nurul Asikin binti Mohd.Yusof @ Daud, Timbalan Pengarah, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan dan Dr. Nuraini binti Jamil, Penyelaras Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan; dan Dr. Nooralisa binti Mohd. Tuah, Timbalan Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan.

Sambutan Hari Laut Sedunia 2026 turut memperkukiuh jaringan kerjasama antara Muzium Marin Labuan dengan pelbagai agensi di Wilayah Persekutuan Labuan dalam usaha memelihara kelestarian lautan dan alam sekitar untuk generasi akan datang selaras dengan peranan Muzium Marin Labuan sebagai muzium yang bertanggungjawab memupuk rasa cinta terhadap khazanah warisan alam semulajadi negara.

PROGRAM MTN@ KOMUNITI:

KEINDAHAN MOTIF MANIK ETNIK LUN BAWANG

Oleh: Zainaszira binti Zainuddin, Muzium Tekstil Negara

KUALA LUMPUR - Muzium Tekstil Negara (MTN) telah menganjurkan program MTN@Komuniti: Keindahan Motif Manik Etnik Lun Bawang di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Permaisuri, Kuala Lumpur pada 10 Jun 2026 (Rabu). Program yang bermula dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang itu disertai seramai 1,300 orang pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima, termasuk guru pengiring. Program ini menjadi platform perkongsian ilmu pengetahuan, minat dan pengalaman berkaitan seni dan budaya, khususnya warisan tekstil di samping mendekatkan institusi muzium dengan generasi muda.

Seni kraf manik merupakan antara khazanah budaya yang bernilai dalam masyarakat etnik Lun Bawang di Sarawak. Bagi masyarakat Lun Bawang, manik bukan sekadar hiasan, malah menjadi simbol status, warisan, dan identiti yang dipakai dalam pelbagai acara dan perayaan seperti Pesta Irau Aco Lun Bawang. Setiap corak dan kombinasi warna yang digunakan turut mempunyai makna serta kisah tersendiri.

Menerusi program kali ini, para pelajar berpeluang meneroka kreativiti dalam menghasilkan motif manik Lun Bawang menerusi aktiviti amali membuat rantai kunci berasakan manik. Aktiviti membentuk, melorek dan menghias motif manik dapat meningkatkan kemahiran motor halus serta kreativiti pelajar. Selain menggalakkan kreativiti, aktiviti tersebut turut melatih kesabaran, meningkatkan daya tumpuan dan membina keyakinan diri. Penghasilan motif manik bukan sekadar aktiviti kreatif, malah menjadi medium untuk memperkenalkan warisan budaya yang sarat dengan nilai seni dan identiti masyarakat Lun Bawang.

Turut diadakan ialah aktiviti kit STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik) tajaan Yayasan MR D.I.Y yang memfokuskan pembelajaran secara amali bagi memupuk minat pelajar terhadap bidang sains dan teknologi. Kit pendidikan tersebut menggabungkan elemen pembelajaran dan hiburan (edutainment) melalui aktiviti binaan sendiri (DIY). Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah membina projek sains menggunakan komponen yang disediakan serta meneroka konsep asas seperti tenaga elektrik melalui penghasilan model kincir angin, kotak muzik dan pelbagai model mekanikal.

Penganjuran program MTN@Komuniti: Keindahan Motif Manik Etnik Lun Bawang membuktikan bahawa muzium bukan sekadar berperanan sebagai penjaga warisan masa lalu, malah menjadi pemangkin kepada pembelajaran dan pembentukan generasi masa hadapan yang memastikan identiti budaya terus dihargai dan diwarisi oleh generasi muda.







KURSUS KONSERVASI TEKSTIL PENJAGAAN PAKAIAN SECARA PREVENTIF DAN KURATIF

Oleh: Norhayati binti Mahmood, Bahagian Pengurusan Konservasi

MELAKA - Bahagian Pengurusan Konservasi dan Muzium Tekstil Negara, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah berkongsi kepakaran sebagai tenaga pengajar bagi Kursus Konservasi Tekstil: Penjagaan Pakaian Secara Preventif dan Kuratif anjuran Muzium Penjara Malaysia, Melaka pada 12 Jun 2026.

Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan serta kefahaman asas mengenai prinsip konservasi tekstil, di samping memperkenalkan teknik dan tata cara penjagaan serta pemuliharaan pakaian secara preventif dan kuratif kepada kakitangan Muzium Penjara Malaysia. Penganjuran ini merupakan inisiatif strategik dalam memperkukuh pengetahuan dan kemahiran warga kerja muzium, khususnya bagi memastikan koleksi pakaian seragam penjara yang mempunyai nilai sejarah dan warisan yang tinggi terus dipelihara secara sistematik serta mengikut piawaian konservasi yang ditetapkan.

Program ini dikendalikan oleh Puan Hairunnisyam binti Md. Jamil, Kurator dari Bahagian Pengurusan Konservasi, JMM, dengan dibantu oleh dua orang fasilitator daripada Bahagian Pengurusan Konservasi dan Muzium Tekstil Negara. Sepanjang kursus, peserta didedahkan dengan teori dan praktikal yang komprehensif.

Dalam sesi teori, peserta diperkenalkan kepada prinsip asas konservasi tekstil yang menekankan langkah-langkah pencegahan kerosakan seperti pengendalian koleksi yang betul, kawalan persekitaran penyimpanan, pemantauan suhu dan kelembapan relatif, serta penggunaan bahan dan kaedah penyimpanan yang bersesuaian. Pendekatan preventif ini penting bagi mengurangkan risiko kerosakan akibat faktor persekitaran, pengendalian yang tidak tepat, proses penuaan semula jadi bahan tekstil.

Sesi amali pula memberi peluang kepada peserta mengaplikasikan teknik konservasi secara langsung menggunakan koleksi seragam penjara. Peserta dibimbing melaksanakan setiap prosedur dengan teliti, bermula daripada penilaian kondisi koleksi, pembuangan bendasing, penanggalan aksesori logam, proses pembersihan kering menggunakan berus lembut, serta pemasangan semula aksesori. Kesemua prosedur ini dilaksanakan mengikut piawaian konservasi bagi memastikan fabrik, struktur pakaian dan aksesori asal kekal terpelihara tanpa menjejaskan keaslian serta nilai sejarah koleksi.

Pendekatan pembelajaran secara praktikal ini membolehkan peserta memahami setiap proses dengan lebih mendalam, di samping meningkatkan keyakinan dan kemahiran mereka dalam mengendalikan serta memulihara koleksi tekstil secara profesional dan lestari.

“ Indah teratai ditepi muara,
Mekar berkembang diwaktu pagi,
Warisan negara bersama dipelihara ”



Bergambar kenang-kenangan bersama Inspektor Penjara Tuan Sallehudin bin Bujang dan anggota Muzium Penjara Malaysia

MUZIUM PRIHATIN MEMPERKASA GALERI KOMUNITI

Oleh: Nor Hanisah binti Ahmad, Muzium Negara



PONTIAN – Program Muzium Prihatin merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) Jabatan Muzium Malaysia yang bertujuan berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam bidang permuziuman bagi membantu memperkukuh usaha pemeliharaan dan pengurusan galeri di peringkat komuniti. Pada 18 dan 19 Jun 2026, Jabatan Muzium Malaysia telah melaksanakan kerja-kerja tersebut di Galeri Warisan Permatang Duku, Mukim Benut, Pontian, Johor Darul Takzim. Program dimulakan dengan aktiviti gotong-royong bersama komuniti dalam membersihkan galeri, diikuti dengan khidmat nasihat asas berkaitan kaedah menyelenggara dan mendaftarkan koleksi serta kepentingan pendokumentasian koleksi secara sistematik.

Hasil daripada program tersebut, sebanyak 147 koleksi berjaya direkodkan, didaftarkan dan didokumentasikan secara sistematik bagi memastikan aspek pemeliharaan, pengurusan dan rujukan koleksi dapat dilaksanakan dengan lebih cekap pada masa hadapan. Melalui program ini, Jabatan Muzium Malaysia turut membantu menambah baik kaedah peragaan pameran dan penyampaian maklumat yang lebih teratur serta selaras dengan amalan profesional dalam bidang permuziuman.

Selain itu, Jabatan Muzium Malaysia bersama-sama Persatuan Muzium Malaysia turut menyumbangkan buku berkaitan sejarah dan budaya negara sebagai bahan bacaan dan rujukan kepada komuniti. Satu sudut bacaan turut diwujudkan dengan sumbangan 72 buah buku.

Pelaksanaan Program Muzium Prihatin membuktikan komitmen Jabatan Muzium Malaysia yang turun padang dalam menyokong usaha komuniti memelihara warisan tempatan. Inisiatif ini turut mencerminkan penghargaan terhadap usaha masyarakat yang secara sukarela menubuhkan dan menguruskan galeri warisan di peringkat komuniti. Penglibatan masyarakat dalam aktiviti pemeliharaan warisan secara langsung turut memberi peluang kepada komuniti untuk memahami kepentingan memelihara warisan sejarah dan budaya, sekali gus memperkukuh hubungan antara institusi muzium dengan masyarakat setempat.



Lawatan ke Galeri Warisan Permatang Duku oleh YBrs Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Perancangan Strategik), Kementerian Perpaduan Negara bersama-sama Pengarah-pengarah Muzium Peringkat Negeri dan institusi

Program ini juga memperlihatkan bahawa muzium bukan sekadar institusi penyimpan artifak, tetapi merupakan agen penyatuan masyarakat serta pusat pembelajaran, perkongsian ilmu dan pemerkasaan komuniti. Pendekatan yang menghubungkan muzium dengan masyarakat secara langsung mampu merakyatkan institusi permuziuman serta menyemai rasa tanggungjawab bersama dalam memelihara sejarah, budaya dan identiti bangsa.

Dalam era globalisasi yang semakin mencabar, penghayatan terhadap sejarah, warisan dan budaya perlu terus diperkasakan bagi memastikan nilai perpaduan, jati diri dan semangat kebangsaan kekal subur dalam kalangan rakyat Malaysia. Pemeliharaan warisan negara bukan hanya menjadi tanggungjawab kerajaan, malah memerlukan penglibatan aktif sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta komuniti setempat.

Diharapkan Program Muzium Bersama Komuniti akan terus diperluas ke seluruh negara sebagai platform memperkukuh perpaduan, menyemai semangat cintakan negara serta memastikan warisan sejarah serta budaya Malaysia terus dipelihara demi generasi akan datang.



Kerja-kerja merekod dan mendaftar koleksi.



Keadaan semasa dan selepas kerja-kerja menambah baik kaedah peragaan pameran

PROGRAM IPIM: MENCETUS INSPIRASI INOVASI BERSAMA SK MATANG GELUGOR

Oleh: Ainin Sofiya binti Jamalludin, Muzium Matang

MATANG - 27 Julai 2025, Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) telah berlangsung dari jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari di Dewan Seminar Muzium Matang, Perak. Program ini melibatkan seramai 30 orang pelajar dan dua orang guru pengiring dari Sekolah Kebangsaan Matang Gelugor, Perak. Program IPIM merupakan salah satu inisiatif Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan iaitu menggabungkan pembelajaran akademik dengan aktiviti kreatif bagi memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik kepada para pelajar.

Program ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan pemahaman pelajar mengenai pencapaian serta kebanggaan negara, khususnya dalam aspek kemajuan ekonomi Malaysia. Melalui program ini, para pelajar didedahkan kepada perkembangan industri negara dan sumbangannya terhadap pertumbuhan ekonomi. Sebagai contoh, penghasilan kereta nasional Proton Saga diperkenalkan sebagai salah satu pencapaian penting negara dalam sektor automotif. Pencapaian ini bukan sahaja melambangkan kemajuan teknologi dan perindustrian, malah turut menjadi simbol keupayaan Malaysia menghasilkan produk tempatan yang mampu dibanggakan.

Program dimulakan dengan sesi pendaftaran peserta, diikuti dengan sarapan pagi. Seterusnya, para pelajar mengikuti sesi pembelajaran di dalam kelas berdasarkan silibus Tahun 6 bertajuk "Pencapaian dan Kebanggaan Negara: Kemajuan Ekonomi Negara" yang disampaikan oleh guru dari Sekolah Kebangsaan Matang Gelugor. Aktiviti utama program iaitu penghasilan kraf model tiga dimensi kereta Proton Saga menggunakan bahan berasaskan kotak. Program diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para peserta, penyampaian cenderahati kepada guru pengiring, penyerahan sijil penyertaan dan sesi bergambar bersama peserta, guru dan urus setia program.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya dilaksanakan dengan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan. Para pelajar menunjukkan minat serta penglibatan yang aktif sepanjang sesi pembelajaran dan aktiviti kraf yang dijalankan. Aktiviti menghasilkan model Proton Saga turut berjaya meningkatkan kreativiti, ketelitian dan semangat patriotisme dalam kalangan peserta. Kejayaan program ini membuktikan bahawa muzium mampu berperanan sebagai ruang pembelajaran tidak formal yang menarik, interaktif dan relevan dalam menyokong proses pendidikan di sekolah.





MELESTARIKAN KHAZANAH WARISAN NEGARA, MENGUKUHKAN PERPADUAN: PENGLIBATAN BAHAGIAN PENGURUSAN KONSERVASI DI SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN ZON TENGAH

Oleh: Nurul Hafizah binti Maaz, Bahagian Pengurusan Konservasi







KUALA LUMPUR - Bahagian Pengurusan Konservasi memainkan peranan penting dalam menjayakan Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah yang berlangsung di Muzium Negara pada 15 hingga 17 Mei 2026. Melalui program ini, fungsi dan peranan konservasi diketengahkan melalui aktiviti pendidikan, demonstrasi dan perkongsian ilmu konservasi kepada masyarakat. Penglibatan ini turut menonjolkan kepentingan konservasi dalam usaha memelihara dan memulihara khazanah warisan negara, sekali gus meningkatkan kesedaran bahawa warisan yang lestari berupaya menjadi asas kepada pembentukan identiti dan perpaduan masyarakat.

Sepanjang program, Bahagian Pengurusan Konservasi telah mengendalikan demonstrasi konservasi koleksi logam yang memberi tumpuan kepada kaedah pemuliharaan koleksi berasaskan perak dan tembaga. Demonstrasi tersebut memberikan peluang kepada pengunjung melihat secara langsung proses kerja konservasi, bermula daripada pemeriksaan kondisi, pembersihan dan rawatan yang bersesuaian bagi memastikan kestabilan koleksi. Pendekatan interaktif ini turut mendedahkan pengunjung tentang kepentingan konservasi sebagai satu disiplin yang memerlukan ketelitian, kepakaran serta pematuhan kepada standard dan piawaian bagi memulihara dan memanjangkan jangka hayat sesuatu koleksi/artifak untuk tatapan generasi akan datang.

Selain itu, Bahagian Pengurusan Konservasi turut terlibat dalam Program Bermalam di Muzium bersama belia yang menghimpunkan seramai 100 orang pelajar dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Sebagai sebahagian daripada pengisian program, peserta mengikuti sesi pengenalan kepada konservasi seramik dengan penekanan terhadap teknik cantuman serpihan seramik. Melalui aktiviti yang dibimbing oleh kakitangan Bahagian Pengurusan Konservasi, peserta didedahkan kepada kaedah penilaian kondisi koleksi, mengenal pasti serpihan, teknik penyusunan, proses cantuman serta kepentingan dokumentasi dalam kerja-kerja konservasi. Pendedahan ini membolehkan peserta memahami bahawa setiap proses pemuliharaan dilaksanakan secara sistematik, beretika dan berpandukan kepada prinsip konservasi bagi mengekalkan nilai sejarah, estetika dan saintifik sesuatu artifak atau koleksi itu.

Penglibatan Bahagian Pengurusan Konservasi dalam program ini membuktikan bahawa aktiviti konservasi bukan sekadar tertumpu kepada pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi muzium, bahkan berfungsi sebagai medium pendidikan awam yang mampu meningkatkan apresiasi masyarakat terhadap khazanah warisan negara.

PROGRAM MAITAH KE MUZIUM LABUAN MEMPERKASA PENGHAYATAN SEJARAH DAN BUDAYA TEMPATAN

Oleh : Zainon binti Halon, Muzium Labuan





LABUAN - Muzium Labuan telah menganjurkan **Program Maitah Ke Muzium Labuan: "Mengilala Sejarah dan Budaya Kitani"** pada 23 Mei hingga 30 Jun 2026 sebagai satu inisiatif berteraskan komuniti yang bertujuan mendekatkan masyarakat dengan khazanah sejarah serta warisan budaya tempatan. Program ini menjadi platform bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti permuziuman melalui pendekatan yang interaktif, inklusif dan berorientasikan pendidikan.

Istilah "Maitah" yang membawa maksud *"marilah"* dalam dialek tempatan, manakala "mengilala" bermaksud *"mengenali"* atau *"memahami"*, dipilih sebagai tema program bagi mencerminkan aspirasi Muzium Labuan untuk mengajak masyarakat mengenali, memahami dan menghayati sejarah serta budaya yang menjadi identiti masyarakat Labuan.

Penganjuran program ini turut diadakan bersempena sambutan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai, yang bertepatan dengan musim cuti persekolahan. Pemilihan tempoh penganjuran ini memberi peluang kepada masyarakat, khususnya keluarga dan pelajar, untuk menyertai pelbagai aktiviti yang bukan sahaja bersifat rekreatif.

Antara pengisian utama program iaitu Pameran Mini "Manifestasi Padi dalam Kehidupan Masyarakat Borneo" yang mengetengahkan kepentingan tanaman padi sebagai simbol kehidupan, sumber rezeki serta elemen penting dalam adat resam dan budaya masyarakat di Labuan, Sabah dan Sarawak.

Pengunjung turut berpeluang menyertai aktiviti 'Jom Main Permainan Tradisional', yang memperkenalkan pelbagai permainan warisan sebagai usaha memupuk penghargaan terhadap budaya tradisional. Bagi menggalakkan penyertaan golongan pelajar, beberapa pertandingan telah dianjurkan mengikut kategori umur, antaranya Pertandingan Kad Ucapan Pesta Menuai bagi murid sekolah rendah, Pertandingan Poster Infografik Canva Bertemakan Pesta Menuai serta Pertandingan TikTok Kreatif Pesta Menuai bagi pelajar sekolah menengah.

Program ini turut dimeriahkan menerusi 'Ceria Bersama Marrybrown Labuan' yang menawarkan pelbagai aktiviti santai dan pertandingan mewarna bertemakan Kaamatan dan Gawai untuk penyertaan seisi keluarga. Selain itu, orang ramai turut berpeluang menyertai Pertandingan Masakan Citarasa Kampung, Pertandingan Gubahan Berasaskan Pokok Herba, Kuiz Kaamatan dan Gawai, Teka Berat Padi, serta demonstrasi Menumbuk dan Menampi Padi yang mempamerkan amalan tradisional masyarakat Borneo. Bagi memperkayakan pengalaman pengunjung, turut diadakan demonstrasi dan *hands-on* kraf manik yang dikendalikan oleh penggiat seni tempatan.

Kejayaan penganjuran program ini, didukung melalui jalinan kerjasama strategik bersama agensi kerajaan, pertubuhan komuniti dan sektor swasta. Antara rakan strategik yang terlibat ialah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun Labuan (KDCA), Persatuan Kaum Dayak Labuan, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Bukit Kalam, Marrybrown Labuan serta Komuniti Kraf Manik Labuan. Kerjasama ini bukan sahaja menyemarakkan pelaksanaan program, malah memperkukuh jaringan kolaborasi dalam usaha memelihara, mempromosikan dan mewariskan khazanah sejarah serta budaya tempatan kepada masyarakat khususnya generasi muda di Wilayah Persekutuan Labuan.

AKTIVITI 'KRAFTIFAK' RANTAI KUNCI KOLEKSI TERPILIH MERIAHKAN CUTI PERSEKOLAHAN DI MUZIUM TEKSTIL NEGARA

Oleh : Nor Ridayah binti Che Romeli, Muzium Tekstil Negara

KUALA LUMPUR, 6 Jun – Muzium Tekstil Negara (MTN) telah menganjurkan aktiviti 'Kraftifak: Rantai Kunci Koleksi Terpilih' bersempena cuti persekolahan sebagai usaha memperkenalkan koleksi artifak muzium kepada masyarakat menerusi pendekatan didik hibur yang kreatif, interaktif dan mesra pengunjung.

Program yang berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang itu berjaya menarik penyertaan seramai 81 orang pelawat tempatan dan antarabangsa. Penganjuran aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan warisan tekstil negara, di samping menggalakkan pembelajaran secara santai yang sesuai untuk semua peringkat usia.

Sebanyak tiga koleksi artifak terpilih telah diketengahkan dalam program ini iaitu Baju Kebaya, Cheongsam dan Pending yang merupakan antara koleksi penting yang dipamerkan di MTN. Berpandukan koleksi tersebut, para peserta menghasilkan rantai kunci menggunakan pelbagai bahan kraf seperti kain felt, benang sulam, pelekat manik, kapas polyester fiberfill, reben, gelang kunci dan gam fabrik. Melalui aktiviti ini, para peserta bukan sahaja berpeluang mengasah kreativiti, malah turut memperoleh pengetahuan mengenai fungsi, keunikan serta nilai estetika dan budaya yang terkandung dalam setiap artifak. Pendekatan interaktif yang diterapkan turut membantu memperkukuh pemahaman



Peserta diberi tunjuk ajar mengenai teknik jahitan semasa aktiviti berlangsung

peserta terhadap kepelbagaian warisan tekstil dan budaya masyarakat di Malaysia.

Penganjuran aktiviti 'Kraftifak' merupakan antara inisiatif berterusan MTN dalam memperkasa pendidikan muzium serta memperluas akses masyarakat terhadap khazanah warisan tekstil negara. Program ini juga mencerminkan komitmen MTN dalam menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna, menyeronokkan dan inklusif kepada para pelawat. Secara keseluruhnnya, program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan serta mendapat maklum balas positif serta menzahirkan rasa teruja kerana berpeluang menghasilkan kraftangan sendiri sambil menambah pengetahuan mengenai koleksi warisan yang dipamerkan di MTN.



FORUM KURATOR PERDANA 2026 "MERENTAS LAUTAN ALAM MELAYU: KOLEKSI MARITIM SEBAGAI SAKSI PERADABAN DAN PERTUKARAN BUDAYA"

Oleh: Zulita binti Yahya, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

KUALA LUMPUR - 9 Julai 2026, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melalui Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi terus memperkukuh peranannya sebagai institusi peneraju dalam bidang penyelidikan dan pemeliharaan warisan negara menerusi penganjuran Forum Kurator Perdana 2026 yang berlangsung di auditorium JMM. Program tersebut turut disiarkan secara dalam talian melalui platform Zoom dan *Facebook Live* Jabatan Muzium Malaysia.

Penganjuran Forum Kurator Perdana 2026 bertujuan menghimpunkan pandangan pakar dan profesional bagi memperkukuh peranan muzium sebagai institusi pendidikan dan penyelidikan, di samping memperkasa kerjasama strategik antara institusi permuziuman, institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan, penyelidik dan masyarakat dalam usaha memartabatkan warisan negara. Forum ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Bertemakan **"Merentas Lautan Alam Melayu: Koleksi Maritim sebagai Saksi Peradaban dan Pertukaran Budaya".** Forum ini dikendalikan oleh Encik Mohd. Nasrulamiazam bin Mohd. Nasir, Pengarah Muzium Perak, selaku moderator dan menampilkan tiga orang panel yang membentangkan kertas kerja berdasarkan kepakaran masing-masing. Panel dari Museum Bahari Jakarta, Indonesia, Tuan Firman Faturohman, yang merupakan Kurator di muzium tersebut membentangkan kertas kerja bertajuk **"Memetakan Memori Maritim Nusantara: Koleksi Museum-museum Maritim dan Bahari Indonesia sebagai Saksi Peradaban dan Pertukaran Budaya di Alam Melayu".** Dalam pembentangannya, beliau mengupas peranan koleksi muzium maritim sebagai medium yang merakam sejarah perdagangan, migrasi dan interaksi budaya di rantau Nusantara.



Turut berkongsi pembentangan ilmiah dalam forum ialah Dr. Mohd Rohaizat Abdul Wahab dari Universiti Putra Malaysia yang membentangkan tajuk **"Kebitaraan Tukang dalam Pembinaan Perahu Tradisional Melayu".** Beliau memfokuskan kepada pelbagai aspek warisan dan maritim, di samping mengetengahkan kehebatan tukang perahu Melayu sebagai jurutera tradisional yang menguasai ilmu pembinaan, teknologi dan kearifan tempatan.

Encik Muhammad Termizi Hasni, Kurator Bahagian Arkeologi, Jabatan Warisan Negara pula membentangkan tajuk **"Relik Arkeologi dalam Konteks Warisan Kebudayaan Bawah Air Akta Warisan Kebangsaan 2005".** Beliau menekankan kepentingan perlindungan dan pemeliharaan khazanah arkeologi bawah air negara.

Melalui penganjuran forum ini, Jabatan Muzium Malaysia berharap usaha penyelidikan, pendokumentasian, pemulihraan dan interpretasi koleksi maritim akan terus diperkasa dan dilestarikan. Usaha tersebut sekali gus memastikan warisan maritim negara terus dipelihara sebagai khazanah bernilai tinggi untuk tatapan dan manfaat generasi masa hadapan.

PROGRAM JANGKAUAN LUAR KENALI MUZIUM DIRAJA SK SERI CHERAS

Oleh: Abdur Rahim bin Mazuki, Muzium Diraja



CHERAS - Muzium Diraja telah menganjurkan Program Jangkauan Luar Kenali Muzium Diraja pada 23 Jun 2026 di Dewan Puri Permata, Sekolah Kebangsaan Seri Cheras dengan penyertaan seramai 823 orang murid dan 56 orang guru.

Sebagai simbolik kepada permulaan kolaborasi strategik antara kedua-dua pihak, satu majlis menandatangai sijil jalinan kerjasama telah diadakan antara sekolah tersebut dengan Muzium Diraja. Jalinan kerjasama ini menunjukkan komitmen bersama dalam memperkukuh usaha memperkasa pendidikan berasaskan warisan, di samping membuka lebih banyak peluang pelaksanaan program pembelajaran di luar bilik darjah pada masa hadapan.

Program yang berlangsung selama 3 jam bermula dari jam 9.30 pagi ini menerapkan pendekatan pembelajaran aktif dan inklusif. Bagi memastikan penglibatan menyeluruh, murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil bagi membolehkan setiap peserta terlibat dalam setiap aktiviti yang disediakan.

Antara pengisian utama program ialah pameran mengenai Institusi Yang di-Pertuan Agong, alat-alat kebesaran diraja serta koleksi destar yang dipakai oleh Raja-Raja Melayu. Selain itu, peserta turut ditayangkan video sejarah penubuhan Muzium Diraja sebagai institusi pemelihara warisan negara.

Bagi menarik minat murid terhadap pembelajaran berasaskan pengalaman, program ini turut menampilkan aktiviti *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) yang menguji daya kreativiti dan kemahiran berfikir, di samping demonstrasi ikatan samping dan seni lipatan tengkolok yang memperkenalkan kehalusan warisan budaya Melayu kepada generasi muda.

Program ini juga menyokong pelaksanaan kurikulum sekolah khususnya bagi mata pelajaran Sejarah dengan menghubungkan pembelajaran di bilik darjah kepada pengalaman pembelajaran yang menarik.

Program Jangkauan Luar Kenali Muzium Diraja bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran murid mengenai sejarah institusi beraja serta warisan negara melalui pendekatan pembelajaran yang interaktif, menyeronokkan dan berimpak tinggi.

Penganjuran program ini membuktikan komitmen Muzium Diraja dalam memperluas akses pendidikan muzium kepada masyarakat, khususnya warga sekolah, menerusi pendekatan jangkauan luar yang lebih inklusif dan berkesan. Inisiatif ini diharap dapat memperkukuh kesedaran terhadap kepentingan institusi beraja sebagai tonggak kedaulatan negara, di samping menyemai minat generasi muda terhadap sejarah, budaya dan warisan kebangsaan.

JABATAN MUZIUM MALAYSIA
JALIN KOLABORASI STRATEGIK BERSAMA THONG EMPIRE ANGKAT KHAZANAH BUDAYA MELALUI PENDEKATAN KREATIF

Oleh : Fadhliatun binti Azmi, Muzium Tekstil Negara





Simbolik perasmian, penyediaan cendol sempena Majlis Peluncuran.

KUALA LUMPUR, 5 Ogos – Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melakar satu lagi pencapaian menerusi Majlis Peluncuran Program Kolaborasi Strategik Jabatan Muzium Malaysia dan Thong Empire Sdn. Bhd. yang bertemakan "Warisan dalam Perpaduan pada Setiap Suapan". Inisiatif ini merupakan pendekatan baharu dalam memperluas akses masyarakat terhadap sejarah, seni dan budaya negara melalui kolaborasi strategik antara institusi muzium dengan sektor industri.



Lawatan dan sesi demonstrasi penyediaan makanan

Majlis Peluncuran tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, dan turut menyaksikan sesi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Muzium Malaysia dengan Thong Empire Sdn. Bhd. sebagai simbolik komitmen kedua-dua pihak dalam memperkukuh kerjasama bagi mempromosikan khazanah budaya negara kepada masyarakat.

Kolaborasi ini melibatkan Muzium Tekstil Negara dan Muzium Negara dengan mengetengahkan koleksi serta naratif muzium dalam bentuk produk gaya hidup yang lebih dekat dengan masyarakat. Pendekatan ini membuktikan bahawa koleksi muzium bukan sahaja berperanan sebagai bahan pameran, malah mampu diterjemahkan secara kreatif sebagai medium pendidikan dan penghayatan budaya.

Antara produk eksklusif yang diperkenalkan ialah Pin Enamel Warisan Malaysia yang menampilkan enam motif tekstil tradisional, iaitu Pucuk Rebung, Burung Phoenix, Burung Merak, Kuda, Nabau (Ular) dan Bunga Raya. Pemilihan motif dibuat berdasarkan keunikan, nilai simbolik serta kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia dengan merujuk kepada koleksi Jabatan Muzium Malaysia. Melalui Muzium Tekstil Negara, setiap motif turut disertakan dengan penerangan terperinci bagi membolehkan masyarakat memahami kisah, simbolik dan nilai budaya yang tersirat di sebalik setiap rekaan.

Selain itu, program ini turut memperkenalkan Syiling Emas Edisi Terhad yang menampilkan imej Bapa Kemerdekaan, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, sebagai simbol penghargaan terhadap sejarah pembentukan negara dan semangat patriotisme sempena Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2026.

Kolaborasi strategik ini membuka ruang kepada Jabatan Muzium Malaysia untuk memperluas penyampaian maklumat kepada masyarakat melalui pendekatan yang lebih kontemporari, sekali gus memperkukuh peranan muzium sebagai pusat rujukan, pendidikan dan pemeliharaan warisan budaya negara. Penganjuran program ini turut mencerminkan komitmen berterusan JMM dalam memperkasakan pemeliharaan dan pemasyarakatan khazanah negara melalui kerjasama rentas sektor, selaras dengan aspirasi Kementerian Perpaduan Negara dalam menyemarakkan penghayatan terhadap sejarah, budaya dan identiti Malaysia.

Sambutan HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2026 DI MUZIUM TEKSTIL NEGARA

Oleh: Fadhliatun binti Azmi, Muzium Tekstil Negara



KUALA LUMPUR - Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2026 *(International Museum Day Celebration 2026*) diraikan di seluruh dunia pada setiap tahun tanggal 18 Mei. Pada tahun ini, tema yang dipilih ialah "Museums Uniting a Divided World" atau "Muzium Menyatukan Dunia yang Terpisah" yang menekankan peranan muzium sebagai platform penyatuan masyarakat melalui warisan, budaya dan pendidikan.

Muzium Tekstil Negara turut tidak ketinggalan mengadakan sambutan ringkas sempena Hari Muzium Antarabangsa 2026 ini. Program tersebut diisi dengan pelbagai aktiviti interaktif dan berinformasi yang memberi peluang kepada para pengunjung untuk mendekati warisan tekstil serta budaya tempatan.

Penganjuran sambutan ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan muzium sebagai institusi pemeliharaan warisan, pusat pendidikan serta medium penyebaran ilmu pengetahuan. Selain itu, program ini turut menjadi platform untuk mengeratkan hubungan masyarakat dengan warisan tekstil dan budaya tempatan melalui pelbagai aktiviti interaktif dan berinformasi.

Sepanjang sambutan berlangsung, pengunjung berpeluang menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan antaranya demonstrasi dan praktikal pemakaian samping dan kain sarung, aktiviti kraftifak, aktiviti kit STEM serta kuiz interaktif. Aktiviti-aktiviti ini memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan kepada para pengunjung sambil mengenali keunikan warisan tekstil negara.

Aktiviti demonstrasi pemakaian kain samping dan kain sarung turut memberi pendedahan kepada pengunjung mengenai kaedah pemakaian tradisional yang betul serta kepelbagaian gaya pemakaian masyarakat Melayu. Sementara itu, aktiviti kraftifak dan kit STEM pula dilaksanakan bagi menarik minat generasi muda terhadap warisan budaya melalui pendekatan pembelajaran yang kreatif, inovatif dan interaktif.

Melalui sambutan ini, diharapkan institusi muzium akan terus relevan sebagai ruang pembelajaran inklusif serta pusat interaksi masyarakat dalam menghargai dan memelihara warisan sejarah, budaya dan identiti negara.

BICARA @MUZIUM : DENTUMAN MERIAM DI CAPE RACHADO "MENJEJAKI SENGKETA GERGASI EROPAH DI NUSANTARA"

Oleh: Siti Norhayati binti Tapsir, Muzium Lukut



LUKUT - Pada 11 Jun 2026, Muzium Lukut telah menganjurkan program Bicara@Muzium : Dentuman Meriam Di Cape Rachado - Menjejaki Sengketa Gergasi Eropah di Nusantara yang disiarkan secara langsung menerusi platform *Facebook* Muzium Lukut.

Program ini menampilkan dua orang ahli panel, iaitu Profesor Madya Dr. Hasrizal Shaari dan Dr. Shaiful Idzwan Shahidan yang berrkongsi pengetahuan mengenai penemuan artifak Kapal Karam *Nassau* serta sejarah persaingan kuasa-kuasa Eropah di Nusantara. Perbincangan turut menfokuskan kepada kepentingan strategik Cape Rachado (Tanjung Tuan) sebagai kubu pertahanan dan pusat kawalan laluan perdagangan maritim yang memainkan peranan penting dalam perebutan pengaruh kuasa-kuasa Eropah pada suatu ketika dahulu.

Sepanjang sesi berlangsung, para penonton telah didedahkan dengan pelbagai fakta menarik mengenai konflik antara Portugis, Belanda dan British, termasuk penggunaan meriam dalam peperangan serta kesannya terhadap perkembangan politik, ekonomi dan sejarah rantau Nusantara. Selain itu, para peserta turut diperkenalkan beberapa artifak yang ditemui daripada bangkai kapal karam *Nassau* yang kini dipamerkan di Muzium Lukut.

Siaran langsung program ini tersebut telah mencatatkan sebanyak 2,473 tontonan, sekaligus membuktikan minat dan komitmen masyarakat terhadap usaha penyebaran maklumat tentang warisan sejarah negara. Semoga program seumpama ini akan terus memperkukuhkan peranan muzium sebagai pusat penyebaran ilmu dan rujukan sejarah kepada masyarakat khususnya tentang sejarah maritim tanahair.

Jom Santai @ MUZIUM MARIN LABUAN SEMPENA PROGRAM CUTI SEKOLAH

Oleh: Sufianah bin Alias, Muzium Marin Labuan

LABUAN - Program Jom Santai@Muzium Marin Labuan sempena cuti persekolahan telah berjaya dilaksanakan dengan sambutan yang amat menggalakkan daripada pengunjung. Program yang berlangsung pada 23 Mei hingga 6 Jun 2026 itu mengetengahkan pelbagai aktiviti berunsurkan pendidikan dan rekreasi bagi mengisi masa lapang pelajar sepanjang cuti sekolah.

Antara aktiviti yang dianjurkan ialah Peraduan Teka & Menang, iaitu meneka berat jala atau rambat yang terbuka kepada semua pengunjung Muzium Marin Labuan. Selain itu, Pertandingan Mewarna Hidupan Marin bagi kategori kanak-kanak berumur 7 hingga 9 tahun turut diadakan pada 6 Jun 2026. Bagi Peraduan Teka & Menang, Puan Fezereyna binti Jadi telah muncul sebagai pemenang. Sementara itu, bagi Pertandinagn Mewarna Hidupan Marin, Nuraini Nuha Ng memenagi tempat pertama, diikuti Noor Afiqah Risya binti Roslan di tempat kedua dan Naura Nubella binti Norizal di tempat ketiga.





Program Jom Santai@Muzium Marin Labuan dianjurkan bagi mengisi masa lapang pelajar sepanjang cuti persekolahan dengan aktiviti yang menyeronokkan dan berinformasi. Program ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat, khususnya kanak-kanak dan keluarga, mengenai kepentingan pemuliharaan hidupan marin serta menggalakkan pembelajaran secara interaktif melalui pelbagai aktiviti pendidikan yang disediakan di Muzium Marin Labuan.

Program ini berjaya menarik penyertaan dan kunjungan masyarakat setempat serta pelancong ke Muzium Marin Labuan. Pelaksanaan aktiviti yang berkonsepkan pendidikan dan rekreasi telah meningkatkan pengetahuan serta kesedaran peserta terhadap kepentingan memelihara ekosistem marin. Di samping itu, program ini turut mengukuhkan peranan Muzium Marin Labuan sebagai pusat pendidikan tidak formal yang menyediakan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat. Pihak Muzium Marin Labuan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta, ibu bapa, pengunjung dan warga kerja yang telah menjayakan program ini.

PROGRAM JANGKAUAN LUAR DI SK KOTA KEMUNING, SELANGOR

Oleh: Mohd Anwar Aizat Shah bin Salasan, Muzium Diraja

SELANGOR - Pada 29 Julai 2026, Muzium Diraja telah melaksanakan Program Jangkauan Luar di Sekolah Kebangsaan Kota Kemuning, Selangor bagi memperkukuh pemahaman murid terhadap Institusi Raja Berperlembagaan serta memupuk semangat patriotisme dan kecintaan kepada raja dan negara. Program ini merupakan inisiatif pendidikan muzium yang bertujuan menyampaikan ilmu secara interaktif dan kreatif kepada generasi muda, sekali gus meningkatkan kesedaran tentang peranan institusi diraja sebagai tunjang perpaduan dan identiti negara.

Program ini telah disertai seramai 1,785 orang murid dan 105 orang guru dengan penglibatan lima orang pegawai Muzium Diraja. Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan nyanyian lagu patriotik diikuti dengan penandatangan Sijil Jalinan Kerjasama antara Guru Besar Pn Norliza binti Idris dan Pengarah Muzium Diraja, Cik Rohana sebagai pemangkin program pendidikan warisan dan sejarah pada masa hadapan.

Antara pengisian utama ialah pameran mengenai institusi Yang di-Pertuan Agong, demonstrasi ikatan tengkolok dan pemakaian samping, aktiviti Kit STEM serta tayangan rakaman video mengenai sejarah dan keunikan Muzium Diraja. Program ini berjalan dengan lancar hasil kerjasama guru panitia Sejarah iaitu Puan Malini a/p Witmuishwara. Pelaksanaan program ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan strategik antara Muzium Diraja dan institusi pendidikan.



PROGRAM INSPIRASI **PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIM) SIRI 2 DI MUZIUM LUKUT**

Oleh: Norshasha Fekha binti Zawawi, Muzium Lukut







LUKUT – Pada 6 Ogos 2026, Muzium Lukut telah mengadakan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) Siri 2 yang melibatkan seramai 30 orang pelajar tingkatan satu dan empat orang guru pengiring dari SMK Yam Tuan Radin, Port Dickson, Negeri Sembilan. Program ini bertujuan memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah serta memberikan pendedahan secara langsung kepada warisan dan sejarah tempatan melalui pelbagai aktiviti interaktif.

Program dimulakan dengan sesi taklimat ringkas yang disampaikan oleh pegawai Muzium Lukut, diikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) berdasarkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bertemakan "Penyelidikan dalam Sejarah" yang dikendalikan oleh guru pengiring. Seterusnya, pelajar menyertai sesi lawatan berpandu ke galeri pameran yang dikendalikan oleh pegawai muzium. Selain menerima penerangan berkaitan artifak dan sejarah Kota Lukut, pelajar turut menyertai kuiz interaktif mengenai Sejarah Lukut. Pelajar kemudiannya dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk menjalankan aktiviti ekskavasi. Setiap kumpulan dibekalkan dengan peralatan arkeologi seperti sudip, berus dan pita pengukur. Aktiviti ini memberikan peluang kepada pelajar merasai pengalaman menjalankan kerja cari gali seperti yang dilaksanakan dalam bidang arkeologi. Program diakhiri dengan sesi refleksi bagi membolehkan pelajar merumus pengalaman serta memberikan maklum balas dan pandangan terhadap program yang disertai.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektif dalam memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna kepada para pelajar. Kerjasama serta penyertaan semua pihak amat dihargai dan diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan pada masa hadapan.

PROGRAM IPIM 2026 **BERSAMA SK PANTAI DI MUZIUM CHIMNEY**

Oleh : Junaida binti Omar Junit, Muzium Chimney

LABUAN - Pada 14 Mei 2026, Muzium Chimney telah menganjurkan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) melibatkan penyertaan 40 orang murid Tahap 2 bersama tiga orang guru pengiring dari Sekolah Kebangsaan Pantai, Wilayah Persekutuan Labuan.

Program yang berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari ini bertujuan mentransformasikan muzium daripada sekadar tempat penyimpanan artifak kepada sebuah makmal pembelajaran aktif (active learning lab) yang menerapkan pengalaman pembelajaran secara interaktif. Pemilihan murid-murid berumur 10 hingga 11 tahun sebagai kumpulan sasaran adalah selaras dengan objektif program untuk memupuk nilai murni, semangat patriotisme dan penghargaan terhadap warisan negara sejak usia muda.

Keistimewaan program IPIM ini terletak pada pengintegrasian kurikulum sekolah dengan modul pembelajaran berasaskan pengalaman di muzium. Program dimulakan dengan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dikendalikan oleh guru menjadi pembuka tirai aktiviti menerusi tajuk *Sejarah Tempat Tinggal* dan *Kedaulatan Negara Dicabar*. Pengisian ini bertujuan memberi pendedahan kepada murid-murid tentang sejarah perkembangan penempatan masyarakat serta kepentingan mempertahankan kedaulatan negara daripada pelbagai ancaman dan cabaran.

Seterusnya, murid-murid diberikan taklimat dan tayangan video yang memperkenalkan sejarah Tanjung Kubong, sejarah pendudukan British di Labuan, kepentingan sumber arang batu serta gambaran asas aktiviti ekskavasi arkeologi sebelum mengikuti tiga modul pembelajaran yang disediakan. Modul pertama, aktiviti Pemetaan Tapak Perlombongan Arang Batu di Malaysia yang mana murid-murid dikehendaki melengkapkan lembaran kerja sambil mempelajari dan memahami skala serta kedudukan geografi tapak perlombongan yang pernah menjadi nadi ekonomi negara suatu ketika dahulu.

Modul kedua pula memfokuskan kepada amali ekskavasi arkeologi yang memberi peluang kepada murid-murid untuk merasai sendiri pengalaman menjalankan kerja lapangan melibatkan praktikal ekskavasi. Peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil dan dibekalkan kit peralatan seperti cangkul kecil, penyodok, berus, pengayak tanah dan bekas penyimpanan. Selain menjalankan aktiviti cari gali, peserta turut didedahkan kepada proses merekod serta mendokumentasi setiap penemuan mengikut kaedah asas arkeologi.

Manakala modul terakhir memfokus kepada aktiviti *Science, Technology, Energy and Mechanical* (STEM) menggunakan *Kit Solar Energy Double Ring* tajaan Yayasan MR D.I.Y. Aktiviti amali ini menggabungkan konsep tenaga solar dan fizik, sekali gus



membantu pelajar memahami kepentingan tenaga boleh diperbaharui serta perkembangan sumber tenaga dunia.

Program IPIM 2026 membuktikan bahawa kerjasama strategik yang berterusan antara institusi pendidikan dan muzium mampu menjadi tunjang kukuh dalam pembentukan jati diri serta mengukuhkan semangat cintakan warisan negara dalam kalangan generasi muda yang akan membina negara di masa hadapan.







Lawatan
RASMI UNIT KOMUNIKASI AWAM SARAWAK (UKAS) JABATAN PREMIER SARAWAK DAN ASTANA NEGERI SARAWAK KE JMM
- 6 MEI 2026









Delegasi THE JAPAN FOUNDATION, KUALA LUMPUR KE MUZIUM PERAK
- 7 MEI 2026









Lawatan
RASMI TUAN YANG TERUTAMA MARC ABENSOUR DUTA BESAR PERANCIS KE MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG
- 14 MEI 2026











Kunjungan

HORMAT DKP JABATAN MUZIUM MALAYSIA KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

- 15 MEI 2026







Kunjungan

HORMAT YB DATO HAJI MOHD AZMI BIN MOHAMAD DAHAM, SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU KEPADA KETUA PENGARAH JMM

-3 JUN 2026











Kunjungan

HORMAT MS SOURAYA NOUJAIM, DIRECTOR OF THE DEPARTMENT OF ISLAMIC ARTS, THE LOUVRE MUSEUM, PARIS KE JMM

- 19 JUN 2026





BICARA@MUZIUM PERAK : MENGUPAS ISU PERANG PERAK 1875-1876 DARI PERSPEKTIF SEJARAH DAN DOKUMEN

Oleh: Selvaraju A/L M. Pichaimuthu, Muzium Perak









TAIPING – Muzium Perak telah menganjurkan **Program Bicara@Muzium Perak: Perang Perak 1875-1876** pada 6 Ogos 2026 bertempat di Dewan Majlis Perbandaran Taiping, Perak yang turut disiarkan secara langsung menerusi platform *Facebook Live* Muzium Perak Taiping Rasmi. Program berbentuk wacana ilmiah ini menarik kira-kira 400 peserta yang terdiri daripada ahli akademik, peminat sejarah, warga pendidik, mahasiswa, pengamal muzium, warisan dan arkib, pertubuhan sejarah serta komuniti tempatan.

Perang Perak 1875-1876 merupakan antara episod penting dalam sejarah campur tangan dan peluasan kuasa British di Perak. Konflik ini bukan sahaja melibatkan pertembungan bersenjata, malah berkait rapat dengan perubahan landskap politik dan pentadbiran serta hubungan antara British dengan institusi kesultanan, pembesar Melayu dan masyarakat tempatan.

Program ini menampilkan Prof. Emeritus Dr. Haji Ishak bin Saat dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai moderator. Dua pembentang utama iaitu Prof. Madya Dr. Azmi bin Ariffin dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang membentangkan tajuk *"Dari Perjanjian Kolonial kepada Perang Kolonial: Bagaimana Dokumen Membicarakan Proses Penjajahan British di Perak"* dan Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali dari Universiti Malaya (UM) yang membentangkan tajuk *"*Perang Perak 1875–1876*"*.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Nasrul bin Menhat, Pegawai Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama. Turut hadir ialah Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Dato' Seri Haji Wan Mohd Isa bin Dato' Haji Wan Mohd Razali, Orang Besar Jajahan Larut, Matang dan Selama, bersama isteri.

Program ini bertujuan meningkatkan pemahaman masyarakat mengenai latar belakang, perkembangan dan kesan Perang Perak 1875-1876 terhadap perubahan politik serta peluasan kuasa British di Perak. Perbincangan turut menekankan penelitian terhadap dokumen sejarah dan perjanjian politik bagi membolehkan peristiwa tersebut ditafsir secara lebih menyeluruh berdasarkan sumber dan bukti sahih.

Pemilihan Taiping sebagai lokasi penganjuran turut memberi nilai tambah memandangkan bandar ini mempunyai hubungan signifikan dengan sejarah perkembangan pentadbiran negeri Perak. Program ini diharapkan dapat memperkukuh budaya wacana sejarah yang ilmiah dan kritis serta meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan memahami sejarah negara berasaskan sumber dan dokumentasi yang sahih.

BICARA@MUZIUM ALAM SEMULAJADI : KEPENTINGAN DAN CABARAN KAJIAN SERANGGA DI MALAYSIA

Oleh : Normardiana Binti Damanhuri, Muzium Alam Semulajadi



KUALA LUMPUR - Pada 4 Ogos 2026, Muzium Alam Semula Jadi, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah menganjurkan Program Bicara@Muzium Siri 1/2026 bertajuk "Kepentingan dan Cabaran Kajian Serangga di Malaysia" yang berlangsung secara dalam talian melalui platform *Zoom*. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 254 orang peserta daripada wakil agensi kerajaan, sektor swasta dan individu persendirian.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman peserta mengenai kepentingan entomologi (kajian serangga) dalam konteks pemuliharaan biodiversiti serta keseimbangan ekosistem. Selain itu, ia juga memberikan pendedahan mengenai isu serta cabaran semasa dalam bidang tersebut.

Antara cabaran utama yang dikupas dalam sesi ini termasuklah kepelbagaian spesies yang tinggi, kekurangan data dan kepakaran dalam bidang taksonomi, kekurangan data pemantauan jangka panjang. Selain itu, isu pengurusan serta pemeliharaan spesimen, perubahan habitat, perubahan iklim dan pencemaran alam sekitar turut dibincangkan secara mendalam. Faktor-faktor ini secara kolektif mempengaruhi populasi dan taburan serangga serta menyukarkan usaha mengenal pasti perubahan status spesies dari semasa ke semasa.

Perhatian khusus turut diberikan kepada ancaman spesies invasif dan serangga perosak yang berpotensi menjejaskan biodiversiti, sektor pertanian, perhutanan dan ekosistem semula jadi. Sehubungan itu, pengukuhan penyelidikan, pembangunan pangkalan data, pendigitalan koleksi serta perkongsian data dan kepakaran antara agensi dan institusi berkaitan amat penting bagi menyokong usaha pemantauan dan pemuliharaan serangga yang lebih sistematik di Malaysia.

Program ini bukan sahaja menjadi platform perkongsian ilmu dan pengalaman malah berjaya meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kajian serangga serta memperkukuh jaringan kerjasama dalam aspek penyelidikan dan pemuliharaan biodiversiti.

Secara keseluruhannya, Program Bicara@Muzium Siri 1/2026 telah mencapai objektif yang ditetapkan dan mendapat sambutan yang baik daripada pelbagai pihak.

Discovery On Wheels bersama Sekolah Kebangsaan (SK) Klian Pauh, Taiping

Oleh: Nor Farah Hazwani Binti Mohmad Najari, Muzium Perak





TAIPING, **22 Julai 2026** - Program STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) *Discovery On Wheels* telah diadakan di Sekolah Kebangsaan (SK) Klian Pauh, Taiping. Program ini diketuai oleh Pn. Nor Hashila Binti Hassim bersama tiga orang pegawai dari Muzium Perak dan melibatkan seramai 132 orang pelajar.

Program ini merupakan satu inisiatif pendidikan yang menarik dan interaktif dalam usaha mencetuskan rasa ingin tahu serta memupuk minat pelajar terhadap bidang STEM. Para pelajar telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan dibekalkan dengan Kit STEM sumbangan Yayasan DIY untuk melaksanakan aktiviti yang telah disediakan sepanjang program ini. Menerusi aktiviti berasaskan pengalaman secara langsung, para pelajar berpeluang meneroka konsep Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik dalam suasana pembelajaran yang kreatif, interaktif dan menyeronokkan. Pendekatan ini turut merangsang kreativiti dan pemikiran kritis, meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah serta membantu pelajar memahami konsep STEM dengan lebih mudah dan berkesan.

Selain itu, penerapan elemen sejarah melalui aktiviti yang dijalankan turut menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif dan menyeronokkan. Program ini telah mendapat sambutan yang baik daripada para pelajar dan pihak sekolah yang turut memberikan maklum balas serta pujian positif terhadap pelaksanaan program.

Secara keseluruhannya, program STEM *Discovery On Wheels* diharapkan dapat meningkatkan keyakinan, penglibatan aktif dan minat pelajar terhadap bidang STEM, di samping memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna, menyeronokkan dan berkesan.

MENDEKATKAN MUZIUM, MENYEMARAKKAN STEM: PROGRAM JANGKAUAN LUAR MUZIUM ALAM SEMULA JADI

Oleh: Intan Khafdzrillia binti Fadzri, Muzium Alam Semula Jadi

SEREMBAN, 30 Jun 2026 – Karnival Pendidikan STEM anjuran SMK Puteri berlangsung meriah dengan penglibatan lebih 1,460 pelajar, guru serta komuniti setempat. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Puan Nicole Tan Lee Koon, EXCO Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sembilan merangkap ADUN Bukit Kepayang. Beliau turut melawat dan beramah mesra dengan semua pihak yang terlibat dalam reruai pameran.

Sepanjang karnival, pihak Muzium Alam Semulajadi (MAS) mempamerkan spesimen serangga, mamalia dan burung yang diawet, selain aktiviti DIY seperti memasang model haiwan serta sesi *hands-on* mengenal pasti spesimen. MAS memainkan peranan penting dalam menyampaikan ilmu biodiversiti dan menekankan kepentingan pemuliharaan alam semula jadi kepada pelajar disamping mendidik pelajar melalui pendekatan interaktif dan menyeronokkan.

Penganjuran Karnival Pendidikan ini bukan sahaja memperkukuh bidang STEM, malah menjadi platform mengeratkan hubungan antara warga sekolah, komuniti setempat dan agensi yang terlibat.



Gambar 1: Kakitangan MAS merakam gambar kenangan sebelum memulakan sesi pameran.



Gambar 2: YB Puan Nicole sempat beramah mesra dengan kakitangan Muzium Alam Semula Jadi (MAS) semasa sesi jelajah ruang pameran utama.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR SEKOLAH KEBANGSAAN TELAGA MAS

Oleh: Zamzarina binti Khalid, Muzium Kota Kuala Kedah



KOTA KUALA KEDAH - 5 Ogos 2026, Sekolah Kebangsaan Telaga Mas telah mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Muzium Kota Kuala Kedah. Lawatan ini melibatkan seramai 66 orang pelajar Tahap 2 dan 7 orang guru pengiring. Program ini bertujuan memberikan pendedahan secara langsung kepada para pelajar mengenai sejarah Kota Kuala Kedah yang terletak di muara Sungai Kedah. Lokasi ini dipilih kerana kedudukannya yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi dalam perkembangan Kesultanan Melayu Kedah selain berperanan sebagai salah sebuah benteng pertahanan pada zaman dahulu. Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat Kota Kuala Kedah yang disampaikan oleh Puan Zamzarina binti Khalid, Pembantu Muzium Kota Kuala Kedah. Seterusnya, pelajar dibawa melawat kawasan kota serta melihat pelbagai artifak dan bahan pameran yang terdapat di kawasan luar Muzium Kota Kuala Kedah. Pada akhir lawatan, satu pertandingan kuiz sejarah telah diadakan bagi menguji tahap pemahaman dan pengetahuan pelajar terhadap maklumat yang telah disampaikan sepanjang lawatan.

Melalui lawatan ini, pelajar berpeluang mengikuti pembelajaran yang lebih dinamik, interaktif dan menyeronokkan dalam suasana persekitaran muzium yang santai tetapi sarat dengan ilmu pengetahuan. Pengalaman pembelajaran secara langsung ini dapat merangsang minat pelajar terhadap sejarah serta membantu mereka memahami peristiwa dan perkembangan sejarah dengan lebih dekat. Selain itu, lawatan ini turut meningkatkan pengetahuan am pelajar melalui pendedahan pelbagai maklumat baharu berkaitan sejarah Kedah, merangkumi era Kesultanan Melayu Kedah, zaman penjajahan British sehingga zaman pendudukan Jepun yang dipamerkan di dalam galeri Muzium Kota Kuala Kedah.

Pesona Destar 2026

Oleh: Nik Maziella Idura binti Nik Mohamed,
Muzium Etnologi Dunia Melayu

KUALA LUMPUR - Pada 18 Julai 2026, Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) telah melaksanakan program jangkauan dalam iaitu Pesona Destar bertempat di Dataran Muzium Negara. Program yang berlangsung selama satu hari ini memfokuskan kepada keunikan warisan Destar bukan sahaja dari kalangan kaum Melayu, malah turut menampilkan kepelbagaian destar dan seni ikatan hiasan kepala daripada pelbagai etnik termasuk kaum Sikh, etnik Sabah dan Sarawak serta Orang Asli.

Secara ringkas, Destar ialah sejenis ikatan kain yang menutupi kepala, bukan sahaja berfungsi sebagai pelengkap pakaian, tetapi juga mengandungi simbolisme tersendiri berkaitan pangkat, kedudukan sosial, asal-usul daerah, dan falsafah hidup masyarakat Malaysia. Destar dikenali dengan pelbagai nama seperti tanjak, tengkolok, setanjak, dan istilah-istilah lain bergantung kepada negeri, bentuk lipatan, serta kegunaannya. Walaupun ketiga-tiganya merujuk kepada kain ikat kepala, terdapat perbezaan dari segi bentuk, status pemakai, serta tujuan penggunaannya.

Program Pesona Destar ini dirasmikan oleh Yang Berusaha Encik Mohammad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Perancangan Strategik), Kementerian Perpaduan Negara. Antara tarikan utama ialah Sembang Santai: Destar Dalam Kehidupan, Pameran "Jom Kenali Destar" mengetengahkan kepelbagaian koleksi destar Jabatan Muzium Malaysia dan Muzium Etnografi Melayu, Universiti Malaya, Pertandingan Seni Lipatan Hiasan Kepala yang menampilkan kepelbagaian seni hiasan kepala dari pelbagai kaum dan etnik, Pertandingan Busana Tradisional , demonstrasi dan reruai jualan.

Penganjuran program ini bertujuan untuk memelihara dan melestarikan seni destar dalam kalangan masyarakat. Selain itu, program ini turut memberi pendedahan kepada para pengunjung untuk memahami destar secara langsung daripada penggiat seni, pakar budaya dan pembuat destar. Semoga usaha kecil ini dapat membantu memupuk minat generasi muda terhadap warisan budaya melalui pendekatan yang kreatif dan berinformasi.



KURSUS *TEAM BUILDING* PEMANTAPAN INTEGRITI PEMACU KEJAYAAN ORGANISASI

Oleh: Hasnah binti Osman, Unit Integriti

BENTONG - Kursus *Team Building* Pemantapan Integriti Pemacu Kejayaan Organisasi telah dilaksanakan pada 29 hingga 31 Julai 2026 di Erya Suria Hot Spring, Bentong, Pahang melibatkan seramai 30 orang kakitangan Jabatan Muzium Malaysia.

Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan mengenai kepentingan integriti dalam pelaksanaan tugas harian, meningkatkan kefahaman tentang implikasi salah laku serta memperkukuh pengetahuan berkaitan peraturan dan langkah pencegahan rasuah. Usaha ini penting dalam membentuk warga kerja yang berintegriti, mematuhi piawaian dan proses kerja serta menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kualiti organisasi.





Pelbagai aktiviti dilaksanakan bagi menguji kekuatan fizikal, semangat kerjasama berpasukan dan nilai-nilai integriti dalam kalangan peserta. Program ini turut menekankan aspek kekuatan kerohanian menerusi lima modul yang memberi penekanan kepada nilai amanah dan tanggungjawab, kejujuran dan ketelusan, akauntabiliti, kerjasama beretika dan hormat-menghormati serta keberanian membuat keputusan yang betul.

Aktiviti yang dilaksanakan termasuk *Ice Breaking Session Context Setting "Why We Are Here Today", Martial Art Performance, Human Pit Stop, Candle War Game, The Corperation*, *The Mentor, Double My Money* dan *Samurai Warrior.* Setiap aktiviti dirangka bagi menggalakkan komunikasi, kerjasama, kepimpinan, keberanian membuat keputusan serta rasa tanggungjawab terhadap setiap tindakan yang diambil.

Secara keseluruhannya, kursus ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan berjaya memupuk nilai integriti dalam kalangan peserta sebagai penjawat awam serta kakitangan Jabatan Muzium Malaysia. Berdasarkan maklum balas peserta, pengisian dan aktiviti yang dilaksanakan memberikan pengalaman yang bermanfaat serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan integriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Program seumpama ini diharapkan dapat diteruskan pada masa yang akan datang sebagai usaha berterusan dalam memperkukuh budaya integriti, kerjasama dan tadbir urus yang cemerlang dalam organisasi.

SEMARAK PERPADUAN MENERUSI WARISAN: MUZIUM SENI BINA MALAYSIA RAIH SAMBUTAN HANGAT DI SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN ZON SELATAN 2026

Oleh: Mokhtar bin Tamby Ahmad Dan Muhammad Naim bin Abdullah, Muzium Seni Bina Malaysia

MELAKA - Muzium Seni Bina Malaysia (MSBM), Jabatan Muzium Malaysia telah melakar kejayaan tersendiri menerusi penyertaan dalam Sambutan Minggu Perpaduan Zon Selatan yang berlangsung selama tiga hari bermula 8 hingga 10 Mei 2026 di Dataran Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka. Majlis perasmian program berprestij ini telah disempurnakan oleh YB Menteri Perpaduan Negara. Dalam ucapan perasmiannya, beliau menegaskan bahawa sambutan seumpama ini berperanan sebagai *shared civic space* atau dalam istilah falsafah sosialnya, *site of intersection* iaitu ruang pertemuan inklusif yang menyatukan rakyat pelbagai etnik, budaya, bangsa, dan agama untuk berinteraksi serta saling memahami dalam suasana harmoni, sekali gus memperkukuh jalinan perpaduan dan rasa kebersamaan sebagai satu negara bangsa.

Mendukung aspirasi tersebut, reruai MSBM membawakan pengisian bertemakan "Pameran Jejak Seni Bina Zon Selatan" yang mengetengahkan keunikan dan keindahan reka bentuk kediaman warisan iaitu Rumah Melaka Tangga Batu, Rumah Limas Johor, dan Rumah Tradisional Negeri Sembilan. Pameran ini turut diperkaya menerusi jalinan kolaborasi strategik bersama Politeknik Merlimau Melaka yang menampilkan dua karya seni miniatur rumah tradisional Melaka hasil sentuhan kreatif para pelajarnya. Inisiatif ini bukan sahaja memartabatkan khazanah seni bina tempatan, malah memberi platform bermakna dalam memperlihatkan bakat generasi muda kepada khalayak umum.

Sepanjang tiga hari penganjuran, reruai MSBM terus mencuri tumpuan pelbagai lapisan masyarakat, khususnya golongan belia dan generasi muda, menerusi penyediaan aktiviti yang interaktif. Pengunjung berpeluang menyertai sesi pameran berpandu yang mendalam, melayari VR 360 galeri muzium, aktiviti pendidikan Kit STEAM tajaan MR D.I.Y., serta cabaran kuiz Kahoot yang sarat dengan elemen pembelajaran santai. Sambutan luar biasa ini membuktikan bahawa pemeliharaan warisan seni bina negara mampu menjadi wahana efektif dalam memupuk penghayatan silang budaya dan memperkukuh integrasi nasional.







MAJLIS PRA-PELANCARAN FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2026

Oleh: Azila binti Rohani @ Rosani, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi



JOHOR BAHRU - Negeri Johor Darul Takzim menjadi tuan rumah Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan (FHMAPK) 2026 Kali Ke-30 yang telah berlangsung pada 24 hingga 28 Jun 2026 di Padang Akasia, Angsana Johor Bahru Mall. Festival anjuran Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama Yayasan Warisan Johor (YWJ) ini merupakan antara pengisian utama sempena Tahun Melawat Johor 2026.

Sebagai pembuka tirai festival, Majlis Pra-Pelancaran FHMAPK 2026 telah diadakan pada 8 Jun 2026 di Dewan Utama, Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar, Johor Bahru. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Encik Masni bin Wakiman, Pegawai Daerah Johor Bahru selaku wakil rasmi Yang Berhormat Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya Negeri Johor. Turut hadir ialah Datuk Kamarul Baharin bin A.Kassim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk FHMAPK 2026, serta Encik Nor Syazlan bin Abd. Razak, Pengarah Yayasan Warisan Johor.

Bertemakan "Muzium Menyatukan Dunia yang Terpisah", festival ini mengetengahkan peranan muzium dalam menyatukan masyarakat merentasi sempadan geografi, perbezaan budaya, bahasa dan latar belakang sosial. Festival ini turut menjadi platform memperkukuh fungsi muzium sebagai pusat pendidikan, pemeliharaan warisan dan pembangunan sosial, di samping memperkasakan negeri Johor sebagai destinasi pelancongan warisan dan budaya.

Sepanjang lima hari penganjuran, pelbagai aktiviti dan program menarik telah disusun antaranya Reruai Pameran Muzium, Malam Kerohanian Muzium, Program Muzium dan Komuniti, Persembahan Kebudayaan, Teluk Belanga Fun Walk, Bengkel Zapin. Kesemua aktiviti tersebut disusun untuk memberi peluang kepada masyarakat untuk mendekati institusi muzium serta menghayati dan menghargai khazanah warisan negara.

Penganjuran FHMAPK 2026 menjadi platform penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan warisan budaya negara, di samping menyokong usaha mempromosikan Johor sebagai destinasi pelancongan warisan dan budaya bertaraf nasional serta antarabangsa.

PROGRAM MUZIUM BERSAMA KOMUNITI: "MEH LA PONTIAN" PERKUKUH HUBUNGAN MUZIUM DAN MASYARAKAT

Oleh: Nor Hanisah binti Ahmad, Muzium Negara



PONTIAN – Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah menganjurkan Program Muzium Bersama Komuniti: "Meh La Pontian" sebagai sebahagian daripada pengisian Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2026. Program yang berlangsung pada 28 Jun 2026 di Pusat Rekreasi Tampuk Laut, Pontian, Johor ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya dan turut dihadiri oleh YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Perancangan Strategik), Kementerian Perpaduan Negara. Program yang dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Warisan Johor, Pejabat Daerah Pontian, Pejabat Penghulu, ketua-ketua kampung, rakan strategik dan komuniti setempat ini berjaya menghimpunkan masyarakat pelbagai lapisan dalam usaha memelihara warisan, memperkukuh perpaduan dan memperkasakan penglibatan komuniti.

Penganjuran program ini bertepatan dengan tema Hari Muzium Antarabangsa 2026 yang diperkenalkan oleh International Council of Museums (ICOM), iaitu *"Museums Uniting a Divided World*" atau "Muzium Menyatukan Dunia yang Terpisah". Tema tersebut menekankan peranan muzium sebagai institusi yang bukan sahaja memelihara dan mempamerkan warisan sejarah, malah berfungsi sebagai platform yang menyatukan masyarakat melalui perkongsian sejarah, budaya dan identiti kebangsaan. Dalam konteks negara yang kaya dengan kepelbagaian kaum, agama dan budaya, muzium memainkan peranan penting dalam memupuk persefahaman, toleransi dan semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat.

Sepanjang program berlangsung, pelbagai aktiviti berteraskan warisan dan kebudayaan telah diadakan, antaranya pelancaran Budaya Sarapan Johor, demonstrasi penyediaan makanan tradisional, pertandingan Seni Suara Burung, pertandingan memanah, sukan rakyat, jualan produk industri kecil dan sederhana (IKS), persembahan seni budaya, rewang kampung serta gotong-royong komuniti. Pengisian ini bukan sahaja menghidupkan semula amalan dan tradisi masyarakat tempatan, malah menjadi medium untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat daripada pelbagai peringkat umur dan latar belakang.

Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran lebih 3,724 pengunjung. Selain mengeratkan hubungan antara muzium dan komuniti, program ini turut memberi impak positif kepada ekonomi setempat apabila hasil jualan usahawan dan pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) yang mengambil bahagian mencatat nilai keseluruhan mencecah RM13,500. Pencapaian ini membuktikan bahawa program berteraskan warisan bukan sahaja berperanan memelihara sejarah dan budaya, malah mampu merangsang aktiviti ekonomi komuniti setempat.



Acara pelepasan benih anak ikan sebanyak 10,000 ekor ikan







Demonstrasi Nasi Goreng Ahmad Maslan (NGAM)



Pertandingan Memanah

Program ini juga menyokong komitmen Kementerian Perpaduan Negara dalam menerajui agenda perpaduan yang inklusif dan mampan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI. Melalui pelbagai program berteraskan komuniti, kementerian terus memperkukuh interaksi antara kaum, memupuk semangat cintakan negara dan memperkasakan identiti kebangsaan. Kerjasama erat antara kementerian, agensi kerajaan, sektor swasta, penggiat seni budaya dan komuniti setempat menjadi faktor utama kejayaan Program Muzium Bersama Komuniti: "Meh La Pontian".

Penganjuran secara kolaboratif ini membuktikan bahawa warisan sejarah dan budaya mampu menjadi medium yang berkesan dalam menyatukan masyarakat serta memperkukuh semangat perpaduan serta memupuk rasa bangga terhadap khazanah negara.

MAJLIS PERASMIAN











MAJLIS MAKAN MALAM PENUTUP FHMAPK 2026















MAJLIS PERASMIAN SUKAN DAN SUKAN ANTARA KONTINGEN

























TELUK BELANGA FUNWALK













BICARA KURATOR SIRI 3: "JEJAK HOABINHIAN DI GUA CHA: NARATIF PRASEJARAH MALAYSIA DARI KOLEKSI KE KURASI"

Oleh: Juliyana binti Othman, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

KUALA LUMPUR - Program Bicara Kurator Siri 3 telah dilaksanakan pada 6 Ogos 2026 di Bilik Persidangan, Aras 1, Jabatan Muzium Malaysia secara fizikal serta dalam talian menerusi *Zoom Meeting* dan *Facebook* Jabatan Muzium Malaysia. Program bertemakan "Jejak Hoabinhian di Gua Cha: Naratif Prasejarah Malaysia dari Koleksi ke Kurasi" ini bertujuan memberikan pemahaman mengenai sejarah dan perkembangan komuniti prasejarah di Semenanjung Malaysia. Sesi ini telah dikendalikan oleh moderator, Encik Mohd Razali bin Ya'cob@Jusoh dari Muzium Etnologi Dunia Melayu.

Pembentangan pertama oleh Cik Noridayu binti Bakry dari Universiti Malaysia Kelantan bertajuk "Evolusi Teknologi Litik Kebudayaan Pleistosen Akhir sehingga Holosen di Semenanjung Malaysia". Beliau menjelaskan bahawa penyelidikan arkeologi sejak abad ke-19 telah menemukan lebih daripada 100 tapak prasejarah yang membuktikan kewujudan manusia awal di rantau ini sejak Zaman Paleolitik Pertengahan. Antara tapak penting yang menyumbang kepada pemahaman tersebut ialah Lembah Lenggong di Perak, Gua Cha dan Gua Chawas di Kelantan serta Gua Sagu di Pahang.

Beliau turut menjelaskan pendekatan analisis *chaîne opératoire* yang meneliti keseluruhan proses penghasilan alat batu, termasuk pemilihan bahan mentah, teknik penyerpihan serta fungsi alat. Pendekatan ini memberikan gambaran bahawa masyarakat prasejarah mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi dalam menghasilkan alat batu bagi memenuhi keperluan kehidupan harian.

Sesi kedua menampilkan Puan Nik Aesya binti Nik Ahmad Kamal dari Muzium Negara dengan tajuk "Kebudayaan Hoabinhian dan Asal Usul Masyarakat Awal Malaysia". Beliau menjelaskan bahawa kebudayaan Hoabinhian merupakan tradisi budaya prasejarah penting di Asia Tenggara yang berkembang sekitar 12,000 hingga 3,000 tahun dahulu. Istilah "Hoabinhian" berasal daripada penemuan arkeologi di wilayah Hoa Binh, Vietnam Utara oleh ahli arkeologi Perancis, Madeleine Colani. Kebudayaan ini dikenali melalui penggunaan alat batu kerakal sungai yang direpeh secara kasar, khususnya alat jenis *Sumatralith.*

Penemuan di tapak seperti Gua Cha di Kelantan dan Gua Gunung Runtuh di Perak turut membuktikan kewujudan masyarakat pemburu-pengumpul. Penemuan rangka manusia, alat batu dan bukti amalan pengebumian menunjukkan bahawa masyarakat Hoabinhian memiliki sistem kepercayaan yang tersusun. Penyelidikan osteologi dan morfologi pula menunjukkan hubungan masyarakat Hoabinhian dengan kelompok Australo-



Melanesia serta berkemungkinan mempunyai kaitan dengan nenek moyang sebahagian masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Penyelidikan oleh Dr. Adi Taha turut mengaitkan kebudayaan masyarakat Semang (Negrito) dengan asas masyarakat Hoabinhian yang mengamalkan kehidupan berpindah-randah.

Secara keseluruhannya, Program Bicara Kurator Siri 3 berjaya membuka ruang perbincangan ilmiah mengenai perkembangan budaya Hoabinhian dan sejarah awal manusia di Malaysia.



BICARA@MUZIUM CHIMNEY : INDUSTRI ARANG BATU DARI PERSPEKTIF SEJARAH BORNEO

Oleh : Junaida binti Omar Junit, Muzium Chimney

LABUAN - Program Bicara@Muzium Chimney: Industri Arang Batu dari Perspektif Sejarah Borneo telah berlangsung pada 23 Julai 2026 menerusi platform *Zoom Meeting* dan *Facebook Chimney Museum*. Program yang disertai seramai 426 peserta ini mengetengahkan sejarah, perkembangan, kepentingan serta cabaran industri arang batu di Borneo, khususnya di Labuan, Sabah dan Sarawak. Sesi bicara kali ini menampilkan tiga orang panel berpengalaman yang membincangkan sejarah, pembangunan dan masa depan industri arang batu dari pelbagai perspektif.

Panel pertama, Encik Daulip @ Dee Dee Langkait Lakkui, Ahli Geologi Profesional, membentangkan tajuk "Aktiviti Lombong Arang Batu Labuan dalam Pembentukan Demografi, Pembangunan Ekonomi, Pusat Pertembungan Perang Dunia Kedua dan Identiti Masa Kini". Pembentangan beliau mengupas peranan industri arang batu dalam membentuk demografi masyarakat berbilang kaum di Labuan melalui kemasukan tenaga kerja dari China, India dan Eropah sejak pertengahan abad ke-19. Industri ini turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan menjadikan Labuan sebagai lokasi strategik semasa Perang Dunia Kedua. Kepentingan pemeliharaan bukti fizikal seperti Menara Chimney dan terowong bawah tanah sebagai khazanah warisan serta tarikan pelancongan berasaskan sejarah dan kebudayaan.

Panel kedua menampilkan Professor Geologis. Ts. GS. Dr. Rodeano Roslee yang merupakan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Malaysia Sabah telah membentangkan tajuk *"Coal Mining in the ESG Era: Challenges, Innovation and Resilience in Sabah, Malaysia"* Pembentangan ini memberikan perspektif mengenai masa depan industri arang batu Sabah dalam konteks *Environmental, Social and Governance* (ESG), dengan penekanan terhadap keseimbangan keperluan tenaga, pertumbuhan ekonomi dan pemeliharaan alam sekitar. Penggunaan teknologi arang batu bersih dan automasi industri 4.0 turut dibincangkan di samping keperluan memastikan aktiviti perlombongan dilaksanakan secara telus dan bertanggungjawab dengan melibatkan komuniti setempat serta memastikan pemuliharaan kawasan lombong secara menyeluruh.

Panel yang ketiga, Puan Julia Anak Kaya, Pegawai Geosains, Unit Geosains, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Sarawak pula menyentuh topik "Industri Arang Batu sebagai Sumber Tenaga Domestik Utama di Sarawak." Perbincangan beliau mengupas peranan industri arang batu sebagai sumber tenaga domestik utama di Sarawak sejak abad ke-19. Sarawak merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang masih aktif menjalankan perlombongan arang batu dengan simpanan sumber mencecah 1.5 bilion tan. Walaupun sektor ini penting kepada grid tenaga dan ekonomi negeri, Sarawak kini beralih kepada penggunaan tenaga campuran yang lebih lestari, termasuk penghentian eksport arang batu serta penerapan teknologi hijau dan biojisim bagi mengurangkan pelepasan karbon.

Secara keseluruhannya, program ini menekankan kepentingan mendokumentasi, memelihara dan menyebarluas warisan industri arang batu kepada generasi akan datang. Pada masa yang sama, perkembangan industri pada masa hadapan perlu mengambil kira keseimbangan antara keperluan pembangunan, keselamatan tenaga, pemeliharaan alam sekitar serta prinsip ESG bagi menjamin kelestarian dan manfaat kepada generasi seterusnya.

PROGRAM JANGKAUAN LUAR KENALI MUZIUM ALAM SEMULA JADI SEMPENA STEM SPARK CARNIVAL PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2026 DI SMK BANDAR SAUJANA UTAMA (2)

Oleh: Intan Khafdzrillia binti Fadzri, Muzium Alam Semula Jadi

SUNGAI BULOH - 11 Jun 2026, Karnival Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) SMK Bandar Saujana Utama (2), Sungai Buloh berlangsung dengan jayanya melibatkan beberapa agensi termasuklah Muzium Alam Semula Jadi. Program dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia merangkap Ahli Parlimen Sungai Buloh, YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan berjaya menarik 2,993 orang pelajar, termasuk guru serta komuniti setempat.

Sepanjang program, pihak muzium telah mempamerkan beberapa spesimen seperti serangga, tumbuhan, mamalia dan burung yang diawet. Aktiviti *DIY* seperti memasang model haiwan dinosaur dan lembu, penerangan ringkas serta sesi *hands-on* mengenal pasti spesimen turut dijalankan.

Program sebegini mendapat maklum balas yang positif, daripada para guru dan pelajar. Pihak sekolah berharap agar kerjasama dengan Muzium Alam Semula Jadi dapat diteruskan pada masa akan datang kerana pendekatan pembelajaran seperti ini dilihat berjaya menarik minat pelajar dengan subjek STEM disamping turut meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pemeliharaan alam semula jadi.



Kakitangan MAS merakam gambar kenangan sebelum memulakan sesi pameran.



Pegawai dan kakitangan MAS memberikan penerangan ringkas kepada murid tentang mamalia yang dipamerkan sempena Karnival STEM.

Program Muzium @

KOMUNITI SEMPENA KARNIVAL ASPIRASI KOKURIKULUM PERINGKAT ZON UTARA TAHUN 2026

Oleh: Asuana binti Derani, Muzium Matang

BAGAN SERAI - Pada 27 dan 28 Jun 2026, Muzium Matang telah menyertai Program Muzium@Komuniti sempena Karnival Aspirasi Kokurikulum Peringkat Kebangsaan Zon Utara Tahun 2026 yang berlangsung di Sekolah Menengah Kebangsaan Bagan Serai, Perak. Penyertaan ini merupakan usaha Muzium Matang untuk memperluas jaringan dengan masyarakat melalui pendekatan pendidikan, pameran dan aktiviti interaktif di samping memperkenalkan peranan muzium sebagai institusi yang bertanggungjawab memelihara, memulihara, mendokumentasi dan mempromosikan warisan sejarah serta kebudayaan negara.

Karnival yang bertemakan **"**Kemenjadian Modal Insan Merentasi Sempadan" menghimpunkan pelajar dari negeri Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis dengan pelbagai pengisian merangkumi sukan, unit beruniform, STEM, kesenian, keusahawanan dan penglibatan komuniti. Program ini bertujuan memperkukuh sahsiah, kepimpinan, kreativiti, inovasi dan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Zulkafli bin Mohamed Mokhtar, Pengarah Pendidikan Negeri Perak. Dalam ucapan perasmiannya, beliau menyatakan bahawa kolaborasi antara institusi pendidikan, agensi kerajaan dan komuniti mampu memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar serta melahirkan generasi yang seimbang dari aspek intelek, jasmani, emosi dan sosial.

Muzium Matang mengetengahkan pameran **"**Permainan Tradisional**"** yang memaparkan permainan warisan seperti congkak, batu seremban, dam aji, dam ular dan sepak bulu ayam. Demonstrasi serta aktiviti permainan tradisional turut diadakan bagi memberikan pengalaman secara langsung kepada pengunjung khususnya generasi muda. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan ini menunjukkan permainan tradisional masih relevan sebagai medium pembelajaran riadah dan interaksi sosial.

Turut diadakan pertandingan **"**Misi Mengutip Guli**"** yang menarik penyertaan pelbagai peringkat umur. Aktiviti ini menguji kesabaran, ketelitian serta koordinasi mata dan tangan, di samping meningkatkan kemahiran motor halus, semangat kesukanan dan persaingan secara sihat. Aktiviti STEM DIY turut mendapat sambutan melalui pendekatan pembelajaran secara praktikal dan interaktif.

Program turut diserikan dengan penampilan khas Angkasawan Negara, Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor, yang berkongsi pengalaman dalam misi ke angkasa lepas serta perjalanan kerjayanya. Perkongsian tersebut memberikan motivasi kepada para pelajar agar berani memasang impian, gigih berusaha, berdisiplin dan tidak mudah berputus asa.

Pelbagai agensi kerajaan dan institusi turut mengambil bahagian, antaranya Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Pusat Sains Negara Cawangan Utara, Lembaga Tabung Haji, Bank Islam Malaysia Berhad, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kolej Komuniti serta Institut Latihan Perindustrian (ILP). Turut diadakan pameran Mini Zoo, Rumah Hantu, pameran kesenian dan pameran interaktif sekolah-sekolah jemputan.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya memperkukuh hubungan antara muzium dengan masyarakat serta meningkatkan kesedaran tentang peranan muzium sebagai institusi pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara. Program ini turut membuktikan bahawa muzium kekal relevan sebagai pusat pembelajaran sepanjang hayat dalam dalam mendidik masyarakat dan memupuk rasa cinta terhadap khazanah sejarah dan budaya negara.



Agensi yang turut serta dalam program









Penampilan khas Angkasawan Negara, Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor menerusi slot eksklusif Sesi bual motivasi

DARI LANGIT KE WARISAN : MUZIUM PERAK MERIAHKAN FESTIVAL UDARA TAIPING 3.0 TAHUN 2026

Oleh : Zaitun binti Isa - Muzium Perak



TAIPING - Kelab Sukan Udara Taiping (KESUT) telah menganjurkan Festival Udara Taiping 3.0 yang berlangsung selama empat hari, bermula 23 hingga 26 Julai 2026 bertempat di Lapangan Terbang Tekah, Taiping, Perak. Festival yang menghimpunkan pelbagai aktiviti berkaitan sukan udara, komuniti dan warisan ini turut mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat serta pengunjung dari luar Taiping. Muzium Perak, Jabatan Muzium Malaysia berpeluang mengambil bahagian sebagai salah satu pempamer daripada agensi kerajaan sepanjang festival berlangsung.

Festival Udara Taiping 3.0 telah disempurnakan perasmiannya oleh Duli Yang Taramat Mulia Raja Muda Perak, Raja Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa. Kehadiran baginda menyerikan lagi penganjuran festival yang menjadi salah satu acara menarik dalam kalender aktiviti komuniti di Taiping.

Sepanjang empat hari festival ini berlangsung, pengunjung berpeluang menikmati pelbagai pengisian menarik yang disajikan di reruai Muzium Perak antaranya Pameran Permainan Tradisional, *stem discovery on wheels*, kuiz roda impian dan aktiviti meneka jumlah guli. Pengunjung turut berpeluang menimba pengalaman melalui demonstrasi permainan tradisional dengan mencuba sendiri permainan tradisional yang semakin dilupakan oleh generasi kini. Festival ini juga dimeriahkan dengan pelbagai program lain seperti pameran statik pesawat, pertunjukan udara, aktiviti komuniti, forum perdana dan persembahan pentas.

Penyertaan Muzium Perak dalam Festival Udara Taiping 3.0 bukan sahaja memberikan pengalaman baharu kepada pengunjung, malah menjadi platform berkesan untuk mendekatkan institusi Muzium kepada masyarakat. Ini membuktikan bahawa muzium sentiasa relevan, dinamik dalam menyemarakkan apresiasi terhadap sejarah, budaya dan warisan negara.

GALERIA PERDANA @

KOMUNITI: PROGRAM JANGKAU LUAR DI SKYCAB CABLE CAR, LANGKAWI

Oleh: Mohd Faiz bin Mustafa, Galeria Perdana, Langkawi

LANGKAWI – Galeria Perdana telah melaksanakan Program Jangkauan Luar bertempat di SkyCab Cable Car, Langkawi yang berlangsung selama tiga hari bermula 19 hingga 21 Julai 2026. Program ini dilaksanakan menerusi kolaborasi strategik bersama pihak Panorama Langkawi Sdn. Bhd. dengan menjadikan kawasan tumpuan pelancong di SkyCab Cable Car sebagai tempat untuk mendekati masyarakat tempatan dan pelancong dari dalam serta luar negara melalui peragaan koleksi-koleksi yang terdapat di Galeria Perdana.

Pelbagai koleksi hadiah dan cenderamata, termasuk potret Tun Dr. Mahathir Mohamad yang diterima daripada pemimpin kenamaan dan tokoh dunia turut dipamerkan kepada pengunjung sepanjang program berlangsung. Selain itu, pengunjung berpeluang mendapatkan maklumat lanjut mengenai koleksi-koleksi lain yang terdapat di Galeria Perdana serta sejarah penubuhannya. Program ini turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti sampingan seperti permainan tradisional congkak dan dam aji serta kuiz berkaitan koleksi dan sejarah Galeria Perdana.

Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan sepanjang tempoh pelaksanaannya, dengan kehadiran pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat. Sambutan tersebut membuktikan bahawa pendekatan program jangkau luar merupakan medium yang berkesan dalam menyampaikan maklumat berkaitan sejarah negara, memperkukuhkan hubungan antara institusi muzium dengan masyarakat serta memperkenalkan Galeria Perdana melalui penyediaan pelbagai bahan promosi dan penerangan kepada pengunjung yang hadir.



Pelaksanaan program ini juga selaras dengan matlamat Jabatan Muzium Malaysia untuk memperkasakan peranan muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal yang sentiasa mendekati masyarakat melalui program luar. Pendekatan ini turut disokong dengan usaha bagi memperluaskan capaian perkhidmatan muzium kepada khalayak dengan lebih menyeluruh, khususnya ketika Galeria Perdana sedang menjalani kerja-kerja naik taraf.

Galeria Perdana, Jabatan Muzium Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Panorama Langkawi Sdn. Bhd. atas kerjasama yang diberikan sepanjang penganjuran program ini. Diharapkan kerjasama strategik seumpama ini akan terus diperkukuhkan pada masa hadapan bagi mempromosikan koleksi-koleksi sejarah di Galeria Perdana dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi bersejarah di Malaysia.

MUZIUM ADAT MERIAHKAN SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN ZON SELATAN 2026 DI MELAKA

Oleh : Sahruladli bin Mohd Yunan, Muzium Adat



MELAKA - Penyertaan Muzium Adat dalam Rumah KAMI: Rumah Melayu Negeri Sembilan sempena Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Zon Selatan 2026 yang berlangsung di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan di Banda Hilir, Melaka bermula dari 8 hingga 10 Mei 2026 berjaya menarik perhatian pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat menerusi pengisian berteraskan warisan dan budaya tradisional Melayu Negeri Sembilan.

Sepanjang program berlangsung, reruai Rumah Melayu Negeri Sembilan yang dikendalikan oleh Muzium Adat dan Muzium Lukut tampil dengan konsep kebudayaan masyarakat Melayu Negeri Sembilan yang mengetengahkan keunikan Adat Perpatih. Pelbagai bahan pameran dipamerkan iaitu set pelamin tradisional Melayu Negeri Sembilan, baju pengantin, set baju kebaya setengah tiang, telepok, tengkolok, samping serta pelbagai aksesori adat yang memberi peluang kepada pengunjung mengenali dengan lebih dekat warisan budaya Melayu Negeri Sembilan.

Pengunjung juga berpeluang menyertai pelbagai aktiviti interaktif permainan tradisional seperti congkak, dam harimau, kuiz warisan dan yang lebih menarik sesi bergambar memakai pakaian baju kebaya setengah tiang, demonstrasi pemakaian telepok, samping dan mempelajari ikatan panta berkucung. Suasana reruai sentiasa meriah dengan kehadiran pengunjung yang ingin mengetahui keistimewaan adat dan budaya tradisional yang semakin jarang diketengahkan kepada generasi muda.

Reruai ini turut memperkenalkan makanan tradisional Negeri Sembilan seperti apam johol, wajik dan sambal tempoyak daun kayu. Pengenalan makanan tradisi ini bukan sahaja membuka peluang kepada masyarakat mengenali keunikan masakan warisan, malah turut memberi pengalaman kepada pengunjung untuk merasai keenakan makanan tradisional Negeri Sembilan.

Program Sambutan Minggu Perpaduan ini turut membuktikan bahawa warisan budaya mampu menjadi medium berkesan dalam menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Melalui pendedahan terhadap adat resam, pakaian budaya dan makanan warisan serta permainan tradisional, masyarakat dapat memahami serta menghormati keunikan budaya antara satu sama lain. Semangat kebersamaan yang terjalin sepanjang program berlangsung jelas memperlihatkan bahawa kepelbagaian budaya bukanlah penghalang, sebaliknya menjadi kekuatan utama dalam membina keharmonian dan perpaduan negara.

Penyertaan aktif pelbagai agensi, institusi dan pengunjung daripada pelbagai latar belakang kaum juga memperlihatkan semangat toleransi dan kerjasama yang terus utuh dalam kalangan rakyat Malaysia. Sambutan yang amat memberangsangkan daripada pengunjung sepanjang tiga hari program berlangsung membuktikan bahawa masyarakat masih mempunyai minat dan dan rasa tanggungjawab dalam memelihara warisan budaya negara agar terus kekal relevan di masa akan datang.

PROGRAM JANGKAUAN LUAR

KENALI MUZIUM DIRAJA DI SMK BUKIT RAHMAN PUTRA, SUNGAI BULOH, SELANGOR

Oleh: Mohd Hasmadi bin Mustaffa, Muzium Diraja



SUNGAI BULUH - Muzium Diraja telah mengadakan program jangkauan luar pada 6 Ogos 2026 dengan kerjasama SMK Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh, Selangor. Program ini bertujuan menyebarluaskan pendidikan secara tidak formal serta memperkenalkan peranan Muzium Diraja kepada masyarakat umum khususnya golongan pelajar. Program ini selaras dengan peranan Muzium Diraja sebagai institusi permuziuman yang menyimpan dan menyampaikan ilmu pengetahuan berkaitan institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia, khususnya institusi Yang di-Pertuan Agong.

Program yang berbentuk jalinan kerjasama ini disertai seramai 890 orang pelajar dan 44 orang guru ini dimulakan dengan majlis menandatangani Sijil Jalinan Kerjasama antara Pengarah Muzium Diraja, Cik Rohana binti Husin dengan Pengetua SMK Bukit Rahman Putra, En. Abd Rashid bin Sarti. Majlis tersebut menjadi simbolik pengukuhan kerjasama strategik dalam memperkasakan pendidikan muzium di peringkat sekolah.

Taklimat dan penerangan awal disampaikan oleh Cik Rohana binti Husin berkaitan sejarah institusi beraja di negara kita amnya serta sejarah Istana Negara Lama sebelum dijadikan Muzium Diraja.

Antara pengisian utama program ialah pameran berkaitan institusi Yang Di Pertuan Agong serta pameran tengkolok daripada sembilan buah negeri beraja di Malaysia termasuk tengkolok yang digunakan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Turut diadakan demonstrasi ikatan tengkolok dan pemakaian kain samping. Aktiviti STEM dan menyusun *puzzle* serta kuiz bagi menguji tahap pemahaman para pelajar. Aktiviti interaktif tersebut memberikan peluang kepada para pelajar untuk mempelajari dan merasai sendiri teknik ikatan tengkolok serta pemakaian kain samping disamping aktiviti STEM dan menyusun *puzzle* turut menarik minat pelajar melalui pembelajaran secara praktikal dan menyeronokkan.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya memberikan pendedahan berkaitan Institusi Yang di Pertuan Agong, Raja Berperlembagaan kepada para pelajar melalui pendekatan pendidikan yang interaktif. Diharapkan program ini dapat diteruskan bagi merealisasikan objektif Muzium Diraja sebagai institusi ilmu yang menyampaikan pengetahuan berkaitan institusi beraja kepada masyarakat khususnya generasi muda.

MUZIUM BERSAMA KOMUNITI

Oleh: Nik Maziella Idura binti Nik Mohamed,
Muzium Etnologi Dunia Melayu

BUKIT JALIL - Program Muzium Bersama Komuniti telah dilaksanakan di Asia Pacific University (APU), Bukit Jalil pada 13 Mei 2026 bersempena sambutan Hari Kebudayaan Peringkat Universiti bagi tahun 2026. Program ini merupakan medium bagi memperkenalkan warisan budaya dan kepelbagaian identiti masyarakat Malaysia kepada komuniti universiti yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar pelbagai negara dan latar belakang budaya.

Muzium Etnologi Dunia Melayu bersama 2 buah muzium iaitu Muzium Seni Kraf Orang Asli (MSKOA) dan Muzium Tekstil Negara (MTN) turut terlibat dalam menjayakan program ini. Setiap muzium mengadakan aktiviti dengan identiti dan keunikan tersendiri menerusi pameran mini , demonstrasi dan slot interaktif berkaitan warisan budaya Malaysia.

Antara pengisian aktiviti yang dibawa oleh Muzium Etnologi Dunia Melayu, dan menjadi tarikan kepada pengunjung ialah pameran mini bahan pembuatan Wayang Kulit Melayu, demonstrasi Wayang Kulit dan permainan tradisional. Fokus utama MEDM iaitu memberikan pendedahan kepada para pelajar mengenai warisan dan budaya masyarakat Melayu. Manakala Muzium Tekstil Negara, perkongsian mengenai keindahan tekstil tradisional tempatan menjadi penyeri bagi program ini. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah penerangan berkaitan Batik Sarong dan DIY Gelang Kain. Bagi Muzium Seni Kraf Orang Asli, kepelbagaian replika seni kraftangan Orang Asli menjadi daya penarik untuk dikongsikan kepada warga APU. Antaranya topeng, baju kulit kayu, model rumah masyarakat Orang Asli dan anyaman bakul.

Selain mempromosikan institusi permuziuman kepada masyarakat kampus, kepelbagaian aktiviti yang disediakan oleh muzium yang terlibat dalam menjayakan program ini merupakan usaha bagi memupuk kesedaran dan penghargaan terhadap warisan budaya negara dalam kalangan generasi muda dan komuniti antarabangsa di APU.







Program Nostalgia P. Ramlee



Oleh: Nur Aida Irani binti Mohamad Subhi, Muzium Muzik

KUALA LUMPUR - Muzium Muzik telah menganjurkan Program Nostalgia P. Ramlee pada 23 Julai hingga 2 Ogos di Pentas Terbuka, Dataran Muzium Negara yang bertujuan mengangkat serta menghargai sumbangan seni Allahyarham Tan Sri P. Ramlee sebagai tokoh seni yang banyak mewarnai perkembangan industri muzik dan perfileman negara. Program yang dilaksanakan dengan kerjasama Againstarhouse Sdn. Bhd. ini menampilkan pelbagai pengisian menarik, termasuk pameran, Pertandingan Nyanyian Lagu-lagu P. Ramlee, Pertandingan *Kids Got Talent*: P. Ramlee & Saloma, sesi *Meet & Greet*, pameran motosikal Vespa, Kahoot, cabutan bertuah serta reruai jualan.

Majlis perasmian pada 25 Julai 2026 telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), Jabatan Muzium Malaysia. Turut mengiringi beliau ialah Puan Maisaraf binti Marman, Pengarah Muzium Muzik, Encik Nurul Azizi bin Sapihee @ Shafie, Ketua Seksyen Pengurusan, Arkib Negara Malaysia, Encik Muhammad Fareez bin Mohd Yakil, Ketua Pegawai Eksekutif Againstarhouse Sdn. Bhd, serta tetamu jemputan khas, Tuan Adlin Aman Ramlie. Majlis turut dihadiri wakil daripada German-Malaysian Institute (GMI) serta para pengunjung.

Kerjasama bersama Arkib Negara Malaysia turut memperkukuh pengisian program menerusi peminjaman koleksi berkaitan biografi dan perjalanan kerjaya Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Koleksi tersebut dipamerkan di Galeri Muzik sepanjang program berlangsung, sekali gus memberi peluang kepada pengunjung mendekati perjalanan seni tokoh legenda berkenaan.

Pertandingan Nyanyian Lagu-lagu P. Ramlee pula disertai 10 orang peserta pelbagai peringkat umur dengan Tuan Adlin Aman Ramlie dan Puan Maisaraf binti Marman bertindak sebagai juri manakala Pertandingan *Kids Got Talent: P. Ramlee & Saloma* menerima penyertaan sebanyak sembilan kumpulan yang melibatkan 19 orang peserta. Sesi *Meet & Greet* bersama Tuan Adlin Aman Ramlie turut mendapat sambutan menggalakkan. Para pengungjung berpeluang bergambar dan berinteraksi bersama beliau. Program ini turut dimeriahkan dengan penyertaan 12 *vendor* yang menawarkan pelbagai pakaian dan aksesori vintaj, makanan, minuman, buku serta barangan cenderamata.





KOLOKIUM CULTURAL HERITAGE : CURRENT TRENDS AND FUTURE DEVELOPMENTS

Oleh: Mohd Radhi bin Ismail, Bahagian Konservasi



SELANGOR - "Bagai menanam benih, ilmu yang disemai akan tumbuh menjadi manfaat." Begitulah perumpamaan yang sesuai digambarkan terhadap penganjuran *Kolokium Cultural Heritage : Current Trends and Future Developments* yang dianjurkan oleh Agensi Nuklear Malaysia pada 20-21 Julai 2026 yang lalu bertempat di bilik kuliah Agensi Nuklear Malaysia, Kajang, Selangor. Kolokium ini dianjurkan untuk membolehkan para peserta dan pembentang dapat berkongsi dapatan kajian, pandangan serta idea baharu dalam bidang berkaitan. Penganjurannya juga selaras dengan usaha berterusan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dalam memperkasa pembangunan modal insan yang berkemahiran dalam bidang konservasi, di samping memastikan Bahagian Pengurusan Konservasi JMM (BPKon) terus maju dan relevan seiring perkembangan teknologi semasa.

Agensi Nuklear Malaysia telah menjemput 4 orang pegawai daripada Bahagian Pengurusan Konservasi JMM untuk membentangkan hasil kajian serta berkongsi pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh menerusi penyertaan dalam bengkel yang telah dihadiri. Jemputan ini mencerminkan hubungan kerjasama yang erat antara BPKon JMM dengan Agensi Nuklear Malaysia dalam bidang pengurusan dan pemuliharaan khazanah warisan negara, khususnya menerusi pelaksanaan kajian berterusan serta perkongsian ilmu, teknologi dan bahan. Berikut merupakan senarai pembentang yang terlibat dalam kolokium ini:

i. Dr. Hishamuddin Husain (Agensi Nuklear Malaysia)
ii. Dr. Naurah Mat Isa (Agensi Nuklear Malaysia)
iii. Encik Izzul Nazmi Bokhari (Bahagian Pengurusan Konservasi, JMM)
iv. Puan Nadira Kamarudin (Agensi Nuklear Malaysia)
v. Puan Jacqueline Kones (Agensi Nuklear Malaysia)
vi. Dr. Nurliana Roslan (Agensi Nuklear Malaysia)
vii. Ir. Dr. Mahdi Ezwan Mahmoud (Agensi Nuklear Malaysia)
viii. Puan Suhaila Hani Ilias (Agensi Nuklear Malaysia)
ix. Puan Hairunnisyam Md Jamil (Bahagian Pengurusan Konservasi, JMM)
x. Encik Ahmad Shahir Md Daud (Bahagian Pengurusan Konservasi, JMM)
xi. Encik Mohd Radhi Ismail (Bahagian Pengurusan Konservasi, JMM)
xii. Dr. Siti Aisyah Ahmad Fuzi (Agensi Nuklear Malaysia)

Kolokium selama 2 hari ini dimulakan dengan sesi mesyuarat ringkas yang diketuai oleh Dr. Hishamuddin Husain. Seterusnya, sesi pembentangan dimulakan pembentangan bertajuk *Research Opportunities* oleh Dr. Hishamuddin Husain. Pegawai daripada Bahagian Pengurusan Konservasi JMM turut mengambil bahagian dengan membentangkan beberapa hasil kajian dan perkongsian berkaitan bidang konservasi, antaranya ;

i. Encik Izzul Nazmi Bokhari - *When Nuclear Physics Meets History : Insights From The IFIN-HH Romania Scientific Visit*
ii. Puan Hairunnisyam Md Jamil dan Encik Mohd Radhi Ismail - *Kaedah Konservasi water-logged wood : Trehalose; dan*
iii. Encik Ahmad Shahir Md Daud - *Pencirian Bahan :* Identifikasi Variasi Koleksi

Setelah semua sesi pembentangan selesai pada hari kedua, para peserta telah dibawa melawat bangunan penyelidikan Agensi Nuklear Malaysia bagi mengikuti sesi demonstrasi ringkas yang dikendalikan oleh Dr. Siti Aisyah Ahmad Fuzi bertajuk *Electrolysis Process for Rust Removal*. Kolokium ini melabuhkan tirainya selepas selesai sesi demonstrasi. Semoga penganjuran kolokium ini akan terus dilaksanakan di masa akan datang dengan perkongsian ilmu dan teknologi terkini terutamanya melibatkan ilmu sains dan teknologi konservasi artifak





MENELUSURI KEHIDUPAN DAN WARISAN MASYARAKAT ORANG ASLI DI PAHANG

Oleh : Norhayati Binti Ismail, Muzium Seni Kraf Orang Asli







PAHANG - Bagi memperkukuh usaha penyelidikan dan pendokumentasian warisan budaya Orang Asli, Muzium Seni Kraf Orang Asli (MSKOA) telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa perkampungan Orang Asli di negeri Pahang selama lima hari, bermula pada 9 Julai hingga 13 Julai 2026. Lawatan ini meliputi daerah Temerloh, Bera, Jerantut, Lipis, Raub dan Bentong.

Lawatan kerja ini diketuai oleh Ketua Muzium Seni Kraf Orang Asli, Encik Mohamad Taufik Bin Harun, bersama tiga (3) orang kakitangan MSKOA iaitu Encik Amirulsah bin Ahmad (Penolong Kurator), Encik Muhamad Zaidi bin Roslan dan Puan Norhayati binti Ismail(Pembantu Muzium). Turut serta ialah jurugambar, Puan Juairna binti Samat, serta pemandu, Encik Mohd Isa Bin Basri.

Sepanjang lawatan, pasukan MSKOA telah menjalankan kerja lapangan yang memfokuskan kepada penyelidikan, dokumentasi dan pendataan mengenai rumah tradisional serta rumah semasa masyarakat Orang Asli. Kajian meliputi aspek reka bentuk, bahan binaan, susun atur ruang, fungsi rumah, perubahan seni bina, serta kaitannya dengan amalan kehidupan dan identiti budaya setiap komuniti.

Kajian melibatkan beberapa perkampungan Orang Asli yang mewakili suku kaum. Lokasi kajian melibatkan beberapa perkampungan Orang Asli antaranya Kuala Krau, Temerloh, Kampung Orang Asli Sg.Terbol, Pos Iskandar, Bera, Kampung Orang Asli Bengoi di daerah Jerantut, Pos Lenjang di daerah Lipis, Kampung Orang Asli Kuala Koyan di daerah Raub, dan kampung Orang Asli Sungai Bot, Karak, Bentong serta Kampung Orang Asli Sungai Kepong,Temerloh. Komuniti Orang Asli yang terlibat dalam kajian rumah tradisi ini terdiri daripada masyarakat suku kaum Jah Hut, Semai, Semelai, Bateq dan Temuan.

Penyelidikan ini bertujuan merekodkan kepelbagaian bentuk dan ciri seni bina rumah Orang Asli mengikut suku kaum dan kawasan penempatan. Dokumentasi melibatkan rakaman fotografi, pemerhatian lapangan, pengukuran asas serta temu bual bersama penduduk, khususnya Tok Batin, bagi mendapatkan maklumat berkaitan sejarah pembinaan rumah, penggunaan ruang, bahan binaan tradisional dan perubahan gaya hidup masyarakat setempat. Pendekatan ini penting bagi memastikan data yang diperoleh lengkap, tepat dan sahih.

Pasukan MSKOA turut berkesempatan menemuramah seorang tokoh yang berpengetahuan mengenai patung ukiran Orang Asli Jah Hut di Kampung Orang Asli Paya Rekoh. Sesi ini bertujuan mendapatkan maklumat berkaitan nama, fungsi, simbolik dan latar belakang patung ukiran yang masih belum dikenal pasti. Proses identifikasi menggunakan katalog bergambar sebagai bahan rujukan bagi membantu responden mengenal pasti setiap patung berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan ingatan mereka.

Maklumat yang diperoleh akan direkodkan dan dianalisis sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh dokumentasi serta penyelidikan koleksi seni ukiran Orang Asli di MSKOA. Pendokumentasian ini penting bagi memastikan warisan budaya terus dipelihara dan dipulihara untuk rujukan generasi akan datang. Hasil kajian akan dijadikan sumber rujukan bagi pameran berkaitan rumah tradisi Orang Asli yang dirancang oleh MSKOA pada tahun 2027, sekali gus meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap keunikan dan kepentingan warisan seni bina tradisional Orang Asli.

Pameran Kenali Muzium Matang Di Sekolah Kebangsaan Laksamana

oleh: Nur Nasihah Mohamed binti Ariffin, Muzium Matang

MATANG – Muzium Matang telah mengadakan Pameran "Kenali Muzium Matang: Menggengam Warisan Kegemilangan Larut" di Sekolah Kebangsaan Laksamana, Kuala Sepetang, Perak. Program pada 13 Mei 2026 ini telah disertai oleh 43 orang murid Tahun 4,5 dan 6 serta diiringi oleh 10 orang guru.

Sesi pameran ini bertujuan untuk memupuk semangat cintakan tanah air dalam kalangan murid, di samping memberikan peluang kepada mereka untuk mengenali tokoh-tokoh sejarah negeri Perak dengan lebih dekat. Dua tokoh utama yang diketengahkan dalam pameran ini ialah Long Jaafar dan Tengku Menteri Ngah Ibrahim. Kedua-dua tokoh berkenaan memainkan peranan yang amat signifikan dalam lipatan sejarah Perak, khususnya dalam merancakkan industri perlombongan bijih timah serta memacu pembangunan dan pemodenan daerah Larut.

Pameran ini turut menonjolkan transformasi fungsi Kota Ngah Ibrahim, bermula daripada kediaman Tengku Menteri Ngah Ibrahim sehinggalah dijadikan sebuah muzium kini. Sepanjang sejarahnya, Kota Ngah Ibrahim pernah menjadi pusat pentadbiran British, markas tentera Jepun, mahkamah, penjara dan pusat pendidikan.

Selain pengisian pameran, murid-murid turut berpeluang menyertai aktiviti STEM (*Science, Technology, Engineering and Mathematics*) menghasilkan model *Hydraulic Excavator* dan *Colourful Fiber Optic Light.* Aktiviti ini bukan sahaja dapat merangsang kemahiran motor halus dan turut meningkatkan daya kreativiti murid, malah dapat memupuk sikap saling bantu-membantu dalam kalangan mereka.





Pameran anjuran Muzium Matang ini terbukti bukan sekadar platform untuk memperingati tokoh sejarah, malah berfungsi sebagai medium pendidikan yang berkesan dalam menyemai jati diri. Melalui pendekatan santai tetapi sarat dengan maklumat untuk murid-murid menimba ilmu dan menghayati semangat perjuangan tokoh-tokoh terdahulu.

MALB PERKASA PENDIDIKAN STEM MELALUI KERJASAMA STRATEGIK YAYASAN MR D.I.Y

Oleh : Nordiana binti Nordin, Muzium Arkeologi Lembah Bujang

KEDAH - Program *Outreach* dan *Inreach* merupakan antara teras penting dalam bidang permuziuman yang menekankan aspek pendidikan melalui penyampaian ilmu, sejarah dan warisan kepada golongan pelajar. Pada awal tahun 2026, Yayasan MR D.I.Y. terus berperanan sebagai rakan strategik Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melalui sumbangan 5,000 kit Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) kepada Muzium Arkeologi Lembah Bujang (MALB). Kit tersebut dimanfaatkan dalam pelaksanaan program pendidikan yang menghubungkan konsep STEM dengan bidang arkeologi, sekali gus memberi pendedahan kepada pelajar tentang peranan teknologi dan kaedah saintifik dalam mengenal pasti, mengkaji, merekod serta memelihara tinggalan warisan sejarah.

Pelaksanaan program ini menyasarkan murid sekolah rendah di sekitar Daerah Yan dan Kuala Muda melalui hebahan serta kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. Dengan slogan **"Cepat-Cepat Mai STEM, Syok Gila!"**, program ini dilaksanakan menerusi dua pendekatan utama, iaitu *Outreach* dan lawatan pendidikan berfokus, bagi menjadikan pembelajaran STEM dan arkeologi lebih interaktif, menarik serta mudah dihayati oleh pelajar.

Sepanjang Jun hingga Ogos sebanyak 19 aktiviti telah dilaksanakan di sekolah-sekolah sekitar Kedah serta Pulau Pinang, Perak, Melaka, Negeri Sembilan dan Kelantan. Maklum balas positif daripada pelajar menunjukkan aktiviti STEM yang dilaksanakan memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan menyeronokkan melalui pendekatan praktikal serta penerapan elemen sejarah dan arkeologi. Guru-guru turut menyambut baik pendekatan tersebut kerana berupaya meningkatkan penglibatan pelajar, mencetuskan minat terhadap STEM serta menjadikan pembelajaran di luar bilik darjah lebih bermakna.

Pelaksanaan program STEM ini memberi impak positif dalam memperkukuh peranan Muzium Arkeologi Lembah Bujang (MALB) dan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sebagai institusi pendidikan tidak formal yang inovatif, interaktif dan dekat dengan generasi muda. Kerjasama strategik bersama Yayasan MR D.I.Y. diharapkan dapat diteruskan dan diperluaskan bagi memperkasa program *Outreach* dan *Inreach*, sekali gus menyemai minat pelajar terhadap STEM, sejarah dan warisan negara melalui pendekatan pembelajaran yang kreatif, interaktif dan menyeronokkan.





PROGRAM JANGKAUAN LUAR KENALI MUZIUM DIRAJA DI SK JANDA BAIK, BENTONG, PAHANG DARUL MAKMUR

Oleh : Ahmad Sazali bin Sabu, Muzium Diraja

BENTONG, PAHANG - 19 Ogos 2026, Program Jangkauan Luar Kenali Muzium Diraja telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Janda Baik, Bentong, Pahang. Program membawa muzium kepada masyarakat khususnya pelajar sekolah dengan mengadakan pameran sementara dan aktiviti bagi menyampaikan ilmu dan maklumat berkaitan Institusi Yang Di-Pertuan Agong dan Sistem Raja Berperlembagaan sekaligus memupuk kecintaan terhadap nilai sejarah dan warisan Kesultanan Melayu.

Program ini telah disertai seramai 501 orang murid dan 38 orang guru. Seramai 4 orang pegawai dan kakitangan dari Muzium Diraja telah terlibat bagi menjayakan program ini.

Bagi menandakan titik permulaan kolaborasi formal, satu upacara menandatangani sijil jalinan kerjasama telah disempurnakan antara Puan Zainam Binti Hashim, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Janda Baik dan Puan Rohana Binti Husin, Pengarah Muzium Diraja. Ikatan ini menandakan komitmen antara kedua pihak dan dijangka bakal membuka lebih banyak peluang dan aktiviti pendidikan luar bilik darjah.

Program yang dijadualkan berlangsung dari jam 10.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari ini menerapkan pendekatan pembelajaran aktif dan inklusif. Bagi memastikan penglibatan menyeluruh, semua murid telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil. Pendekatan ini memberi peluang kepada setiap murid untuk mencuba aktiviti yang disediakan.

Pengisian utama program ialah :

- Pameran mengenai Institusi Yang di-Pertuan Agong dan alat-alat kebesaran diraja serta pameran destar yang dipakai oleh Raja / Sultan di Malaysia.
- Tayangan video berkaitan sejarah dan keunikan Muzium Diraja
- Aktiviti kit STEM yang menguji minda dan kreativiti, tajaan Mr. DIY
- Demonstrasi ikatan samping dan seni lipatan tengkolok
- Kuiz

Melalui program ini, murid-murid dapat memperolehi maklumat berkaitan sejarah negara secara langsung melalui pameran, bahan interaktif dan sesi perkongsian ilmu. Disamping itu juga program ini turut menyokong pelaksanaan kurikulum s*tandard* Sekolah Rendah (KSSR) khususnya dalam mata pelajaran Sejarah dan Pendidikan Sivik.

Matlamat program ini ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran murid mengenai sejarah Institusi Beraja serta warisan negara melalui pendekatan pembelajaran yang interaktif dan menyeronokkan.





PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIM) DI MUZIUM LUKUT

Oleh: Siti Norhayati binti Tapsir, Muzium Lukut

LUKUT - Pada 20 Mei 2026, Muzium Lukut telah mengadakan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM). Program ini dirangka bagi menyokong aspirasi pendidikan yang seimbang daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Penglibatan pelajar dan guru dalam program ini bertujuan meningkatkan minat pelajar untuk meneroka pengetahuan baharu, khususnya dalam mata pelajaran Sejarah. Subjek Sejarah menjadi lebih menarik melalui pengalaman pembelajaran secara langsung (in situ) serta berinteraksi dengan koleksi artifak yang nyata dan sahih.

Seramai 15 orang pelajar serta 2 orang guru pengiring dari SJKT Mukundan, Port Dickson, Negeri Sembilan telah menyertai program IPIM yang berlangsung di Muzium Lukut. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan secara langsung kepada pelajar tentang warisan dan sejarah tempatan melalui pelbagai aktiviti interaktif.

Program dimulakan dengan sesi taklimat ringkas yang disampaikan oleh pegawai Muzium Lukut. Seusai taklimat, pelajar mengikut sesi pengajaran dan pembelajaran (PnP) yang dikendalikan oleh guru pengiring. Seterusnya, para pelajar menyertai sesi lawatan berpandu di galeri pameran yang dikendalikan oleh pegawai Muzium. Dalam sesi ini, pelajar bukan sahaja diberi penerangan tentang artifak dan sejarah Kota Lukut, malah turut menyertai kuiz interaktif mengenai sejarah tempatan.

Aktiviti diteruskan dengan menggunakan *Kit STEM MR.DIY: Perigi Purba*, yang mana para pelajar perlu memasang kit tersebut menjadi model perigi. Aktiviti pengukuhan seterusnya ialah sesi simulasi kehidupan zaman prasejarah menggunakan *plasticine clay*. Dalam aktiviti ini, pelajar menghasilkan ciri-ciri kehidupan zaman prasejarah mengikut kreativiti masing-masing dan kemudiannya dipelbagaikan menjadi rantai kunci (*keychain)* sebagai tanda kenang-kenangan.

Secara keseluruhan, program ini berjaya mencapai objektifnya untuk memberi pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna. Kerjasama dan penyertaan daripada semua pihak amat dihargai, dengan harapan program seumpama ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan.





Antara pelajar yang berjaya menyiapkan Kit Stem Mr DIY Perigi Purba

KERIANGAN BERGANDA DI MUZIUM CHIMNEY: PROGRAM 'CERIA CUTI SEKOLAH' ANGKAT WARISAN TEMPATAN

Oleh : Junaida binti Omar Junit, Muzium Chimney





LABUAN - Jabatan Muzium Malaysia melalui Muzium Chimney telah memeriahkan musim cuti persekolahan dengan penganjuran program Ceria Cuti Sekolah @ Muzium Chimney pada 23 Mei hingga 7 Jun 2026. Program edisi kali ini tampil dengan gabungan tema dua perayaan, iaitu Hari Raya Aidiladha dan Pesta Kaamatan. Lebih menarik, penyertaan bagi semua aktiviti yang dianjurkan adalah percuma dan terbuka kepada segenap lapisan masyarakat.

Bagi mengimbau kembali nostalgia permainan tradisional serta memperkenalkan warisan budaya kepada generasi muda, pelbagai permainan tradisional diketengahkan sebagai aktiviti utama sepanjang program berlangsung. Pengunjung berpeluang merasai sendiri pengalaman bermain dan menguji ketangkasan menerusi 10 jenis permainan yang disediakan iaitu Rampanau, Lastik Tin, Sepak Bulu Ayam, Lompat Ting-ting, Batu Seremban, Congkak, Dam Aji, Selipar Gergasi, Lompat Getah, dan Gasing. Inisiatif ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan, malah menjadi satu usaha memelihara permainan warisan bangsa agar terus dikenali dan diwarisi oleh generasi akan datang.

Selain itu, program ini turut mengetengahkan aktiviti "Eksplorasi Ekskavasi" yang membolehkan peserta meneroka dunia arkeologi menerusi pengalaman pembelajaran secara langsung. Aktiviti dimulakan dengan taklimat mengenai bidang arkeologi, diikuti sesi praktikal cari gali menggunakan kit mini ekskavasi serta pendokumentasian hasil jumpaan artifak. Aktiviti ini memberi pendedahan kepada generasi muda bahawa bidang arkeologi bukan sekadar berkaitan dengan penemuan artifak lama, malah memainkan peranan penting dalam usaha meneroka, memahami dan memelihara warisan negara.

Turut dianjurkan Aktiviti STEM MR. DIY: *Solar Energy Double Ring,* sebuah program berunsurkan pendidikan, reka bentuk dan inovasi yang merupakan hasil usahasama antara Jabatan Muzium Malaysia dan Yayasan Mr.DIY. Inisiatif percuma ini memberi peluang kepada para pelajar untuk mengembangkan kreativiti, mengasah kemahiran penyelesaian masalah serta menambah pengetahuan mengenai teknologi hijau dan tenaga solar di luar bilik darjah.

Selain itu, aktiviti 'Bijak Rempah' turut diadakan secara terbuka kepada pengunjung Muzium Chimney. Aktiviti ini direka untuk menguji kepekaan deria bau peserta dalam mengenal pasti pelbagai jenis rempah-ratus yang lazim digunakan dalam penyediaan hidangan seperti rendang, gulai daging dan sate, khususnya dalam penyediaan juadah sempena hari perayaan.

Secara keseluruhannya, penganjuran program Ceria Cuti Sekolah @ Muzium Chimney ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai, khususnya ibu bapa yang memilih muzium sebagai destinasi untuk meluangkan masa berkualiti bersama anak-anak. Semoga program seumpama ini dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada pengunjung, di samping menyokong usaha Jabatan Muzium Malaysia dalam mendidik generasi muda agar lebih mengenali dan menghargai kekayaan warisan budaya tempatan.

Fiesta Uniti @ Muzium Adat

Oleh : Hayati binti Mohamad Zawawi, Muzium Adat





JELEBU – Program Fiesta Uniti@Muzium Adat bertemakan "Dinamika Adat" telah berlangsung di Muzium Adat pada 22 dan 23 Ogos 2026. Penganjuran program ini menjadi manifestasi kukuh dalam mentransformasikan peranan muzium sebagai platform integrasi kaum dan hab pendidikan tidak formal yang dinamik, seiring dengan aspirasi dan dasar Kementerian Perpaduan Negara. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri Sembilan, YB Datuk Razali bin Abu Samah pada Sabtu, 22 Ogos 2026. Turut hadir menyerikan majlis iaitu Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia (JMM), YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) JMM, YBrs. Encik Mohd Razaimi bin Hamat, wakil Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu, rakan strategik Majlis Daerah Jelebu dan Pejabat Belia dan Sukan Daerah Jelebu, agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta pihak badan bukan kerajaan (NGO).

Penganjuran program selama dua hari ini menerapkan pendekatan "meremajakan muzium" bagi mengubah persepsi masyarakat agar melihat muzium bukan sekadar premis penyimpanan artifak, sebaliknya sebagai pusat interaksi sosial yang interaktif dan bernafas baharu. Pelbagai aktiviti inklusif telah disusun bagi memenuhi cita rasa segenap lapisan masyarakat, merangkumi wacana ilmu, persembahan kebudayaan tradisi, aktiviti komuniti dan belia serta jualan keusahawanan. Menerusi program ini juga, JMM mengambil kesempatan mengetengahkan fungsi bidang terasnya secara terus kepada masyarakat. Antaranya termasuklah Kempen Derma Koleksi, Klinik Konservasi Barangan Vintaj, aktiviti *Virtual Reality* (VR) dan jualan buku-buku terbitan JMM. Penganjuran Fiesta Uniti@Muzium Adat ini membuktikan komitmen berterusan Jabatan Muzium Malaysia dalam memelihara dan memartabatkan khazanah warisan negara, di samping memacu limpahan ekonomi pelancongan tempatan khususnya buat komuniti di daerah Jelebu.

PROGRAM SIRI KEMBARA SEJARAH
SEKOLAH KEBANGSAAN RAJA MUDA MUSA, KUALA KANGSAR KE MUZIUM MATANG

Oleh: Barhaman Zaktom bin Ahmad, Muzium Matang





MATANG - Muzium Matang telah menerima kunjungan daripada Sekolah Kebangsaan Raja Muda Musa, Kuala Kangsar, Perak melalui Program Siri Kembara Sejarah ke Muzium Matang. Program ini telah dilaksanakan dalam dua siri lawatan, iaitu siri pertama pada 23 Mei 2026 dan siri kedua pada 27 Jun 2026.

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar tentang sejarah tempatan, khususnya berkaitan Kota Ngah Ibrahim, sejarah Larut dan perkembangan awal negeri Perak. Selain itu, untuk meningkatkan pengetahuan pelajar terhadap peranan muzium sebagai pusat pendidikan tidak formal yang menyimpan, memelihara dan mempamerkan warisan negara kepada masyarakat.

Bagi siri pertama, seramai 50 orang pelajar tahun empat telah menyertai lawatan ini. Manakala bagi siri kedua, seramai 55 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun lima dan tahun enam. Sepanjang program berlangsung, para pelajar telah dibawa melawat ke galeri pameran Rumah Ngah Ibrahim dan galeri pameran Rumah Pengawal Keselamatan Ngah Ibrahim. Lawatan ini memberi peluang kepada pelajar untuk memahami dengan lebih dekat sejarah perjuangan, pentadbiran dan kepentingan Kota Ngah Ibrahim dalam konteks sejarah negeri Perak.

Melalui lawatan ke galeri pameran, para pelajar berpeluang memperoleh pengetahuan sejarah secara langsung, malah dapat melihat sendiri bahan pameran dan tinggalan warisan yang berkaitan dengan sejarah tempatan sekali gus dapat meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran sejarah serta menanam rasa cinta terhadap warisan, budaya dan sejarah tempatan.

Selain lawatan ke galeri pameran, pihak Muzium Matang turut menyediakan aktiviti **"Ate Moh Kite Buat"** dengan kerjasama Yayasan Mr. D.I.Y. yang melibatkan pembuatan periskop dan *Solar Powered Wind Car*. Aktiviti *hands-on* ini menggabungkan elemen sejarah, kreativiti, sains dan inovasi bagi memperkukuh pengalaman pembelajaran pelajar.

Secara keseluruhannya, Program Siri Kembara Sejarah ke Muzium Matang telah berjaya mencapai objektif penganjurannya dalam memperkenalkan sejarah tempatan kepada generasi muda. Melalui penganjuran program pendidikan seperti ini, Muzium Matang terus berperanan sebagai institusi yang menyumbang kepada usaha memupuk kesedaran sejarah, penghargaan terhadap warisan negara serta pembentukan jati diri dalam kalangan pelajar sekolah.

Program Bicara @ MUZIUM ADAT
"TRADISI DAN BUDAYA MELAYU DALAM ADAT TURUN PERAHU"

Oleh : Hayati binti Mohamad Zawawi, Muzium Adat

JELEBU – Pada 30 Julai 2026, Muzium Adat telah menganjurkan program Bicara@Muzium Adat Siri 2/2026 secara dalam talian menerusi platform *Zoom Meeting* dan *Facebook Live*. Program bertajuk **"Tradisi dan Budaya Melayu dalam Adat Turun Perahu**" ini bertujuan mengupas warisan kebudayaan maritim Melayu serta kearifan tempatan masyarakat nelayan. Sesi ini menampilkan Dr. Mohd Rohaizat bin Abdul Wahab daripada Universiti Putra Malaysia sebagai panel jemputan dan berjaya menarik seramai 311 penonton yang melayarinya secara langsung.

Menerusi sesi bicara tersebut, Dr. Mohd Rohaizat mengupas secara mendalam peranan perahu dalam peradaban orang Melayu, kepelbagaian jenis perahu tradisional serta amalan, adat dan pantang larang yang diamalkan. Beliau turut memperincikan adat turun perahu iaitu suatu upacara warisan dan penting dalam kalangan komuniti nelayan Melayu yang sarat dengan elemen simbolisme, hubungan spiritual serta keharmonian antara manusia dan alam.

Program ini secara tidak langsung membuktikan bahawa adat turun perahu bukan sekadar peluncuran fizikal sesebuah kenderaan air, malah menjadi manifestasi nilai, kepercayaan dan kebijaksanaan tamadun maritim Melayu. Di samping itu, amalan ini turut berfungsi sebagai alat kawalan sosial dan wadah penerapan nilai-nilai murni yang kekal relevan dalam komuniti nelayan Melayu sehingga kini.





NYIGAR BIDAYUH: SATU WARISAN BANGSA

Oleh: Shenna Anak Skem, Muzium Negara
Sumber Gambar: Encik Benielton Jarut (Serian, 2026)

Sejarah ringkas sambutan perayaan Gawai Dayak di Sarawak

Perayaan Gawai Dayak merupakan sambutan kebudayaan yang lazimnya diraikan oleh komuniti Dayak, khususnya etnik Iban dan Bidayuh di Sarawak. Gawai bukan sekadar perayaan biasa, tetapi merupakan pesta kesyukuran yang menandakan berakhirnya musim menuai dan turut melambangkan permulaan tahun baharu mengikut kalendar pertanian masyarakat tempatan. Pada zaman dahulu, perayaan Gawai tidak terikat pada mana-mana tarikh yang spesifik dalam kalendar, tetapi diputuskan melalui permuafakatan bersama oleh ketua-ketua kampung atau penatua adat setelah memastikan kerja-kerja penuaian hasil bumi selesai dilaksanakan oleh penduduk setempat.



Bawar (Altar Pemujaan)

Perjalanan ke arah pengiktirafan Hari Gawai sebagai cuti rasmi bermula pada tahun 1962 apabila Datuk Seri Tra Zehnder membentangkan usul di dalam *Council Negri* untuk menjadikan 1 Jun setiap tahun sebagai 'Hari Dayak'. Walaupun usul tersebut ditolak oleh pentadbiran kolonial British pada ketika itu, semangat untuk memartabatkan perayaan ini tidak luntur. Hal ini dibuktikan apabila Datuk Michael Buma mengambil inisiatif untuk menganjurkan sambutan Gawai secara persendirian buat pertama kalinya pada 1 Jun 1963. Pembentukan gagasan Malaysia kemudiannya telah membuka ruang yang lebih luas dan telah mendapat sokongan kuat daripada tokoh kepimpinan negeri seperti Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan dan Tun Temenggong Jugah. Berkat kesatuan, desakan berterusan dan kesepakatan para pemimpin Dayak, perayaan ini akhirnya berjaya diwartakan secara rasmi sebagai cuti umum bagi negeri Sarawak pada 25 September 1964. Susulan daripada itu, Hari Gawai mula diraikan secara rasmi di peringkat negeri pada 1 Jun 1965. Secara keseluruhannya, evolusi Hari Gawai melambangkan satu kemenangan besar dan kesatuan masyarakat Dayak dalam mengekalkan kelangsungan warisan identiti serta budaya mereka.

Latar Belakang Demografi dan Identiti Etnik Bidayuh

Masyarakat Bidayuh merupakan salah satu kumpulan etnik peribumi utama di bawah rumpun Dayak di Sarawak. Pada zaman pentadbiran kolonial British, mereka sering dirujuk sebagai *Land Dayak* atau Dayak Darat bagi membezakan mereka dengan etnik Iban yang dikenali sebagai *Sea Dayak* atau Dayak Laut. Pada hari ini, masyarakat Bidayuh terus berkembang pesat dan membentuk kumpulan etnik ketiga terbesar di Sarawak Bumi Kenyalang. Secara geografinya, majoriti masyarakat Bidayuh mendiami kawasan Barat Daya Sarawak yang dikenali sebagai Lingkungan Bidayuh (*Bidayuh Belt)*. Penempatan mereka tertumpu di daerah Serian, Bau, Lundu dan Padawan.

Walaupun dikelaskan di bawah satu identiti masyarakat Bidayuh, komuniti ini sebenarnya sangat rencam. Mereka terbahagi kepada beberapa sub-kumpulan utama yang ditentukan oleh kawasan geografi dan penggunaan dialek. Secara umumnya, terdapat enam kumpulan dialek utama masyarakat Bidayuh iaitu;

Dialek	Kawasan (Daerah)
Biatah	Padawan dan Kuching
Bau- Jagoi	Bau
Bukar-Sadong	Serian
Salako dan Rara	Lundu
Tringgus dan Sembaan	Sempadan daerah Bau dan Padawan

Walaupun jurang perbezaan bahasa ini kadangkala menyukarkan komunikasi antara satu sub-kumpulan dengan yang lain, mereka tetap disatukan oleh akar budaya dan adat resam yang kukuh.

Dari sudut kerohanian, masyarakat Bidayuh tradisional berpegang teguh kepada ajaran animisme. Namun demikian, selaras dengan peredaran zaman moden, majoriti masyarakat Bidayuh telah memeluk agama Kristian. Walaubagaimanapun, nilai estetika adat dan tradisi perayaan suku kaum ini tidak pernah pudar, malah kekal dipelihara serta disepadukan secara harmoni dalam kehidupan moden mereka.

GAWAI NYIGAR BIDAYUH

Nyigar atau dikenali sebagai *Ngiyar Gawea Sowa* yang terkenal di kalangan kumpulan sub-etnik Bratak dan Jagoi merupakan satu tarian ritual purba atau kini lebih dikenali sebagai persembahan kesyukuran sebagai sebuah medium untuk memuja roh bagi memohon kelimpahan hasil tuaian, memohon keberkatan, menangkis anasir-anasir jahat dan menyembuhkan penyakit. *Nyigar* amat berkait rapat dengan *Dayung Borih*, iaitu golongan wanita yang diangkat sebagai pendeta wanita atau pakar ritual tradisional. Mereka bukan sahaja berperanan sebagai penari, tetapi juga sebagai medium perantara untuk berkomunikasi antara alam manusia dan alam roh, demi menjamin hasil tuaian masyakarat sentiasa dilindungi serta mengelakkan sesebuah kampung serta penduduknya dari berlaku sebarang wabak dan malapetaka.

Tarian *Nyigar* mempunyai aura yang sangat berbeza berbanding tarian perayaan lain. Jika pada kebiasaannya kebanyakan tarian perayaan diiringi dengan tempo yang rancak, sebaliknya *Nyigar* ditarikan dengan pergerakan yang sangat perlahan, teliti dan penuh tertib. Gaya perlahan ini sebenarnya satu bentuk terjemahan visual yang melambangkan rasa hormat serta sifat rendah diri manusia ketika berhadapan dengan kuasa alam ghaib. Dalam upacara ini, paluan set gong dan gendang tradisional Bidayuh bukanlah sekadar muzik yang memeriahkan suasana. Rentak dan irama yang dimainkan secara berulang-ulang mempunyai fungsi yang jauh lebih penting iaitu untuk membimbing atau memimpin para *Dayung Borih* mencapai tahap spiritual tertinggi seperti memasuki keadaan separuh sedar sepanjang ritual dijalankan. Antara kelengkapan utama penggunaan barangan ritual yang wajib bagi memastikan kelancaran upacara ini seperti;

Podi (Padi): Lambang kelangsungan hidup dan rezeki, selari dengan tujuan utama perayaan Gawai iaitu bersyukur terhadap hasil tuaian.





Bawar (Altar Pemujaan) dan persembahan lain: Elemen alam semulajadi ini bertindak sebagai medium persembahan dan alat penyucian ruang untuk menghalau anasir-anasir jahat. Sajian persembahan seperti beras, kunyit, makanan tradisional, sirih pinang, tuak dan lain-lain berkaitan akan dipersembahkan kepada roh nenek moyang dalam upacara ini.

Para penari akan menggayakan busana tenunan Bidayuh yang sangat terperinci dengan pemilihan warna seperti warna hitam, merah, putih atau kuning yang mempunyai makna tersendiri. Satu elemen yang mencuri tumpuan ialah pemakaian *sigar* iaitu penutup kepala tenunan khas yang diangkat sebagai identiti atau lambang kemegahan penari ritual ini.

Kini, seiring dengan peredaran zaman dan perubahan pegangan agama, amalan ritual animisme sebenar oleh *Dayung Borih* sudah jarang dipraktikkan dalam kalangan masyarakat Bidayuh itu sendiri. Namun begitu, seni dan estetika *Nyigar Gawea Sowa* tidak dibiarkan lenyap ditelan zaman. Ia kini telah diadaptasi dan dipelihara sebagai persembahan kesenian kebudayaan yang menjadi kebanggaan setiap anak jati Bidayuh. Melalui persembahan ini, generasi muda Bidayuh khususnya dan masyarakat luar dapat terus mengagumi nilai sejarah, keindahan busana serta kekayaan budaya yang dimiliki.

DARI ARKIB KE MUZIUM: MENELUSURI SEMULA PERJANJIAN LABUAN 16 APRIL 1984

Oleh: Muhammad Azam bin Adnan, Muzium Labuan

Perjanjian Labuan merupakan satu peristiwa bersejarah yang menandakan pemisahan Pulau Labuan daripada pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah dan penyerahannya kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia. Melalui perjanjian ini, Labuan secara rasmi diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan. Perjanjian Labuan telah ditandatangani pada 16 April 1984 di Padang Bandaran Labuan yang kini dikenali sebagai Dataran Labuan.

Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang ke-4 bagi pihak Kerajaan Persekutuan Malaysia dan Datuk Harris bin Mohd. Salleh, Ketua Menteri Sabah yang ke-6 bagi pihak Kerajaan Negeri Sabah. Turut menurunkan tandatangan sebagai saksi ialah Tan Sri Hashim bin Aman, Ketua Setiausaha Negara Malaysia dan Tan Sri Datuk Abdul Hamid bin Egoh, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Antara implikasi penting perjanjian ini ialah pengisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan yang kedua di Malaysia serta penetapannya sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa yang kini dikenali sebagai Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan. Dokumen perjanjian ini mengandungi empat muka surat dan disediakan dalam dua versi iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kedua-dua salinan asal tersebut kini disimpan di Arkib Negara Malaysia (ANM).



Muka surat pertama Perjanjian Labuan





Dokumen Perjanjian Labuan yang telah ditandatangan

Muzium Labuan mempamerkan beberapa koleksi yang berkaitan dengan peristiwa bersejarah ini termasuk sebuah meja dan dua buah kerusi yang digunakan sewaktu majlis menandatangan perjanjian ini. Koleksi ini dipinjamkan oleh Jabatan Muzium Sabah kepada Muzium Labuan sejak ia dibuka kepada pelawat pada 8 Oktober 2004. Namun begitu, sehingga kini tiada salinan Perjanjian Labuan dipamerkan di Muzium Labuan, sebaliknya hanya replika kulit muka hadapan perjanjian sahaja yang dipamerkan dalam peti pameran. Sehubungan itu, satu usaha telah dijalankan oleh Muzium Labuan bagi mendapatkan salinan perjanjian ini untuk tujuan pameran.

Pada 6 Oktober 2025, satu lawatan kerja ke ibu pejabat ANM di Kuala Lumpur telah diadakan oleh saya selaku Pengarah Muzium Labuan bersama Puan Raja Suriaty binti Raja Ahmed, Kurator Kanan Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi serta Puan Ruhafizah binti Abd Ghani, Penolong Kurator Bahagian Pengurusan Koleksi. Lawatan ini telah disambut oleh Encik Muhammad Afiq bin Mazlan, Pegawai Arkib Seksyen Rujukan dan Akses, yang seterusnya membawa kami ke Dewan Penyelidikan ANM untuk melihat sendiri salinan asal Perjanjian Labuan. Pihak kami diberi peluang untuk meneliti dokumen tersebut dengan lebih dekat serta diberikan kebenaran untuk mengambil gambar bagi tujuan rujukan. Dalam pertemuan tersebut, kami turut menyampaikan hasrat untuk mendapatkan salinan digital Perjanjian Labuan agar dapat dipamerkan di Muzium Labuan. Encik Afiq memaklumkan permohonan rasmi perlu dikemukakan melalui Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia kepada Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia.



Gambar peristiwa Perjanjian Labuan 16 April 1984



Kod QR salinan Perjanjian Labuan

Sekembalinya ke Labuan, saya telah meneliti gambar-gambar salinan perjanjian yang diambil semasa lawatan tersebut. Salah satu perkara yang menarik perhatian saya ialah kandungan Perkara III dalam Perjanjian Labuan yang menyentuh mengenai hak milik mengenai hak milik premis yang dikenali sebagai "Sri Labuan". Pada dokumen ada tertulis seperti berikut dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris:

Tanah yang di atasnya premis yang dikenali sebagai "Sri Labuan" adalah bersangkutan dengannya itu, berserta premis tersebut, hendaklah diberimilik kepada Kerajaan Negeri Sabah mengikut undang-undang yang berkaitan dan atas apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

The land upon which the premises known as "Sri Labuan" is appurtenant thereto, together with the said premises, shall be alienated to the Government of the State of Sabah in accordance with the relevant law and on such terms and conditions as may be specified by the Government of the State of Sabah.

Pada peringkat awalnya saya beranggapan bahawa "Sri Labuan" merujuk kepada nama rasmi Labuan semasa berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah. Namun, setelah meneliti Perkara III atau *Article III* ini berulang kali serta berbincang dengan beberapa pihak lain, saya mendapati bahawa peruntukan tersebut sebenarnya merujuk kepada sebuah premis tertentu bernama Sri Labuan, yang hak miliknya hendaklah diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah walaupun Labuan telah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia.

Persoalan seterusnya yang timbul ialah mengenai lokasi sebenar premis Sri Labuan yang dimaksudkan dalam perjanjian tersebut. Carian awal melalui sumber di internet mendapati bahawa nama Sri Labuan ini pernah digunakan oleh Unit Pengawasan Senggara Timur Tentera Laut Diraja Malaysia (UPST TLDM) yang dahulunya dikenali sebagai Pangkalan KD Sri Labuan yang telah dirasmikan oleh Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu pada 16 Mei 1966. Bagi mengesahkan maklumat ini saya telah menghubungi Pegawai Memerintah UPST TLDM, Lt Kdr Ts. Mohd Hairul Aminuddin bin Che Mood, yang mengesahkan maklumat ini adalah benar. Walau bagaimanapun, beliau memaklumkan bahawa geran tanah UPST TLDM kini telah didaftarkan di bawah Wilayah Persekutuan Labuan dan bukan di bawah Kerajaan Negeri Sabah.

Bagi mendapatkan pandangan lanjut, saya turut mengajukan persoalan ini kepada Encik Mahathir bin Abd. Hamid, Pengarah Jabatan Sosio Ekonomi di Perbadanan Labuan yang juga merupakan anak jati Labuan. Beliau berpandangan bahawa Sri Labuan ini mungkin merujuk kepada premis Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah yang terletak berhampiran dengan UPST TLDM Labuan di Jalan Tanjung Batu, Labuan. Menurut beliau juga, premis ini merupakan ibu pejabat Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah dan tanah di keseluruhan kawasan premis ini merupakan tanah milik Kerajaan Negeri Sabah. Pandangan ini turut disokong oleh Cik Zuriani binti Abdul Ghani, Penolong Kurator di Muzium Labuan yang memaklumkan bahawa dahulu terdapat rumah rehat bagi golongan kenamaan di premis ini sewaktu Labuan masih lagi di bawah pentadbiran Sabah. Berdasarkan dapatan awal ini, satu andaian awal dibuat bahawa premis Sri Labuan yang dirujuk dalam Perjanjian Labuan berkemungkinan besar merujuk kepada kawasan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah di Labuan. Namun demikian, kajian lanjut dan rujukan silang bersama Jabatan Arkib Negeri Sabah serta pakar sejarah tempatan masih diperlukan bagi mengesahkan perkara ini secara muktamad.

Susulan lawatan kerja ke ANM, saya telah mendapat kebenaran daripada KP JMM untuk menghantar surat permohonan rasmi bagi mendapatkan salinan digital Perjanjian Labuan kepada KP ANM. Pada 12 November 2025, pihak ANM telah memaklumkan melalui emel tentang kelulusan permohonan tersebut dan satu pautan Google Drive yang mengandungi foto-foto salinan Perjanjian Labuan dalam resolusi tinggi telah dikongsikan. Caj sebanyak RM120.00 dikenakan, berdasarkan kadar RM10.00 bagi setiap muka surat, memandangkan Perjanjian Labuan ini mengandungi 12 muka surat bagi salinan kedua-dua versi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Salinan digital perjanjian ini telah dimuat naik ke laman sesawang JMM dengan bantuan Encik Noor Hanizam bin Mohamed, Pegawai Teknologi Maklumat JMM, bersama kod QR yang telah dijana. Kod QR dan kapsyen baharu tersebut kini dipamerkan di peti pameran segmen Pengisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan di Galeri Muzium Labuan. Buat julung kalinya selepas dua puluh tahun Muzium Labuan beroperasi, salinan digital Perjanjian Labuan dapat dipamerkan kepada pelawat. Selain itu, perancangan untuk membuat replika perjanjian ini dalam beberapa format pada tahun 2026 bersama Unit Penerbitan JMM supaya dapat dipamerkan selain dapat digunakan sebagai bahan bantu mengajar untuk program IPIM dan jangkauan luar Muzium Labuan.

Kesimpulannya, Perjanjian Labuan bukan sekadar dokumen pentadbiran, tetapi catatan penting yang membentuk identiti dan kedudukan Labuan dalam sejarah negara. Usaha menelusuri kembali kandungan perjanjian termasuk pencarian maklumat mengenai premis "Sri Labuan" telah membuka ruang baru untuk memahami konteks sebenar proses penyerahan pulau ini kepada Kerajaan Persekutuan. Langkah mendapatkan salinan digital perjanjian daripada Arkib Negara Malaysia ini telah membolehkan Muzium Labuan memperkayakan pengisian pamerannya dan seterusnya memberikan akses lebih luas kepada para pelawat untuk mengenali sejarah Labuan secara mendalam. Inisiatif ini bukan sahaja mengisi jurang maklumat dalam naratif pameran, malah turut menegaskan komitmen Muzium Labuan dalam memelihara, mendokumentasi dan menyampaikan warisan sejarah kepada masyarakat.



Penulis bersama Puan Raja Suriaty Raja Ahmed semasa lawatan kerja ke Arkib Negara Malaysia

MENYINGKAP SEJARAH RUMAH PANJANG MATOP DI BETONG

Oleh: Rohana binti Husin, Muzium Diraja



Tengkorak manusia berusia ratusan tahun digantung sebagai simbol kuasa spiritual pelindung kepada penduduk.

Ketika mengadakan Pameran Raja Kita di Betong, Sarawak, penulis bersama pegawai dari Jabatan Penerangan Sarawak telah dijemput oleh YB Datuk Gerald Rentap Jabu, Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak merangkap ADUN Layar untuk melawat ke Rumah Panjang Matop di Paku. Rumah panjang yang dibina pada tahun 1941 itu kini berusia 85 tahun dan merupakan antara rumah panjang bersejarah yang paling kerap dikunjungi oleh pemimpin-pemimpin utama negara. Nama Matop berasal daripada Sungai Matop, iaitu anak Sungai Paku yang panjangnya 4.8 kilometer. Aktiviti ekonomi masyarakat di sini ialah menanam padi bukit dan sawah, mengerjakan ladang getah, kelapa sawit, lada hitam selain berburu dan menangkap ikan.

Rumah Panjang Matop mempunyai 28 buah pintu dengan setiap unit kediamanan berukuran antara 17 kaki lebar dan 126 kaki panjang, bermula dari dapur hingga ke bahagian pengeringan terbuka yang dikenali sebagai 'tanju'. Tiang-tiang rumah ini diperbuat daripada kayu belian bulat dengan ukur lilitnya kira-kira 7 kaki dan panjang kira-kira 27 kaki. Daripada jumlah tersebut, 6 kaki ditanam ke dalam dalam tanah, 4 kaki merupakan jarak dari tanah hingga ke lantai, 12 kaki tinggi ke lantai yang pertama atau 'sadau' dan bakinya setinggi 15 kaki membentuk bahagian hingga ke bumbung rumah. Hiasan tanduk-tanduk rusa digantung pada tiang rumah sebagai lambang kekuatan dan keberanian penghuni rumah panjang tersebut. Selain itu, terdapat juga himpunan tengkorak 'antu pala' berusia beratus tahun digantung di ruai yang dpercayai mempunyai kuasa spiritual sebagai pelindung kepada penduduk.

Dalam sistem sosial masyarakat Iban, rumah panjang ditadbir oleh seorang Tuai Rumah (Ketua Kampung) yang dibantu oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Mengikut amalan komuniti Iban, nama rasmi sesebuah rumah panjang akan berubah mengikut nama Tuai Rumah yang dilantik. Secara tradisinya, jawatan Tuai Rumah diwarisi oleh kaum lelaki. Namun demikian, Rumah Panjang Matop telah melakar sejarah apabila Tuai Rumah Anyie anak Rajit dilantik sebagai Tuai Rumah wanita pertama dalam sejarah rumah panjang tersebut. Perlantikan ini menjadi simbol perubahan positif dalam struktur sosial luar bandar Sarawak yang mengiktiraf kepimpinan wanita.

Rumah panjang ini pernah menerima kunjungan beberapa pemimpin utama negara, antaranya ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika lawatan kerja luar bandar beliau ke Sarawak pada 6 Ogos 1999. Selain itu, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong VII, Sultan Haji Ahmad Shah bersama Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajjah Afzan turut berkenan mencemar duli ke rumah panjng ini pada 5 Oktober 1979 sempena Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-116 yang berlangsung di Kuching, Sarawak. Rumah panjang ini turut berperanan sebagai pusat kebudayaan masyarakat Iban, menjadi lokasi upacara sambutan tradisi miring, tarian Ngajat, perjumpaan komuniti dan lokasi utama Rumah Terbuka Hari Gawai Dayak di peringkat bahagian.

Sistem cukai pintu rumah panjang di Sawarak mula diperkenalkan ketika pentadbiran James Brooke sekitar tahun 1840-an. Sebelum kedatangan Brooke, penduduk di kawasan pedalaman dikenakan ufti atau cukai oleh pembesar Kesultanan Brunei. Pada tahun 2017, cukai pintu bagi semua rumah panjang di Sarawak telah dimansuhkan sepenuhnya oleh Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Pada masa kini, sebahagian besar penduduk Rumah Panjang Matop telah berhijrah dan bekerja di bandar. Walau bagaimanapun, apabila tibanya sambutan Hari Gawai Dayak atau apabila berlaku kematian ahli keluarga, mereka akan pulang ke rumah panjang untuk berkumpul dan bertemu keluarga bagi mengeratkan lagi hubungan serta meneruskan tradisi warisan turun-temurun rumah panjang ini. Rumah Panjang Matop kekal menjadi lambang identiti, perpaduan dan kesinambungan budaya masyarakat Iban di Sarawak.

Sistem kepimpinan tradisional bagi komuniti rumah panjang adalah berbentuk piramid seperti berikut;





Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong VII, Sultan Haji Ahmad Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajjah Afzah pada tahun 1979.



Dari kiri-Temenggong Richard Mulok- Ketua Masyarakat Iban Bahagian Betong dan Rohana.

Belangsukawa

AL - FATIHAH

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

" SESUNGGUHNYA KAMI ADALAH KEPUNYAAN ALLAH DAN KEPADA ALLAH JUALAH KAMI KEMBALI "



ALLAHYARHAM RIDZUAN BIN MOHD SHAFIE
PEMBANTU MUZIUM
MUZIUM KOTA KUALA KEDAH

Allahyarham Ridzuan bin Mohd Shafie, 51 tahun (lahir 14 September 1975), telah berkhidmat di Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sejak 3 Jun 2002. Kerjaya Allahyarham bermula sebagai Pembantu Muzium Gred S19 sebelum dinaikkan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (TBK1) ke Gred S22 pada 3 Jun 2015. Sepanjang tempoh perkhidmatan hampir 24 tahun, Allahyarham pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 2019.

" Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama orang yang beriman"

Muzium Kita Tamadun Kita


Galeria Perdana


Muzium Adat


Muzium Arkeologi Lembah Bujang


Muzium Chimney


Muzium Diraja



Muzium Etnologi Dunia Melayu


Muzium Kota Johor Lama


Muzium Kota Kayang


Muzium Kota Kuala Kedah


Muzium Labuan


Muzium Lukut


Muzium Marin


Muzium Matang


Muzium Negara


Muzium Automobil Nasional


Muzium Perak


Muzium Seni Bina


Muzium Seni Kraf Orang Asli


Muzium Sg Lembing


Muzium Tekstil Negara



Galeri Muzik

Jabatan Muzium Malaysia, Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.
Tel: 603 2267 1000 / 603 2282 6255 Faks : 603 2282 6434